

# Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



**LANGGAN AKHBAR AMANAH SEGERA!**  
**PERCUMA T-SHIRT**

untuk urusan Langganan  
☎ 011 3233 4322

**Bela wanita bertudung bukti sebenar sikap DAP terhadap Islam**

→ ms2



**Pas akhirnya masuk perangkap**



→ ms8

**Bila Pas 'mempasubungkan' dirinya di Parlimen**



→ ms9

# “TERIMA KASIH PAS”

**PEMIMPIN Umno yang juga timbalan menteri mengucapkan terima kasih kepada Pas apabila ahli Parlimen parti itu 'mempasubungkan' diri mereka dalam Parlimen baru-baru ini ketika mengambil sikap berkecuali dalam pengundian sokongan kepada Bajet 2018. 11 ahli Parlimen Pas 'mempasubungkan' dirinya dengan berkecuali manakala dua lagi tidak hadir ke Parlimen termasuk ahli Parlimen Marang, Abdul Hadi Awang.**

➔ Ikuti kupasan penuh isu ini di muka 9



Ahli Parlimen Pakatan Harapan bergambar bersama Datuk Mahfuz Omar selepas mengundi menentang Bajet 2018 ketika Pas mengambil sikap berkecuali. Mahfuz telah mencadangkan agar undi belah bahagi dibuat.

**PROMOSI TERBARU!!**

**DAPATKAN SEGERA**

☎ 01132334322  
untuk urusan pembelian

HANYA RM 30




HANYA RM 30




HANYA RM 35



HANYA RM 39



HANYA RM 49





# Bela wanita bertudung bukti sebenar sikap DAP terhadap Islam

**L**ANGKAH DAP membela hak pekerja hotel di kalangan wanita Islam untuk memakai pakaian bertudung ketika bekerja mendapat sanjungan pelbagai pihak bahkan ia membuktikan DAP tidak anti Islam.

Begitu juga dengan tindakan kerajaan negeri Pulau Pinang pimpinan Lim Guan Eng yang mengarahkan agar pekerja hotel di kalangan wanita Islam tidak dilarang dari memakai tudung ketika bekerja.

Ia telah disambut baik oleh pembagai pihak berdasarkan komen-komen mereka dalam media sosial dan bakal mereda imej anti Islam yang cuba dilebelkan oleh musuh DAP terhadapnya.

Media DAP, Raketkini melaporkan, Timbalan Pengerusi DAP Kebangsaan, Gobind Singh Deo menegaskan larangan wanita bertudung dalam industri perhotelan

negara ini merupakan diskriminasi serta melanggar Perlembagaan.

Selain berat sebelah, larangan tersebut juga katanya merupakan pencabulan hak asasi manusia terhadap seseorang untuk mengamalkan kepercayaan agamanya.

"Sebenarnya tidak ada sebab untuk melarang wanita memakai tudung dalam industri perhotelan.

"Larangan itu, pada pendapat saya, adalah berat sebelah, bersifat diskriminasi, dan melanggar Perlembagaan," katanya dalam kenyataan itu.

Justeru, beliau menggesa supaya kerajaan menangani isu ini dengan baik, sama ada melalui undang-undang atau sebagainya.

"Jika perlu menyelesaikannya di mahkamah, saya bagi pihak DAP, sedia menawarkan bantuan guaman kepada mereka yang terjejas akibat larangan itu.

"Saya sedia membantu jika mereka yang terlibat mahu mencabar



**Timbalan Pengerusi DAP Kebangsaan, Gobind Singh Deo sedia bela wanita Islam yang dianiaya kerana bertudung.**

kesahihan larangan tersebut di mahkamah," katanya lagi.

Di Pulau Pinang pula, Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng tidak bersetuju dengan dasar yang melarang pekerja wanita beragama Islam yang ditugaskan di

perkhidmatan pelanggan daripada memakai tudung, kata Persatuan Hotel Malaysia (Malaysia) cawangan negeri itu.

Presiden MAH Pulau Pinang, Khoo Boo Lim berkata Guan Eng sendiri telah menghubungi beliau bagi menyatakan bantahan yang secara khususnya merujuk kepada kenyataan Presiden MAH, Samuel Cheah Swee Hee berhubung isu itu.

"Ketua Menteri menyatakan kekecewaannya dengan kenyataan tersebut yang dianggapnya bersifat diskriminasi dan penyalahgunaan hak asasi pekerja wanita Islam untuk memakai pakaian

pilihan mereka.

"Ketua Menteri juga anggap larangan berbentuk diskriminasi itu tidak ada kaitan dengan prestasi pekerja," katanya, kata Boo Lim, seperti dilaporkan Malaysiakini.

Justeru itu, katanya, wanita Islam yang bekerja di hotel di Pulau Pinang tidak akan dilarang daripada memakai tudung.

Kontroversi berhubung perkara ini tercetus apabila Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (Uni-MLC) mendedahkan terdapat aduan daripada kakitangan wanita Islam yang diarah menanggalkan tudung mereka.

## Isu tudung: Pemuda PH seru badan agama ambil tindakan

**BIRO** Undang-Undang Pemuda Pakatan Harapan menyelar tindakan majikan hotel yang tidak membenarkan kakitangan mereka yang beragama Islam dan bertudung untuk berkhidmat di kaunter perkhidmatan pelanggan.

Ketuanya, Wan Anwar Wan Ibrahim berkata, sikap majikan terbabit bukan sahaja tidak demokratik dan tidak menghormati kebebasan asasi individu bahkan juga tidak berperlembagaan.

"Perkara 3 Perlembagaan jelas menyatakan bahawa Islam adalah agama Persekutuan manakala

Perkara 11 Perlembagaan memberikan hak kepada setiap warganegara untuk bebas mengamalkan ajaran agama masing-masing selagi mana ianya tidak menjejaskan ketenteraman awam, kesihatan awam atau akhlak," ujarnya.

Timbalan Pengerusi Biro Undang-Undang (KANUN) Parti Amanah Negara (AMANAH) itu berkata, pemakaian seseorang Muslim untuk mengamalkan ajaran agamanya adalah hak yang dijamin Perlembagaan.

Hal tersebut, jelasnya, dapat

dilihat pada keputusan oleh Mahkamah dalam kes Meor Atiqulrahman Bin Ishak dan lain-lain lawan Fatimah Bte Sihi dan lain-lain [2000] 5 MLJ 375.

Sehubungan itu, Wan Anwar menyeru jabatan dan Majlis Agama Islam serta agensi dan kementerian berkaitan mengambil tindakan segera dan sewajarnya bagi mengelak isu sama berulang.

"Perlembagaan juga melalui Perkara 8 melindungi semua warganegara Malaysia daripada sebarang diskriminasi," tegasnya lagi dalam satu kenyataan.

## Ekonomi Malaysia semakin lemah, laporan terkini Bank Dunia

**LAPORAN** terkini Bank Dunia menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia semakin lemah.

Daripada 15 ekonomi Asian yang dianalisis dalam laporan tersebut, ekonomi Malaysia dijangka menjadi semakin buruk.

Meneliti keadaan sekarang Bank Dunia meramalkan, dalam 2018, pertumbuhan Malaysia akan jatuh kepada 5%, dan dalam 2019 jatuh lagi kepada 4.8%, sedangkan tibanya 2018 kurang daripada dua bulan lagi, lapor The Coverage.

Dalam laporan tersebut Bank Dunia menyifatkan ekonomi Malaysia: "Risiko utama yang dihadapi untuk berkembang datangnya daripada dasar ekonomi, pembangunan geopolitik dan harga komoditi yang tidak menentu".

Sementara kebanyakan ekonomi Asian meningkat, Malaysia mengundur ke belakang, dan ia disebabkan Malaysia gagal mengadaptasi keadaan ekonomi domestik dan global.

Laporan itu juga menurut The Coverage, turut menyatakan bahawa Malaysia adalah salah satu daripada dua ekonomi Asian yang hutang isi rumahnya "melebihi 70% KDNK".

Ramai pakar ekonomi menyimpulkan bahawa gelembung hutang Malaysia tidak lama lagi akan pecah.

Pegawai Bank Dunia dalam urusan ekonomi Malaysia, Farid Hadad-Zervos baru-baru ini memberi amaran: "Soalan asas dalam hal ini ialah, apakah sebenarnya makna KDNK dalam kehidupan rakyat Malaysia?"

Dalam lawatannya yang gagal ke AS, Najib dilaporkan berkata pertumbuhan 5.2% ekonomi Malaysia "membuatkan ekonomi yang mendahului iri hati".

Respons segera dalam hal ini ialah: "Pertumbuhan ekonomi Iraq 11%, Bangladesh 7% dan pertumbuhan ekonomi Ethiopia 7.6% pada tahun lepas ñ apakah ekonomi yang mendahului juga turut iri hati?"

Hakikatnya Malaysia berada di belakang jiran-jiran Asianya.

Menurut laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kadar pengangguran anak muda di Malaysia meningkat mendadak kepada 12% dan terus meningkat.

Kajian Bank Negara mendapati tiga daripada empat orang rakyat Malaysia mendapati sukar untuk mendapatkan RM1,000 dalam keadaan kecemasan.

Dalam ucapan-ucapan beliau, kata laporan itu selanjutnya, Perdana Menteri Najib Razak telah memalsukan data-data ekonomi, memetik bahagian tertentu sahaja daripada laporan yang dibuat, dan berusaha mencantikkan wajah ekonomi Malaysia kerana dalam politik Malaysia, beliau berada dalam keadaan tidak stabil.





# Pemukiman PH hadapi PRU14

**K**UALA LUMPUR: Pakatan Harapan (PH) akan mengadakan pemukiman (retreat) di kalangan pemimpin utama parti gabungan itu pada 1 dan 2 Disember depan.

Pengerusinya Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, pemukiman itu bertujuan bertukar pandangan di kalangan pemimpin empat parti dalam menghadapi pilihan raya akan datang.

"Kita akan adakan pemukiman Majlis Presiden di KL untuk tukar fikiran dan pendekatan kita terhadap pilihan raya di kalangan anggota Majlis Presiden," ujarnya dalam sidang media selepas mesyuarat Majlis Presiden PH yang diadakan di pejabat ketua pembangkang di bangunan Parlimen, 15 Nov lalu.

Turut hadir Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Presiden PH Mohamad Sabu dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Ketua Sekretariat PH Datuk Saifuddin Abdullah dan barisan jawatankuasa Majlis Presiden PH.

Walaupun PH gagal bertemu dengan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi hari ini, Tun



Tun Mahathir dalam sidang media di Pejabat Ketua Pembangkang. Hadir sama Dr Wan Azizah, Mohamad Sabu dan anggota Majlis Presiden PH.

Mahathir berkata, PH akan mengatur pertemuan lain bagi membincangkan pendaftaran PH ekoran Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) tidak memberikan

sebarang maklum balas sejak permohonan dilakukan PH Julai lalu.

"Pada awalnya kita cadang jumpa menteri hari ini, tapi menteri tiada.

"Kita juga bincang mengenai pendaftaran di RoS. Kita belum dapat apa-apa reaksi daripada RoS yang mana tiada penolakan, tiada penerimaan atau kelulusan.

"Sama ada lulus atau tidak lulus, kita sedia ikut kehendak RoS jika ada yang tidak sesuai dan bercanggah," katanya.

Beliau turut memakumkan, mesyuarat turut membincangkan mengenai penerbitan sebuah akhbar PH.

"Kita juga telah bincang kemungkinan kita akan adakan surat khabar Pakatan Harapan.

"Selain itu kita juga telah diberi penerangan mengenai laporan Jawatankuasa Pilihan Raya dan Jawatankuasa Mobilisasi," ujarnya mengenai butiran mesyuarat yang diadakan hari ini.

Diajukan pertanyaan sekiranya RoS tidak meluluskan pendaftaran PH Dr Mahathir berkata, PH mempunyai Plan B.

"Sehingga kini kita sedang usaha tetapi masih tidak dapat jawapan. Kita ada plan B tetapi kita belum tentukan strukturnya bagaimana," ujarnya.

## Pas terima lebih besar daripada RM90 juta

Oleh **ARIF ATAN**

**SUNGAIBESI:** Tidak berganjak dengan dakwaan Pas menerima dana daripada Umno, Naib Presiden AMANAH, Datuk Husam Musa bertegas jumlah yang diterima Pas lebih besar daripada RM90 juta.

Bercakap dalam slot "Terus Terang" anjuran INVOKE Malaysia, bekas pemimpin Pas itu mengemukakan maklumat tersebut benar selepas melihat sumbernya.

"Jumlahnya lebih besar dari RM90 juta. Saya hanya secara tegas menamakan nama bank, iaitu Affin Bank.

"Saya masih berpendirian

mempertahankan kenyataan saya itu. Saya tidak berganjak kecuali berkenaan jumlah," ujarnya kembali mengulang isi ucapan beliau di Selising, Pasir Puteh sebelum ini.

Sedutan rakaman video berdurasi 1.24 minit oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Salor itu kemudiannya tular di media sosial pada Februari lalu.

Bagaimanapun, Husam berkata, terdapat kekangan Akta Kewangan atau di pihak bank di negara ini walaupun ramai rakyat Malaysia dan ahli Pas ingin tahu pembongkaran itu.

"Sejumlah wang telah disalurkan melalui Affin Bank kepada beberapa pihak yang berkaitan

dengan kepimpinan Pas selain daripada transaksi runcit lain yang disalurkan," ujarnya.

Sehubungan itu, Pas mesti berterus-terang, tegasnya, dalam pelbagai cara yang boleh menunjukkan ketegasan termasuk mengadakan siasatan terhadap dakwaan tersebut.

"Saya berharap, walaupun saya tidak terlalu berani macam Rafizi atau orang lain, jika diizinkan dan proses mahkamah kompeten, mahkamah boleh memerintahkan bank berkenaan untuk mendedahkan akaun.

"Cara lain, Pas mesti berterus terang. Presiden Pas mesti tunjukkan ketegasan, (tapi) sampai

hari ini tiada ketegasan. Bahkan Presiden Pas tidak banyak komen diberikan," ujarnya.

Menurutnya, pengumuman Pas untuk mengenakan tindakan mahkamah ekoran dakwaannya itu bagaimanapun sudah tidak berbangkit lagi.

"Cadangan untuk menyaman saya sudah sunyi. Saya tidaklah nak mencabar.

"Pas pada mula telah beriya-iya menyaman saya. Saya difahamkan Pengerusi Lajnah Undang-undang Pas tekad untuk saman," ujarnya dalam program yang dimoderatkan Ketua Penerangan PKR, Syed Ibrahim Syed Noh.

Mengulas lanjut, Husam

berkata, transaksi dana tersebut yang sebelum ini disebut oleh Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli tidak boleh dipadam.

"Saudara Rafizi telah membuat Pengakuan Bersumpah yang sehingga hari ini tidak dicabar oleh (bekas Timbalan Presiden Pas) Nasaruddin Mat Isa atau pemimpin Pas yang lain.

"Saya berpendapat (saya tidak peguam), ahli dan pimpinan Pas ada *élocus standi* untuk saman Rafizi jika Nasaruddin keberatan kerana ini telah menjejaskan Pas.

"Dengan itu, apa yang didakwa oleh Rafizi boleh dibuktikan di mahkamah. Tetapi nampaknya semua pimpinan dan anggota Pas tidak berminat," jelasnya.

## Pemuda PH sokong gesa Petronas henti pelaburan di Myanmar

**KUALA LUMPUR:** Pemuda Pakatan Harapan (PH) menyokong penuh petisyen ditandatangani 47 ahli parlimen bertarikh 8 Nov lalu yang mendesak Petronas menghentikan pelaburan di Myanmar.

Ketuanya, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, minoriti etnik Rohingya di Myanmar telah menjadi mangsa pembersihan etnik yang melibatkan penyiksaan, pembunuhan, pembakaran penempatan, pencabulan dan intimidasi dalam 10 tahun kebelakangan ini.

Justeru katanya, sebagai membantah konflik kemanusiaan yang berlaku di Myanmar, Petronas digesa mengeluarkan pelaburannya negara tersebut mulai 1 Jan 2018

kecuali dan sehinggalah Kerajaan Myanmar mengiktiraf bahawa minoriti etnik Rohingya adalah warga Myanmar yang sah dan diberikan hak dan perlindungan.

"Juga kita menuntut semua intimidasi, penaklukan, diskriminasi dan jenayah terhadap mereka (minoriti etnik Rohingya) dihentikan serta-merta secara menyeluruh," jelas Nik Nazmi dalam satu kenyataan 9 Nov lalu.

Petronas jelasnya, perlu sedar bahawa pelaburan mereka mempunyai impak ke atas kehidupan rakyat di negara-negara terbabit.

"Pada masa sama, sebagai sebuah syarikat berkaitan kerajaan dan antara jenama Malaysia yang

paling dihormati dan dikenali di seluruh dunia, keputusan Petronas dalam hal ini mempunyai impak secara langsung terhadap nama baik dan kedudukan moral negara kita," tegas beliau.

Nik Nazmi kesal tentera Myanmar tidak menghentikan tindakan ganas di wilayah Rakhine meskipun menerima tekanan antarabangsa.

"Tindakan terus melabur dan berurusan di Myanmar tanpa menggesa perubahan terhadap dasar-dasar mereka bermakna syarikat-syarikat yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti sebegitu juga bersekongkol dengan tindakan rejim yang disokong pihak tentera," kata Nik Nazmi.

## Kaji semula isu beri tauliah mengajar

**ISU** pemberian tauliah mengajar kepada penceramah untuk mengajar agama di masjid atau surau perlu dikaji semula agar sesuai dengan matlamat asal ajaran agama Islam yang sebenar.

Mohamed Hanipa Maidin (AMANA-SEPANG) berkata, seharusnya dalam perkara ini, asas yang perlu dilihat adalah isi kepada ucapan atau ilmu yang diajar dan bukan menghalang seseorang daripada mengajar.

"Kita ambil tindakan kerana content dia cakap itu, sebab itulah sepatutnya yang menjadi spirit undang-undang Islam itu iaitu kita membantah ucapan orang yang salah dengan Islam. Bukan kita

ambil tindakan preventif tidak bemarkan orang bercakap kalau tiada tauliah," katanya ketika membahaskan Bajet 2018 menyentuh isu hal ehwal Islam di Dewan Rakyat 8 November lalu.

Sementara itu, Datuk Dr. Mujahid Yusof (AMANA-Parit Buntar) turut membangkitkan wujudnya ustaz dan pengajar yang diberi tauliah namun cenderung untuk menyesatkan pihak lain dalam kuliahnya.

Ia termasuk menimbulkan pelbagai keraguan dan menimbulkan kebencian antara mazhab sehingga menghina orang lain yang berbeza pandangan dengannya secara terang-terangan dalam setiap kuliah mereka.

## Minda Pengarang

# Pakatan Harapan perlu sokongan kuat rakyat

**SAMA** ada PRU14 tidak lama lagi atau jauh lagi, namun Pakatan Harapan perlu membuat persiapan serapi mungkin untuk menghadapi apa yang disifatkan sebagai 'ibu segala pilihan raya'.

Untuk itu sokongan rakyat sangat diperlukan, justeru Pakatan Harapanlah, mega koalisi pembangkang, yang benar-benar akan berdepan dengan Umno/BN dalam PRU14 tersebut.

Diberitakan ia begitu kerap mengadakan mesyuarat di peringkat tertinggi dan juga di peringkat menengah dan sebagainya.

Diberitakan lagi, mesyuarat pimpinan tertingginya berlangsung beberapa hari lalu dan sudah memperhalusi manifestonya. Diberitakan ia berjalan lancar dengan dokongan para pakar ekonomi dan kemasyarakatan.

Kita yakin tidak ada perkara yang terlepas pandang dalam merangka manifesto bersama ini.

Kehidupan rakyat biasa sudah sangat tertekan dengan kenaikan harga barang, terutama harga minyak yang berterusan, di samping cukai GST yang membebankan. Belum lagi isu rasuah yang kini susah bersekala besar. Seolah-olah semakin berani pelaku rasuah walaupun SPRM telah bertindak tegas.

Antara janji 100 hari jika Pakatan Harapan memenangi PRU14 akan datang nanti, ialah membersihkan negara ini dari rasuah, menghapuskan cukai GST, memulihkan ekonomi rakyat dan dan lain-lain lagi.

Ini bukan janji kosong, tetapi akan dibuktikan. Justeru itu Pakatan Harapan sangat memerlukan sokongan seluruh rakyat.

Jelajah seluruh negara oleh Pakatan Harapan yang berakhir di Padang Timur Petaling Jaya pada 14 Oktober lalu telah menyerlahkan sokongan rakyat pelbagai kaum.

Kita yakin sokongan ini akan

diterjemahkan melalui peti undi dalam PRU14 akan datang.

Jika perubahan berlaku yang akan dibawa oleh Pakatan Harapan jika menang PRU14 nanti, kita yakin suasana negara ini akan berubah, dari kelam gerhana kepada suasana cerah yang menjanjikan.

Dengan hasil bumi Malaysia yang kaya, tumbuh-tumbuhan yang subur, ikan yang banyak di laut serta rakyat yang rajin bekerja, tentu sekali kemakmuran negara akan pulih semula.

Kini kemakmuran negara telah hilang atas pelbagai sebab yang sudah diketahui umum dan tidak menjadi rahsia lagi. Semuanya disebabkan pihak yang bertanggungjawab tidak bersikap amanah, maka jadilah 'serigala menjaga kandang biri-biri'.

Maka itu, kita yakin, Pakatan Harapan akan memulihkan keadaan yang ada.

Rakyat sudah semakin tertekan, ekonomi semakin parah, banyak syarikat yang tutup, malah ketara pusat-pusat membeli belah semakin berkurangan pengunjung, justeru daya beli rakyat merosot.

Malah kedai biasa, medan selera juga turut terjejas, lebih-lebih lagi keadaan pasar di mana para pengunjung, terutama suri rumah, sangat tertekan kerana harga barangan yang bertambah mahal.

Dalam masa yang sama, pengurangan semakin bertambah, para siswa/siswi turut menghadapi kesukaran wang kerana bantuan tidak cukup.

Inilah masalah yang sedang diberikan perhatian oleh Pakatan Harapan.

Benar, ia tidak memiliki lampu ajaib untuk memulihkan krisis ini dengan segera. Tetapi Pakatan Harapan memiliki keazaman yang kuat untuk membawa perubahan kepada negara ini jika ia memenangi PRU14 akan datang.

Oleh itu rakyat perlu memberikan sokongan padu kepadanya untuk

# Iman, patuh teras Tauhid kepada Allah (siri 8)

**S**ebagaimana Surah-surah Al-'Alaq, Al-Muzzammil dan Al-Muddaththir memberi pencerahan pengertian *Rab* dan *Ilah*, maka seawal dan semantap itu kedua-dua asas *tauhid Rububiyah* dan *tauhid Uluhiyah* telah ditanam kukuh sejak awal-awal lagi oleh Surah Al-'Alaq (ayat 1 - 19):

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Maha Penyayang

- Bacalah dengan (menyebut) nama Rab-mu yang menciptakan. (1)

- Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah (2)

- Bacalah, dan Tuhan-mu Yang Maha Mulia (3)

- Yang mengajar (manusia) dengan pena (4)

- Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya (5)

- Sekali-kali tidak! Sungguh, manusia itu melampaui batas (6)

- Apabila melihat dirinya serba cukup (7)

- Sungguh, hanya kepada Tuhanmulah tempat kembali-mu (8)

- Bagaimana pendapatmu tentang orang yang melarang? (9)

- Seorang hamba ketika dia melaksanakan solat (10)

- Bagaimana pendapatmu jika dia (yang dilarang solat itu) berada di atas kebenaran (11)

- Atau dia menyuruh bertaqwa (kepada Allah)? (12)

- Bagaimana pendapatmu jika dia (yang melarang) itu mendustakan dan berpaling? (13)

- Tidakkah dia mengetahui bahawa sesungguhnya Allah melihat (segala perbuatannya) (14)

- Sekali-kali tidak! Sungguh, jika dia tidak berhenti (berbuat demikian) nescaya Kami tarik ubun-ubunnya (ke dalam neraka) (15)

- (iaitu) ubun-ubun orang yang mendustakan dan derhaka (16)

- Maka biarlah dia memanggil golongannya (untuk menolongnya) (17)

- Kelak Kami akan memanggil Malaikat Zabaniyah (penyiksa orang-orang berdosa) (18)

- Sekali-kali tidak! Janganlah kamu patuh kepadanya; dan sujudlah serta dekatkanlah (dirimu kepada Allah) (19)

Bismillah Ar-Rahman Ar-Rahim adalah ayat suci Al-Quran. Jumlah surah dalam Al-Quran adalah 114. Hanya satu surah sahaja dalam Al-Quran, iaitu Surah At-Taubah tidak dimulakan dengan *Bismillah Ar-Rahman Ar-Rahim*. Ini bermakna kesemua 113 surah Al-Quran kecuali Surat At-Taubah dimulakan



dengan *Bismillah Ar-Rahman Ar-Rahim*. Dari 113 surah yang dimulakan dengan *Bismillah Ar-Rahman Ar-Rahim*, hanya *Bismillah Ar-Rahman Ar-Rahim* pada surah pertama Al-Quran, iaitu Surah Al-Fatihah sahaja yang merupakan ayat pertama atau ayat nombor satu bagi surah nombor satu dalam Al-Quran tersebut.

Perlu difahami bahawa dalam Surah An-Naml iaitu surah ke-27 Al-Quran, terdapat ayat *Bismillah Ar-Rahman Ar-Rahim* pada ayat 30. Dengan Surah An-Naml mempunyai dua *Bismillah Ar-Rahman Ar-Rahim* ini tetap menjadikan jumlah *Bismillah Ar-Rahman Ar-Rahim* dalam Al-Quran sebagai 114.

Semua ketetapan berkenaan di mana letaknya, ada atau tidak ada di permulaan sesuatu surah serta turutan surah-surah dalam Al-Quran adalah ditetapkan secara tauqifi atau suatu yang ditentukan oleh Allah.

Merujuk kepada terjemahan Surah Al-'Alaq, sebagaimana yang telah kita wacanakan sesungguhnya lima ayat pertama ini sebenarnya telah memperihalkan *Tauhid Rububiyah* (ayat 1 - 5).

Untuk memantapkan apakah konsekuen *tauhid Rububiyah* yang dinyatakan oleh ayat 1 - 5, tiga ayat selepasnya menegaskan bahawa manusia boleh menjadi golongan yang melampau atau tughyan dan kemudian apabila dia lupa bahawa apa yang miliki adalah daripada dan kepunyaan Allah.

Ini berlaku apabila dia telah mengabaikan *Rububiyah* Allah. Bertambah parah lagi apabila dia terus bersikap dan berkelakuan melampau sehingga bertindak menjadi taghut atau golongan yang amat melampau dalam keingkarannya terhadap hak *Uluhiyah* Allah. Dengan itu dia terus bertindak melawan *tauhid Uluhiyah* (ayat 6-8).

Kemenangan *Uluhiyah Allah* adalah kuasa mencegah, menghalang dan melarang itu adalah milik Allah. Namun dalam ayat ini diperakui oleh manusia sebagai miliknya. Dalam konteks ayat ini ia adalah seorang pemimpin Quraisy

benama Abu Jahl. Sifat manusia yang cenderung perampas sesuatu yang bukan miliknya itu selalu diberi peluang oleh Allah agar manusia menyedari kesilapan diri sendiri untuk kembali kepada Allah dan bertaqwa.

Malangnya Abu Jahl dan mereka yang seangkatan dengannya terus melarang manusia yang patuh melaksanakan kepatuhan kepada Allah dengan terus berdusta dan berpaling dengan angkuhnya. Perbuatan tersebut semuanya menunjukkan sikap dan tingkah laku manusia yang tidak punyai apa-apa, tetapi lantaran keangkuhannya ia sengaja melakukan sesuatu yang menolak *tauhid Uluhiyah*. (ayat 9 - 13)

Allah menegaskan bahawa manusia dicipta oleh Allah dalam keadaan Allah Maha Melihat. Bahkan Allah Yang Mencipta manusia dengan menggunakan satu sindirin menyentap ubun-ubun yang berbohong itulah akan dihumbankan ke dalam neraka. Biarlah manusia yang taghut itu menjerit melolong minta pertolongan dari siapa sahaya datang membantunya. Sudah pasti Allah yang kuasa untuk mencipta apa yang Dia kehendaki mencipta malaikat bernama Az-Zabaniyah yang diciptakan khas untuk meyeksa orang-orang taghut seperti Abu Jahl. Itu sendiri menjurus kepada *Tauhid Rububiyah* kerana Allah bukan *Al-Khaliq* tetapi juga *Al-Fatih* yang punyai kuasa menjadikan satu makhluk malaikat yang tugasnya khas untuk menyeksa Abu Jahl. (ayat 9 - 18)

Lantas Allah menegaskan wajib manusia pantas dan tabah terhadap *Tauhid Uluhiyah* kerana Kamu Muhammad dan kaum muslimin semua tidak boleh patuh kepada Abu Jahl dan puak-puaknya yang lemah-lemah belaka. Bahkan kamu diperintah dan diputuskan hukum kerana hanya Allah sahaja yang boleh membuat hukuman dan wajib sujud kepada Allah. Jelas ayat 19 menyatakan:

Sekali-kali tidak! Janganlah kamu patuh kepadanya; dan sujudlah serta dekatkanlah (dirimu kepada Allah) (19)

Itulah kehebatan wahyu Allah. Dalam tempoh yang surah yang tidak terlalu padat dan juga dalam susunan kata dan ketepuan maksud memberi satu penataran yang mantap, tersusun dengan tema apa yang penting dapat diamalkan dan seterusnya dihayati.





# Dikagumi kerana keterbukaan

**SERINGKALI** apabila terserempak dengan golongan terpinggir, misalnya pengemis, atau pekerja kolar biru yang bergelut dalam kekotoran, misalnya pemungut sampah, ibu bapa akan menjadikannya sebagai bahan pengajaran kepada anak mereka. "Belajarlah bersungguh-sungguh supaya kamu tidak menjadi seperti mereka satu hari nanti."

Kenyataan sedemikian mengandaikan bahawa golongan manusia ini tersepit dalam kesusahan kerana mereka malas belajar. Andaian sedemikian tidak semestinya tepat kerana ramai juga yang malas belajar, tetapi berjaya membebaskan diri dari kepapaan dengan cara yang pelbagai, halal mahupun haram. Apapun, kenyataan sebegini sekurang-kurangnya mengakui bahawa kerja sebegini kotor dan melecehkan, jika bukan keji.

Cuba perhatikan reaksi spontan masyarakat kita - seandainya kita tidak mahu dipandang rendah, maka kita perlu mengelakkan diri daripada terjerumus ke lembah kemiskinan. Jikalau golongan terpinggir berada di lapisan paling bawah dalam masyarakat, maka kita perlu melonjakkan diri untuk menempah tempat di lapisan atas.

Persoalannya, mengapa kita tidak menasihatkan anak-anak kita agar belajar bersungguh-sungguh, supaya satu hari nanti mereka bo-



**Siang-Malam**  
Lim Hong Siang

leh memperbaiki nasib golongan terpinggir seperti pengemis, dan golongan kolar biru seperti pemungut sampah? Mengapa tidak digalakkan misi kepadanya, untuk membebaskan bukan sekadar dirinya, tetapi masyarakat secara keseluruhannya dari lembah kemiskinan?

Melonjakkan diri ke lapisan atas tidak menghapuskan ketidakadilan dalam masyarakat. Struktur masyarakat kekal, cuma kita bukan mangsa, atau golongan yang tertindas. Dengan kata lain, kita tidak menghapuskan penindasan agar diri kita tidak ditindas, sebaliknya kita cuma memastikan kita bukan mangsa untuk ditindas. Malah, jikalau tidak dapat dilakukan, kami sanggup menjadi orang yang menindas, semata-mata kerana kita tidak mahu ditindas.

Mentaliti sedemikian berada di mana-mana, sungguhpun ia tidak membawa kita ke mana-mana.

Paling lazim ketika ia dimanifestasikan dalam politik - parti yang tidak mahu didominasi, akan berusaha untuk menjadi parti yang mendominasi. Atau dalam hubungan agama, umat yang tidak mahu komunitinya dilihat "didominasi", akan cuba sedaya-upaya untuk menampilkan imej dirinya untuk "mendominasi".

Hakikatnya, mentaliti sedemikian merumitkan proses penyelesaian masalah dalam sesebuah masyarakat majmuk. Misalnya, komuniti Cina selama ini tidak berpuas hati kerana MCA dilihat "didominasi" Umno. Lantas mereka menuntut agar DAP tampil dengan imej "mendominasi". Namun demikian, seandainya DAP "mendominasi" gandingan parti politik yang disertainya, sudah tentu parti komponen yang lain akan dilihat "didominasi" - sama ada PKR, AMANAH mahupun PPBM. Jikalau DAP tidak mahu didominasi, sudah tentu parti komponen lain juga tidak selesa dengan kedudukan "didominasi".

Saya masih ingat bagaimana gandingan Pakatan Rakyat cuba bereksperimen dengan "kedudukan yang samarata" dalam kalangan parti komponennya. Malangnya usaha ini digagalkan kerana ada pihak yang gagal bertahan dengan asakan Umno bahawa parti Melayu-Muslim tidak men-

dominasi pakatan tersebut. Saya tidak pasti apakah ia disebabkan tekanan dari akar umbi parti yang belum bersedia untuk menerima cubaan baru ini, ataupun pemimpin parti sendiri yang juga terkongkong dengan mentaliti sedemikian.

Lebih-lebih lagi apabila mentaliti sedemikian dijelmakan dalam hal-ehwal agama. Tidak sukar untuk kita memahami kekusaran masyarakat muslim tempatan apabila ditakut-takutkan dengan propaganda "kemasukan anasir-anasir Barat yang boleh menghakis nilai Islam", "kedudukan Islam tercabar" dan sebagainya. Dalam situasi sedemikian, masyarakat umat Islam akan bertindak balas untuk "mempertahankan martabat Islam". Namun, sedar atau tidak, reaksi spontan sedemikian sering dilihat sebagai "memperkasakan" (bukan sekadar "mempertahankan") dan "memaksakan nilai Islam ke atas masyarakat bukan Islam".

Maka timbullah pertikaian seperti pesta arak. Umat Islam khuatir, seandainya minuman arak dipestantan, ia bakal menjejaskan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang majoritinya muslim. Nilai Islam harus menjadi tunjang dan teras kepada budaya Malaysia, maka sebarang amalan yang bercanggah dengan Islam, harus dilampu-merahkan.

Tetapi pertimbangan sedemikian tidak mengambil kira sensitiviti masyarakat non-muslim yang menganggap hak mereka dinafikan. Bayangkan, apakah yang akan diluahkan kepada sahabatnya di luar negeri, ketika berkongsi pengalamannya sebagai minoriti dalam sesebuah negara yang majoritinya muslim?

Atau, apakah yang muslim harapkan, ketika jiran non-muslimnya menceritakan persepsinya terhadap Islam kepada sahabatnya di luar negeri? Merungut kerana umat Islam dengan majoritinya mencabul hak non-muslim sebagai minoriti untuk beralkohol, atau kagum kerana Islam menampilkan sifat keterangkuman atau inklusif, yang menghormati hak dan kebebasan non-muslim untuk mengamalkan cara hidup masing-masing?

Akhirnya, ia berbalik kepada persoalan apakah wajah Islam yang ingin ditampilkan muslim. Apakah muslim mahu Islam dikagumi kerana kedudukannya untuk mendominasi, atau Islam dihormati kerana keterbukaannya untuk mengiktiraf hak dan kebebasan manusia sejagat, sehingga tiada pihak merasakan dirinya didominasi sungguhpun mereka adalah minoriti dalam masyarakat tersebut

## Langkah bilal perlihatkan kecemerlangan Islam

**Banjir** di Pulau Pinang baru-baru ini melahirkan sebuah naratif yang sangat menarik, bagaimana seorang bilal di sebuah surau di George Town mengambil sikap yang sangat cemerlang.

Sikap itu menyerlahkan kecemerlangan Islam.

Bilal itu, Sapno Takijo, dan jawatankuasa Surau Taman Free School di George Town, membenarkan surau mereka sebagai perlindungan kepada penduduk sekitar, termasuk orang bukan Islam, di saat banjir melanda.

Ini sebuah langkah yang sangat mulia dan wajar disokong oleh umat Islam. Ia sangat mententeramkan hati yang sangat gusar dengan keadaan yang berlaku sekarang.

Iaitu sejak akhir-akhir ini masyarakat seperti dicengkam oleh suasana yang mengotori imej Islam, apabila golongan pekauman dan ekstrisme agama menyuarakan pandangan mereka begitu bengis, menghukum sesiapa saja yang tidak sehaluan dengan



mereka.

Langkah bilal dan jawatankuasa itu disokong penuh.

Pengerusi surau itu, Zakaria Malik meluahkan rasa bangganya dengan tindakan bilal dan anggota jawatankuasa surau yang menjadikan tempat itu sebagai perlindungan kepada penduduk sekitar, termasuk orang bukan Islam, di saat banjir melanda.

Terdahulu, gambar mangsa banjir bukan Islam yang berlindung di dalam sebuah surau menjadi tular di laman sosial dan mengundang pelbagai reaksi.

Gambar itu menunjukkan seorang lelaki yang tidak berbaju kesejukan, seorang wanita berseluar pendek paras lutut, manakala yang lain sedang duduk atau berbaring menghilangkan kepenatan mereka. Semuanya ini dalam keadaan

yang cemas, meereka meminta perlindungan nyawa, kesejukan dan sebagainya, sementara di luar sana, banjir sedang mengamuk.

Menceritakan semula keadaan genting itu, Zakaria berkata mangsa bergelut dengan arus banjir yang deras kira-kira jam 2 hingga 3 pagi dan hanya diselamatkan oleh ahli kariah surau dengan menggunakan bot tanpa enjin kepunyaan seorang



penduduk.

"Kalaulah ketika itu ada yang ambil (dan sebarkan) gambar,

barulah mereka yang memberikan komen negatif akan faham keadaan sebenar mengapa mereka ditempatkan di surau dan ada yang terpaksa membuka baju kerana terlalu kesejukan."

"Dalam bergelut dengan air deras, kami lakukan apa yang terdaya. Bukan setakat manusia, malah anjing pun kami selamatkan dan membiarkannya di perkarangan surau sehingga

sejumlah penduduk bukan Islam untuk berlindung dalam surau itu.

Malah, beliau berkata, jumlah sebenar mangsa yang ditempatkan di situ adalah 70 orang, melibatkan masyarakat Cina dan India yang tinggal di sekitar Lengku P Ramlee, di George Town.

Diberitakan, barang milik surau di tingkat bawah musnah teruk termasuk permaidani yang baru digantikan kira-kira tiga bulan lalu.

"Mereka (penduduk) masih membersihkan surau. Sukarelawan dari anak muda sudah tak ramai kerana sekolah sudah bermula dan peperiksaan SPM, tetapi tetap ada orang," katanya.

Orang Islam pun berlindung di situ, dan mereka hanya tinggal selama dua hari satu malam.

Dalam pada itu, Zakaria mengucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuk Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan tentera yang memberi bantuan untuk kerja pembersihan dan memberikn makanan kepada penduduk terjejas.

banjir surut," katanya.

Bilal surau Sapno Tukijo, 50 tahun, mengakui dia mempelawa



# Krisis Timur Tengah: PM rosakkan dasar berkecuali negara

**L**UBNAN pernah menghadapi kancah pertarungan antara puak, etnik dan agama begitu lama, sehingga kemuncak pertembungan itu wujudnya gariisan hijau di tengah-tengah kota Beirut yang memisahkan puak disokong Kristian Phalanges dan kumpulan Islam Sunni, Syiah dan sebagainya.

Pertarungan mazhab di kalangan orang Islam ketika itu tidak ketara. Apa yang berlaku lebih kepada pertarungan kumpulan Islam dengan Kristian yang dibelakang mereka adalah Israel.

Tidak dapat dinafikan Arab Saudi telah memainkan peranan untuk perdamaian di Lubnan dan peranan Liga Arab sehingga berlaku pilihan raya di negara itu. Waktu itu Hezbollah belum muncul sebagai kuasa utama sementara Gerakan Amal lebih utama mewakili perjuangan golongan



**PENDAPAT**  
MOHAMAD SABU

Islamik di Lubnan.

Syria juga memainkan peranan di Lubnan dengan mempertahankan kemunculan penentang Kristian Phalanges. Akhirnya apabila Rafik Hariri terbunuh, berlaku demonstrasi besar-besaran menuntut Syria keluar daripada Lubnan. Di atas kehendak rakyat Lubnan itu, Syria akhirnya berundur.

Lima tahun lalu muncul pula kumpulan pelampau Daesh, ISIS dan ISIL yang menyusup masuk ke Lubnan dan melakukan pengeboman di beberapa tempat. Hezbol-

lah kemudian muncul dan kehebatan mereka terserlah pada 2006, apabila bertarung dengan Israel. Mereka kemudian melawan Daesh, ISIS dan ISIL dan berjaya mengawal kemasukan pelampau-pelampau itu ke Lubnan.

Lubnan bagaimanapun tidak juga dapat menyelesaikan masalah kepemimpinan negara mereka. Sehingga setahun yang lalu Michel Aoun diterima di bawah kerajaan perpaduan menjadi peresiden dan Saad Hariri diterima semua kumpulan menjadi perdana menteri.

Ternyata formula kerajaan campuran itu berjaya mendamaikan Lubnan. Sektor pelancongan mula berkembang dengan pesat.

Apabila Daesh, ISIS, dan ISIL - yang dibelakangnya kuasa asing Amerika Syarikat, Qatar, Perancis, England dan Iraq tewas di Syria; sebelah pihak lagi iaitu Iran, Rusia dan Turki mula memainkan per-

anan di peringkat awal membuka sempadan kepada mereka yang ingin berjuang melawan Bashar al-Assad.

Selepas berlaku keamanan di Lubnan, secara mengejut perdana menteri Lubnan Saad Hariri mengumumkan meletak jawatan di Riyadh pada 4 November lalu. Suatu perkara yang mengejutkan dunia dan sehingga kini beliau tidak kembali ke Lubnan.

Diberitakan pula Israel sudah sedia untuk berkerjasama dengan Arab Saudi untuk menyerang Lubnan. Malaysia sebagai sebuah negara yang selama ini dihormati oleh OIC sewajarnya menjadi 'orang tengah' bagi membantu mencari penyelesaian konflik antara negara-negara Arab yang tidak berkesudahan ini.

Tetapi sayang, Malaysia tidak boleh memainkan peranan sebagai orang tengah kerana

Malaysia di bawah Najib Razak telah berpihak kepada Arab Saudi ketika menyerang Yaman. Bendera Malaysia begitu jelas bersama tentera gabungan itu.

Malaysia perlu segera keluar dari negara memihak dalam pertarungan di Timur Tengah kepada negara berkecuali seperti dilakukan pada zaman Tun Abdul Razak Husein dan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Najib telah gagal kerana membawa Malaysia berpihak kepada negara yang menyerang negara lain.

Imej Malaysia ketika ini tercalar teruk. Oleh itu kita perlu berusaha menukar kepimpinan Najib untuk mendaulatkan semula sikap berkecuali Malaysia di peringkat antarabangsa.

**Mohamad Sabu ialah Presiden Parti Amanah Negara.**

## Kisah banjir dan lumpur di Pulau Mutiara

Oleh **HAYAR HASSAN**

**SABTU**, 4 Nov lalu sepatutnya menjadi hari yang penuh bersejarah kepada pasangan pengantin baru Fizree dan Norathirah. Apa tidaknya, ibu bapa dan keluarga Fizree mengadakan majlis kenduri menyambut perkahwinan mereka Di Taman Guar Perahu, Kubang Semang, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Namun sejak awal pagi lagi, awan mendung menyeliputi langit Pulau Pinang. Kedua ibu bapa Fizree ternyata tidak dapat menyembunyikan kerisauan mereka tentang ramalan hujan yang akan turun. Memang benar, sekitar jam 12 tengahari, hujan mula turun dengan lebatnya. Majlis kenduri perkahwinan itu tetap berjalan dan keluarga Fizree sibuk melayan tetamu dalam hujan lebat.

Sungguh tidak dijangka sekali hujan turun berterusan sehingga malam. Rakyat Pulau Pinang dikejutkan dengan berita 80 peratus kawasan Pulau Pinang telah dilanda banjir. Ketiadaan amaran awal banjir dari pihak yang berwajib menyebabkan semua orang kalam kabut dan panik.

Malam minggu itu yang lazimnya untuk anak-anak muda tidur lewat, rupanya turut membuatkan hampir semua warga Pulau Pinang tidak tidur. Masing-masing bekerja keras menyelamatkan ahli keluarga daripada air banjir deras. Namun demikian, malang sekali banjir kali ini turut mengorbankan tujuh nyawa warga emas.

Lazimnya, apabila berlaku sebarang bencana yang berskala besar seperti banjir

besar, kejadian tanah runtuh dan lain-lain lagi, ianya akan ditangani oleh Agensi Pengurusan Bencana Nasional (APBN) yang diletakkan di bawah Kerajaan Pusat di Putrajaya. Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mempunyai kemampuan yang terhad tentunya tidak mampu menangani musibah banjir besar itu.

Namun demikian, Ketua Menteri Lim Guan Eng bersama seluruh anggota Exco telah bertungkus lumus mengatur dan menguruskan kerja-kerja menyelamatkan mangsa-mangsa banjir besar yang datang secara mengejut itu dengan menggunakan sumber-sumber dan kemampuan kerajaan negeri yang terhad.

Melihatkan keadaan yang agak mencemaskan dan gawat itu, sekitar jam 3.30 pagi, Guan Eng telah menghubungi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi memohon bantuan Putrajaya untuk menghantar anggota-anggota ATM serta kelengkapan yang perlu bagi menyelamatkan penduduk yang masih terperangkap dalam banjir besar pada kali ini.

Reaksi daripada Ahmad Zahid tidak mengecewakan. Sebagai pemimpin negara, beliau memahami kesukaran yang dihadapi rakyat Pulau Pinang. Beliau telah mengarahkan ATM serta APBN bertindak segera memberikan bantuan. Jelas dua pemimpin ini telah dapat mengenyahkan perbezaan politik buat sementara waktu demi kesejahteraan rakyat.

Arahan dikeluarkan Ahmad Zahid telah memudahkan ketua-ketua jabatan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan di Pulau Pinang

melaksanakan tanggung jawab mereka kepada rakyat. Sebelum ini memang ada ketua-ketua jabatan persekutuan yang ragu-ragu untuk memberikan kerjasama kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diterajui Pakatan Harapan (PH).

Dalam kegawatan menghadapi air deras banjir awal Subuh, hari Ahad di sekitar Taman Perumahan Free School, Pulau Pinang itu, tiba-tiba tersebar berita sensasi bagaimana Sapno Tukijo, bilal Surau Taman Free School membenarkan lebih 70 penduduk bukan Islam berteduh di surau berkenaan. Tindakan sosok yang bernama Sapno Tukijo itu rupanya mengundang kritikan daripada seorang ustaz yang gemar mencipta kontroversi.

Syukurlah Perdana Menteri sendiri (yang diakui sebagai idola oleh ustaz berkenaan) dengan segera memberikan komen memuji tindakan pantas Sapno Tukijo itu. Kritikan kepadanya terhenti begitu sahaja!

Tindakan pantas Sapno Tukijo itu sebenarnya telah memberikan imej yang baik kepada Islam. Islam itu Rahmatan Lil Alamin ñ membawa rahmat kepada sekelian alam. Sebenarnya Islam itu mengajar kita untuk mempunyai perasaan kasih sayang dan menghormati penganut-penganut agama lain. Perseteruan tanpa sebab yang kukuh tidak akan memberikan faedah kepada orang Islam itu sendiri.

Rupanya Sapno Tukijo itu hanya seorang pendatang asing yang sudah begitu lama memohon untuk mendapatkan status penduduk tetap. Dikhabarkan Sapno Tukijo ini telah berkahwin dengan rakyat Malaysia.

Seperka lagi yang wajar disentuh ekoran daripada banjir besar ini adalah kemampuan DAP mengumpulkan dana bantuan banjir berjumlah RM5 juta dalam tempoh tujuh hari. Ternyata ramai rakyat Malaysia yang masih mampu menghulurkan derma bantuan apabila diperlukan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang pula memutuskan untuk memperuntukkan RM100 juta Dana Khas Bantuan Banjir. Antara bantuan-bantuan tersebut adalah pemberian RM500 (kemudian ditingkatkan kepada RM700) kepada setiap keluarga yang terjejas banjir, tiada caj air untuk tempoh dua bulan, diskaun 50% caj air untuk pengguna domestik, diskaun 25% caj air untuk pengguna komersial dan 10% diskaun untuk cukai taksiran untuk semua hartanah.

Di samping itu turut diperuntukkan peruntukan segera RM100,000 untuk kerja-kerja pembaikan masjid dan surau yang terjejas kerana banjir.

Perlu dimaklumi oleh rakyat dan pengundi-pengundi Pulau Pinang khususnya, dana tersebut mampu disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana kewangan negeri telah diuruskan dengan penuh berhemah, telus dan bertanggung jawab.

Sewajarnya PH yang sedang menerajui pemerintahan negeri diberikan lagi mandat yang lebih besar dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14 nanti.

**Penulis ialah rakyat Pulau Pinang dan pembaca mingguan Amanah.**





# ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)

**20 PAX JEMAAH 1 FREE**  
\*Tertakluk Terma & Syarat



UMRAH 2017 4@5 orang sebilik

HARGA DARI RM4,900 (11h/09m)

UMRAH MUSIM BIASA

CUTI SEKOLAH

HARGA DARI RM5,690 (11h/09m)

[www.alfajrtraveltours.com](http://www.alfajrtraveltours.com)

**AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR**

SIRI KE-22  
(17-18 MAC 2017)  
INSTITUT LATIHAN PEGAWAI AWAM, IPOH, PERAK



SILA HUBUNGI :  
EN.FAIZUL (+6012-568 1150)

Nesma Airlines  
تسمالطيران

**PENERBANGAN UMRAH DARI KUALA LUMPUR TERUS KE MADINAH/MEKAH**

**HARGA TIKET NESMA DARI**

LOW SEASON RM2,750 (KUL/JED/JED/KUL)  
PEAK SEASON RM3,250 (KUL/JED/JED/KUL)



**NOVEMBER (12H/09M) (11H/09M)**

TARIKH	SEKTOR	HARGA
23 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,090
25 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,890
27 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,690
30 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790

**DESEMBER (12H/09M) (11H/09M)**

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
04 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
06 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
07 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
09 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
11 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
13 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
14 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
16 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
18 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
19 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
21 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690

23 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
25 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690

**JANUARI (12H/09M) (11H/09M)**

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,890
03 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
04 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,990
06 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
08 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,890
09 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,890
13 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
15 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,890
17 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
18 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,990
24 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
25 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,990
27 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
29 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,890

**FEBRUARI (12H/09M) (11H/09M)**

TARIKH	SEKTOR	HARGA
03 FEB	KUL/MED/JED/KUL	5,090
05 FEB	KUL/MED/JED/KUL	4,990
08 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,990
14 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,990
15 FEB	KUL/MED/JED/KUL	5,090
19 FEB	KUL/MED/JED/KUL	4,990
26 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,890

**MAC (12H/09M) (11H/09M)**

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 MAC	KUL/MED/JED/KUL	5,090
08 MAC	KUL/JED/MED/KUL	4,990
12 MAC	KUL/JED/MED/KUL	4,890
19 MAC	KUL/MED/JED/KUL	5,790
22 MAC	KUL/JED/MED/KUL	4,990
29 MAC	KUL/MED/JED/KUL	5,090



WAKIL UMRAH DIKEHENDAKI!!!

TEL : 03-6127 7790 FAX : 03-6127 7795 EMAIL : [alfajr\\_travelsb@yahoo.com.my](mailto:alfajr_travelsb@yahoo.com.my)  
ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR

**KEDAH**

UST FITRI /  
HJ AZIZAN  
04-4480709  
011-4066 0800 /  
013-741 0321



**PEJABAT TERENGGANU : 09-631 9931 / 013-985 8257 (HJ IBRAHIM)**



**PEJABAT JOHOR : 07-234 4437 / 017-843 7561 (PN. KHATIJAH)**

**MELAKA**

HJ RAZAK OMAR  
012-310 8464

**SELANGOR**

HJ NORSHAM  
011-3231 4248

**PERAK**

EN FAIZUL  
012-568 1150

**KELANTAN**

CIKGU NASIR  
013-906 5903

**PAHANG**

HJ YUSOF  
016-987 5115

**PPINANG**

UST LATIF  
019-510 0255

**NEGERI SEMBILAN**

HJ RAZAK AMIT  
017-327 2205

**JOHOR**

HJ KAMAR  
019-776 3300

**SABAH**

HJ AWANG ADI  
013-559 8889

**SERAWAK**

HJ IBRAHIM  
013-823 5841

**SELANGOR**

BATU CAVES HJ NOORDIN  
AMPANG MOHD ROZAIRIZAL  
AMPANG HJH CONNIE  
AMPANG HJH ROSNANI  
GOMBAK USTAZ ZULFEKAR  
KLANG HAJAH FADILAH  
GOMBAK HJ AZMAN AGUSTINE  
BATANG KALI USTAZ ANAS  
SHAH ALAM HJ FAUZAN KISUT  
KLANG HJ MUSTAFAR  
BANDAR SERI PUTRA PN SUZANA  
BANGI HJ MOHD JAJOLI  
SHAH ALAM HJ HASSAN  
HULU KELANG HJ ROZALI  
SUNGAI BULOH USTAZ SAIFUL  
BANGI HJ NORIBAH  
HULU SELANGOR NORAISHAH  
SERENDAH RADZIAH MD ISA

**SARAWAK**

SG LADA, SG MIRI ASLI

**Wakil Daerah**

012-640 3144  
013-364 6452  
017-681 2727  
019-258 0478  
013-607 7722  
011-3550 0615  
019-277 7070  
019-225 0189  
019-332 6002  
012-350 5437  
012-235 8640  
019-359 8423  
010-221 2962  
019-250 1210  
019-214 0246  
019-234 1922  
012-222 8958  
019-567 2254

**Wakil Daerah**

019-383 4588  
013-704 5846  
013-908 5969  
019-958 4003  
012-964 9730  
016-887 5115  
019-383 4588  
012-243 7490  
013-950 2585

**Wakil Daerah**

013-885 1234

**SABAH**

SABAH HAJI RAMLI  
BANDAR TAWAU HAJAH HASNAH  
KALABAKAN USTAZ RAMAN LEE  
IPOH MOHD ANI  
KINABATANGAN MOHD JEFFRI  
KUNAK ENCIK KASMAN  
TAWAU MUHAMMAD TAUFICOURRAHMAN  
SANDAKAN ENCIK SAHAR  
KUNDAT ARRAHIM BIN LAJAKAYA  
SEMPORNA HAJI AHMAD ABDULLAH  
ZAN BELURAN AWANG DAMIT  
TUARAN & KB MIASIN BIN MION  
BALONG HJH ROSNAH

**PERAK**

BOTA HJH AZIZAH  
TAIPING HJ ABDUL RAHIM  
IPOH MOHD ANI  
MANJUNG ABDUL RAHIM CHE AWANG  
BAGAN SERAI MUNAWIR MAHMUD  
BAGAN DATO HAJI HAMZAH

**K. LUMPUR**

SEMARAK KASHPUL ANUAR  
SEGAMBAT HJH ROHANI  
DEMANBARA HAJI ROSLEE  
KEPONG MEGAT NAJIB

**MELAKA**

BANDAR MELAKA HJH MASTURA  
ALOR GAJAH M. NAZZERI  
JASIN PN ROHANI HARUN

**Wakil Daerah**

019-589 3194  
019-883 4852  
013-556 9894  
014-504 1963  
011-5166 5530  
014-865 5863  
017-647 1594  
019-803 0104  
013-893 6806  
019-823 1419  
013-286 8839  
010-510 7871  
019-808 3885

**Wakil Daerah**

016-774 8965  
016-562 5140  
012-589 8965  
017-523 9308  
014-254 5221  
019-347 1575

**Wakil Daerah**

016-656 5803  
019-248 3420  
012-327 6401  
012-315 8613

**Wakil Daerah**

017-347 7612  
019-488 1474  
012-651 6003

**KELANTAN**

KOTA BHARU USTAZ OSMAN  
PENGKALAN CHEPA, AHMAD TARMIZI  
BACHOK CIKGU NURI  
NILAM PUJI USTAZ MUHAMMAD ZULKIFLI  
TANAH MERAH AMINUDDIN AB HAMID  
PASIR MAS HAJI ALIAS

**N. SEMBILAN**

BAHAU UST ZUBIR  
NILAI YAHYA OTHMAN  
GEMAS RIZAL KEMIS  
TELOK KEMANG ABD RAHMAN  
RASAH AZMAL  
SEREMBAN UBAIDAH  
JELEBU HJ MAZIN

**PERLIS**

KANGAR MOHD SOLEHIN

**KEDAH**

BUKIT KAYU HITAM ABD AZIZ

**JOHOR**

AIR HITAMUTHM HJ. BAHARUDDIN  
PARIT RAJA HJ. YAHYA  
BATU PAHAT HJ. SULAIMAN  
SRI GADING HJ. ABD. JALIL  
PARIT SULONG HJ. REDZUAN  
YONG PENG HJ. A. RAZAK  
PT. ABD. RAHMAN HJ. A. RAHIM  
SRI MEDAN HJ. RAMLI

**Wakil Daerah**

019-980 8538  
013-972 9304  
019-989 9028  
017-237 2387  
012-951 8172  
019-915 5656

**Wakil Daerah**

012-380 6140  
011-1096 6342  
019-604 6315  
017-385 4399  
016-685 4141  
013-361 2875  
011-1064 1046

**Wakil Daerah**

019-460 5016

**Wakil Daerah**

019-474 3732

**Wakil Daerah**

011-1053 0254  
013-756 3090  
017-729 2402  
011-1875 7710  
011-1519 2400  
013-770 3346  
017-716 6499  
019-761 1117

SIMPANG LIMA/SEMERAH EN. MASUD  
PONTIAN EN. KHAIRUL FAUZI  
TMN. BROLEH PN. HAMIMAH  
RENGIT HJH JUNAINAH  
TKG. PECAH HJH. ARFAH  
JOHOR BAHRU HJ. ROSLAN  
SRI GADING HJH. ZAHARAH  
SKUDAI EN. ABD. JALIL  
NUSAJAYA HJ. RUHAIZAT  
SENAI EN. ZAINUDIN  
INDAUPURA EN. AHMAD SAHRIL  
PASIR GUDANG EN. AMBOK SULOH  
KULAI/PASIR RAJA PN. PAZIDAH  
KOTA TINGGI HJ. SAHRONI  
PT. SAHU/TKG. PECAH EN. KASRIM  
PARIT RAJA EN. MAIROP  
KULAJELU TIRAN PN. ROPINAH  
SIMPANG RENGGAM AZREEN  
KLUANG HJ. SHAMSUDIN  
BANDAR TENGGARA MOHD ARIEFF  
MUAR HJ. WAGIMAN  
KOTA MASAI HJ. ABD. HALIM  
SIMPANG RENGGAM ABD WAHAB MAH  
LULU TIRAM HJ. MARJONI  
MAJIDEH HJH SUKARTINI  
PLENTONG MUHAMMAD ALI  
BANDAR BARU UJA PN. SITI MUTTAAH  
SETIA INDAH HASNIZAN  
PASIR RAJA EN. SULAIMAN  
TAMAN RINTING USTAZ TUHIDIN  
TAMAN BUKIT DAHLIA EN DAUD  
PARIT RAJA MOHD ZAINOL  
PASIR GUDANG EN. MD. PALUZI  
TAMAN PUTERI USTZH NORAMAHAINI  
KOTA MASAI UST MOHAMAD ANAS

012-739 8477  
012-722 8004  
013-956 2524  
017-752 2803  
017-268 9029  
019-700 0440  
013-777 7044  
019-779 9767  
019-661 3068  
012-798 4778  
018-577 8898  
019-776 3345  
013-749 4432  
019-797 2464  
013-750 1889  
017-712 3558  
013-770 2810  
019-777 0075  
019-715 1704  
019-792 6047  
013-700 0454  
019-720 0536  
016-717 9098  
013-754 6044  
013-716 4114  
019-709 1148  
019-313 2274  
016-707 2507  
011-1273 7991  
016-751 0565  
013-722 4568  
019-776 4487  
019-726 2233  
019-726 3783  
019-374 4393

\*\*HOTEL MEKAH : 1. AL SARAYA EMAN HOTEL @ SETARAF (+ 200-300m) 2. QASR AJYAD HOTEL @ SETARAF (+ 400-450m) 3. AWTAJ @ SETARAF (+ 600-800m)

HOTEL MADINAH : WADAH MUBARAK @ MUBARAK GOLDEN @ SETARAF (+ 150-200m) VISA UMRAH RM250 & VISA RAMADAN RM300 (MIN 20 PAX) UPAH HAJI : RM1700 AKIKAH : RM850++ (KAMBING).  
Tambahkan Setiap Satu Malam RM100-200. Harga & Pakej Tertakluk Kepada Kelulusan Visa, Sercharge Bahan Api Dari Syarikat Penerbangan, Cukai Lapangan Terbang, Harga Hotel Semasa dan Pertukaran Matawang Asing  
Tanpa Notis - Cuti Sekolah & Ramadhan Hotel (+ 800-900m). Pakej 4-5 Orang Sebilik.



# Pas akhirnya masuk perangkap

Oleh PENULIS KHAS

**AKHIRNYA** Pas masuk perangkap yang disiapkan Umno untuk parti itu. Selepas menjadi antara parti terkuat di kalangan pembangkang dan dihormati oleh pelbagai pihak, nama baik Pas hancur berkecai.

Sedikit demi sedikit Umno berjaya membawa parti itu jauh dari pembangkang dan pencinta perubahan kepada negara ini. Yang tinggal bersama parti itu adalah 'hardcore' Pas yang masih lagi berpegang dengan dogma-dogma yang disenandungkan pemimpin Pas yang tercekik dengan dedak Umno.

Bermula dengan rancangan kerjasama bagi membentuk kerajaan bersama di Selangor dan Perak selepas pilihan raya umum 2008 (PRU 12) hinggalah menjelang PRU 14 ini.

Melalui kebijaksanaan sesetengah pemimpin Pas, usaha Umno selepas hilang majoriti 2/3 pada PRU 2008 lalu, berjaya disekat.

Pertemuan di rumah kerajaan di Jalan Belamy, Kuala Lumpur berjaya digunakan untuk menyekat usaha Umno dan sesetengah pemimpin Pas yang sangat kemarut untuk memegang

jawatan dalam kerajaan melalui usaha kerjasama itu.

Namun, ia tidak menghentikan usaha Umno untuk memusnahkan nama baik Pas di kalangan rakyat yang mahukan perubahan di negara ini.

Menggunakan pemimpin Pas yang sangat teruja dengan cadangan kerjasama itu, Umno berjaya mendekati pucuk pimpinan utama Pas.

"Langkah pertama adalah membuang dan mengeneipkan pemimpin yang anti kerjasama Umno dan Pas. Kemuncaknya Muktamar Pas 2015 berjaya melaksanakan rancangan ini, pemimpin anti kerjasama Umno Pas terpelanting keluar," kata seorang penganalisis politik Pas.

Rancangan ini tidak terhenti setakat itu sahaja. Ada lagi saki baki pemimpin yang menentang kerjasama ini dan cenderung untuk kekal bersama pembangkang. Maka usaha pembersihan kedua dibuat dalam semua organisasi Pas menjelang muktamar Pas di Alor Setar awal Mei lalu.

Hubungan dengan pembangkang juga diputuskan sepenuhnya apabila muktamar meluluskan usul memutuskan hubungan tahaluf siasi dengan PKR.

"Ini adalah satu kesilapan paling besar Pas dalam hubungan politik antara parti di negara ini," kata seorang pemimpin kanan Pas kepada penulis.

Malah, selepas tahu masih ada usaha dibuat untuk mendekati pembangkang, pemimpin yang cenderung ke arah itu dibersihkan dari pucuk pimpinan Pas.

Itulah yang berlaku kepada Datuk Mustafa Ali, yang buat pertama kalinya dalam sejarah kerier politik beliau sejak 1978 dikeluarkan dari Dewan Harian Pas, apabila tidak dilantik lagi sebagai ketua pengarah pilihan raya.

Kini Umno sudah jelas, Pas tidak akan bersama pembangkang lagi dalam pilihan raya umum kali ini. Pas akan rela bertanding bersendirian dari bekerjasama dengan Pakatan Harapan atau Barisan Nasional.

Ia dilakukan ketika Pas sedar, bertanding bersendirian bermakna mereka akan kalah teruk. Tetapi itulah satu-satunya pilihan yang ada kepada Pas dalam keadaan sekarang. Semuanya kerana Pas masuk dalam perangkap Umno.

Itupun masih ada ahli Pas yang terpedaya bahawa tsunami hijau akan berlaku dalam pilihan

raya akan datang selepas ia terus dijaja oleh pemakan dedak Umno ini.

Umno sedar dari awal lagi, jika bergabunglah Pas dengan pembangkang lain dalam pilihan raya kali ini, sudah hampir pasti BN akan jadi pembangkang selepas PRU 14.

Kini segala perancangan Umno berjalan baik. Pas sudah masuk perangkap. Umpan RUU 355 sudah tertelan dan lekat di kerongkong Pas.

Apakah Pas masih lagi berguna untuk Umno... saya rasa tidak. Pas sudah tidak diperlukan lagi. Tinggallah Pas di tepi jalan ketika semua yang lain maju ke depan.

Ahli Pas yang cerdik akan menyertai arus perubahan yang hendak dibuat, manakala ahli Pas yang tidak mahu berfikir dan sekadar mengikut saja akan kekal bersama Pas di tepi jalan.

Apakah PH akan terima semula Pas. Tidak. Kerana Pas sudah dianggap liabiliti kepada PH. Menerima Pas bersama bermakna menolak pengundi bukan Melayu yang sudah bersama mereka.

Apa yang boleh diucapkan... Hanyalah bye-bye Pas... Kami mahu terus maju ke depan.

## Terima kasih Umno kepada Pas...faham-fahamlah

**A**hli Parlimen Sepang, Mohamed Hanipa Maidin berpendapat keputusan pengundian Bajet 2018 baru-baru ini 'paling bagus' apabila Ahli Majlis Tertinggi Umno mengucapkan terima kasih kepada Pas.

Penghargaan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki itu ekoran sikap 11 Ahli Parlimen Pas yang tidak mengundi terhadap 'ibu segala bajet' yang mencecah RM280.25 bilion itu.

Menggelarkan Pas sebagai 'Parti Suci', Hanipa yang merupakan Ahli Jawatankuasa AMANAH Nasional menyenaraikan kesemua mereka terbabit termasuk dua yang tidak hadir.

"11 Parti Suci tak mengundi: Bukit Gantang, Kota Bharu, Temerloh, Kuala Nerus, Pasir Mas, Bachok, Kubang Kerian, Pasir Puteh, Hulu Langat, Pengkalan

Chepa dan Rantau Panjang.

"Dua MP parti suci iaitu YB Marang dan YB Dungun tidak hadir dalam Dewan.

"Yang best lagi ada Timbalan Menteri Umno yang berterima kasih kepada parti suci. So, faham fahamlah sendiri," ujar peguam tersebut dipetik dari *Facebook* beliau.

Rata-rata pihak berpendapat ucapan terima kasih daripada Asyraf di akaun laman sosial Twitter itu dilihat sebagai hubungan positif antara Umno dan Pas menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) yang semakin hampir.

"Bajet 2018 diluluskan di peringkat dasar di Parlimen dengan 107 menyokong dan 59 menentang. Sementara 11 anggota parlimen Pas berkecuali. Terima kasih Pas," tulis menteri berkaitan Hal Ehwal Agama itu.



Ahli Parlimen PH bergambar dengan Mahfuz selepas bersama-sama menentang Bajet 2018.

## Naib Presiden Pas persoal apa masalah partinya berkecuali

**T**indakan 11 ahli parlimen Pas berkecuali dalam pengundian Bajet 2018 pada bacaan kali kedua di Dewan Rakyat dianggap tidak bermasalah bagi pemimpin parti hijau itu.

Sebaliknya, Naib Presiden Pas yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang, Idris Ahmad menganggap 'musuh Pas' akan melemparkan pelbagai tuduhan terhadap keputusan mereka itu.

"Cuma Pas berkecuali ketika mengundi. Apa masalahnya?. Musuh Pas akan tuduh macam-macam. Modal yang paling popular Pas hendak ber'UG' (kerajaan perpaduan) dengan

Umno.

"Pas hendak bagi nafas kepada Datuk Seri Najib. Pas sudah lali dengan tuduhan itu," ujarnya sebagai reaksi terhadap kritikan banyak pihak terhadap sikap Pas yang mengulang pengundian belanjawan sebelum ini.

Menurut Idris, situasi menjadi aneh jika Ahli Parlimen Pas memohon projek awam dilaksanakan jika sebelum itu menolak bajet yang dibentangkan Perdana Menteri.

"Jikalau Ahli Parlimen Pas tolak bajet, tiba-tiba sewaktu bahas kita minta kerajaan berikan projek sekolah, hospital, jalan raya dan lain-lain lagi.

"Bukankah ini satu kepelikan, tolak tetapi minta projek?" soalnya sekali gus mengundang pandangan pelik rata-rata rakyat terhadap sikap pemimpin Pas.

Bajet 2018 diluluskan dengan undian 107 Ahli Parlimen BN menyokong manakala 59 Ahli Parlimen Pakatan Harapan menolak termasuk Ahli Parlimen Pokok Sena.

Hanya 11 Ahli Parlimen Pas daripada 222 anggota Parlimen berkecuali dengan enggan mengundi Rang Undang-Undang Perbekalan 2018 yang dibahaskan sejak 30 Oktober lalu.

Selain Bukit Gantang, mereka

adalah Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok, Kubang Kerian, Pasir Puteh, Pengkalan Chepa, Rantau Panjang, Temerloh, Kuala Nerus dan Hulu Langat.

Dua lagi Ahli Parlimen Pas iaitu Marang dan Dungun difahamkan tiada dalam Parlimen.

Menurut Idris, peraturan membenarkan Ahli Parlimen sama ada untuk menyokong, menolak atau tidak mengundi iaitu berkecuali.

"Keputusan Pas berkecuali bermakna ada yang Pas sokong dan ada yang Pas bangkang. Pas sokong perbelanjaan yang bermanfaat kepada rakyat seperti mendirikan sekolah, hos-

pital, BR1M, biasiswa, bantuan kepada petani, nelayan.

"Pas membantah 1MDB yang tidak selesai hingga kini, masalah Felda, GST yang menyusahkan rakyat miskin, tol, ketirisan, projek tidak sampai kepada sasaran, diskriminasi, kroni.

"Semua Ahli Parlimen Pas membantah dan memberi cadangan sewaktu membahaskan bajet," jelasnya walaupun diketahui umum pemimpin parti tersebut tidaklah di tahap menggegar Parlimen ketika membahaskan isu yang disenaraikan itu.



# Bila Pas 'mempasubungkan' dirinya di Parlimen

Oleh KANUN

**D**alam undian peringkat Bacaan Kedua berkaitan perbincangan mengenai bajet 2018 di Dewan Rakyat pada 13 November 2017 menunjukkan undian 107 daripada 222 anggota parlimen menyokong, 59 anggota parlimen menentang dan 11 anggota parlimen berkecuali terhadap Rang Undang-Undang Perbekalan 2018. Kesemua anggota parlimen yang berkecuali itu adalah daripada Parti Islam Se-Malaysia (Pas).

Hujah Ustaz Idris Ahmad, Naib Presiden Pas yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang bahawa "Keputusan Pas berkecuali bermakna ada yang PAS sokong dan ada yang Pas bangkang. PAS sokong perbelanjaan yang bermanfaat kepada rakyat seperti mendirikan sekolah, hospital, BRIM, biasiswa, bantuan kepada petani, nelayan. PAS membantah 1MDB yang tidak selesai hingga kini, masalah Felda, GST yang menyusahkan rakyat miskin, Tol, ketirisan, projek tidak sampai kepada sasaran, diskriminasi, kroni."

Ann Macfarlane ([www.jurassicparliament.com](http://www.jurassicparliament.com)), seorang profesional bertauliah mengenai tatacara parlimen menjelaskan bahawa sebenarnya sistem parlimen hanya ada dua jenis undian sahaja iaitu undi untuk menyokong atau undi untuk membangkang.

Tiada apa yang disifatkan sebagai undian berkecuali (abstain from a vote) melainkan ahli parlimen itu tidak mengundi langsung dan hanya berdiam diri semasa undian. Oleh itu, perumpamaan seorang ahli parlimen yang hanya duduk-duduk di dalam Parlimen seperti sebuah 'pasu bunga' adalah agak tepat.

Persoalan sekarang adalah apakah kesannya jika seorang ahli parlimen itu hanya 'mempasubungkan' dirinya semasa undian belah bahagi dibuat. Kata Ann Macfarlane, ada tiga kesan yang boleh disimpulkan daripada tindakan seorang ahli parlimen yang 'mempasubungkan' dirinya dalam keadaan demikian.

Pertamanya, kadang-kalanya tindakan berkecuali itu boleh membawa kesan memberikan sokongan kepada golongan majoriti. Contohnya dapat kita lihat dalam kes 12 ahli lembaga pengarah syarikat yang dikehendaki untuk mengundi bagi menamatkan jawatan seorang ketua pegawai eksekutif yang gagal untuk menjalankan tugasannya dengan baik.

Katakan 6 daripada mereka telah mengundi untuk membuangnya dan 5 lagi pula menentangnya. Manakala seorang lagi ahli lembaga pengarah tahu bahawa ketua pegawai eksekutif berkenaan gagal untuk menjalankan tugasannya tetapi disebabkan pengarah urusan itu adalah teman karibnya maka dia telah memilih untuk berkecuali dengan tidak membuat



Ahli Parlimen Pas didakwa 'mempasubungkan' diri mereka di Parlimen apabila berkecuali dalam Bajet 2018.

sebarang undian. Maka hasil undian itu akan menunjukkan 6 menyokong, 5 membantah dan seorang pula tidak mengundi (berkecuali).

Akhirnya, ketua pegawai eksekutif itu tetap akan dibuang kerana undian majoriti menyokong pembuangannya. Katakan seorang yang berkecuali itu mengundi untuk menentang pembuangan maka tentulah undian akan menjadi seri dan ketua pegawai eksekutif itu akan terselamat daripada dibuang.



Keduanya, kadang-kalanya, tindakan berkecuali itu akan memberikan kesan untuk mengalahkan kedudukan majoriti. Contohnya, sebuah badan pengurusan bersama (JMB) yang mempunyai 7 orang ahli sedang mempertimbangkan untuk meluluskan satu undang-undang kecil bagi kondominium yang mereka diami. 3 orang menyokong, 2 membantah dan 2 orang berkecuali dengan tidak mengundi. Peraturan pula menyatakan bahawa sesuatu undang-undang hanya boleh diluluskan dengan undi majoriti.

Dalam kes ini, hanya 5 yang mengundi dan meskipun jumlah yang menyokong adalah majoriti berbanding yang menentang dengan nisbah 3:2, namun disebabkan 2 lagi tidak mengundi maka undang-undang kecil itu gagal diluluskan. Ini kerana pada hakikatnya hanya 3 yang menyokong berbanding dengan 4 yang tidak menyokong.

Ketiganya, kadang-kala sikap berkecuali ini tidak mendatangkan apa-apa akibat. Katakan sebuah majlis perbandaran mempunyai 21 orang ahli. Majlis perbandaran itu bercadang untuk

membuat suatu undang-undang baru. Semasa undian dibuat, 15 menyokong, 5 menentang dan seorang berkecuali. Dalam hal ini, sikap berkecuali itu tidak akan mendatangkan apa-apa kesan kerana ianya tidak akan mempengaruhi keputusan undian itu. Namun, harus diingat juga bahawa tindakan berkecuali itu menunjukkan ahli itu redha dengan undang-undang baru itu.

Justeru, di manakah kedudukan Pas sekarang? Melihat kepada huraian di atas maka tidak syak lagi PAS berada dalam kategori pertama kerana dengan tidak mengundi (berkecuali) dan 'mempasubungkan' diri maka akan menjadikan jumlah undian yang menyokong lebih tinggi daripada yang membantah. Ini juga menunjukkan bahawa apa yang dihujahkan oleh Ustaz Idris Ahmad itu silap, tidak tepat dan menyimpang daripada kehendak rakyat yang mahukan kerajaan yang mampu mengurus kewangan dengan lebih baik.

PAS tidak berani untuk memilih jalan ke kanan atau ke kiri. PAS hanya mampu berhenti di persimpangan lampu trafik dan tidak bergerak-gerak kerana mereka berpendapat pergi ke kanan pun ada mudarat, ke kiri pun ada mudarat. Jadi kesudahannya mereka yang berhenti di lampu trafik ini akhirnya akan kehabisan minyak dan menyebabkan kereta tersadai mati di persimpangan!

Mungkin ada yang mengatakan bahawa Pas itu berada dalam kategori ketiga kerana tanpa undian Pas pun bajet tersebut akan lulus juga. Namun, ini bukanlah sebab PAS tidak mengundi. Hakikatnya, Pas tidak mengundi (berkecuali) dan 'mempasubungkan' diri dengan alasan PAS merasakan bahawa bukan semua perkara dalam bajet itu patut ditolak dan ada yang patut diterima.

Buktinya, Ustaz Idris berkata, "Jikalau

Bayangkan jika pengundi juga menggunakan sikap berkecuali seperti ini dengan tidak pergi keluar mengundi atau merosakkan kertas undi semata-mata kerana pengundi tersebut menyatakan bahawa bukan semua apa yang dibuat oleh kerajaan BN ini tidak baik dan bukan semua yang pembangkang buat itu baik. Apakah akan jadi dengan sistem pilihan raya dalam negara ini kelak?

Sepatutnya Pas melihat kepada bajet ini secara keseluruhannya dan tentukan sikap parti sama ada dapat bersetuju atau membantah bajet ini. Ustaz Idris mengatakan sikap PH itu pelik tetapi sebenarnya sikap Pas itu yang pelik kerana sikap sedemikian tidak mencerminkan kematangan seorang ahli parlimen. Seorang ahli parlimen perlu tegas sama ada menerima atau tidak menerima apa yang dicadangkan oleh kerajaan.

Ironinya, yang mencadangkan undi belah bahagi ini adalah Ahli Parlimen Pas dari Parlimen Pokok Sena iaitu Datuk Mahfuz Omar sendiri. Bagaimana pula Ustaz Idris Ahmad dapat memberikan justifikasi terhadap sikap yang begitu kontras antara beliau dengan Mahfuz Omar yang kedua-duanya mewakili parti Pas.

Jelas sekali, sikap Pas yang berkecuali itu mengundang rasa senang BN terhadap Pas. Buktinya, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, Timbalan Menteri dalam BN secara terbuka dalam laman twitternya telah mengucapkan terima kasih kepada Pas. Justeru, pengundi hendaklah membuat pilihan yang bijak dalam PRU 14 untuk tidak lagi mengundi parti "pasu bunga".

Ahli Parlimen Pas tolak bajet, tiba-tiba sewaktu bahas kita minta kerajaan berikan projek sekolah, hospital, jalan raya dan lain-lain lagi. Bukankah ini satu kepelikan, tolak tetapi minta projek? PAS ada sikap yang tersendiri. RUU 355 Pas sokong kerana manfaat kepada ummah. Walau pun Pakatan Harapan menolak. RUU 364 (sepatutnya 164 dan bukan 364), Pas lawan walau pun dibawa oleh kerajaan."

Anehnya, bukankah Pas dahulu hanya menolak sebahagian kecil seksyen yang terkandung dalam RUU 164 tetapi kenapakah Pas menolak kesemua RUU 164 tersebut. Kenapakah Pas tidak mengambil pendirian untuk berkecuali juga?

Undian belah bahagi ini adalah untuk menentukan sikap semua parti.



Rakyat Malaysia dipelawa untuk menjadi wartawan di sebuah laman berita. Syarat-syaratnya adalah:

- 1) Mempunyai diploma atau ijazah dalam bidang komunikasi atau kewartawanan @ berpengalaman sebagai pemberita.
- 2) Berminat dengan berita hal ehwal semasa dan berunsurkan politik.

Sila hantarkan resume anda kepada:  
luqman.malysiadateline@gmail.com  
Sebelum 30 November 2017



Bersalah fitnah Nizar

# Bendahari Pas Pusat diarah bayar RM200,000

Oleh MUHAMMAD FAEZ AZAHAR

**I**POH: Pesuruhjaya Pas Perak, Razman Zakaria diperintah membayar RM200,000 kepada Timbalan Pengerusi AMANAH Perak, Dato Seri Nizar Jamaluddin.

Bendahari Pas Pusat itu didapati bersalah memfitnah Mantan Menteri Besar Perak itu dalam satu rencana yang disiarkan akhbar Sinar Harian edisi Perak bertarikh 2 Jun 2015 bertajuk "Pendekatan Nizar Mirip DAP".

Hakim Mahkamah Sesyen Ipoh, D Sunita Kaur Jessy H Daljit ketika membacakan keputusan 10 Nov lalu mendapati Nizar berjaya membuktikan kes saman fitnah terhadap Razman yang mendakwa beliau menolak hudud serta boneka kepada DAP.

Hakim berpendapat, pembelaan dikemukakan Razman ke atas saman yang dikemukakan oleh Nizar adalah tidak berasas.

Dalam masa yang sama, tuntutan balas yang dikemukakan oleh Razman ke atas Nizar juga ditolak oleh mahkamah.



Nizar (kanan) mendengar penjelasan yang diberikan Asmuni kepada petugas media seusai hakim membacakan keputusan.

Di dalam tuntutan balas tersebut, Razman mendakwa bahawa kenyataan media Pakatan Rakyat pada 21 Mac 2015 yang ditan-datangi oleh Nizar bersama wakil DAP

dan Keadilan adalah satu fitnah ke atasnya selaku Pesuruhjaya Pas Perak.

Walau bagaimanapun Mahkamah Sesyen mendapati Razman telah gagal pembukti-



Razman berjalan keluar daripada kamar mahkamah.

kan dakwaannya itu.

Sebelum ini, Razman turut mengeluarkan saman pihak ketiga kepada Sinar Harian tetapi saman tersebut ditarik balik oleh Razman dengan kos.

Dalam perkembangan sama, peguam Nizar, Mohd Fitri Asmuni berkata, mahkamah juga telah mengeluarkan perintah injuksi kepada Razman agar beliau tidak lagi mengeluarkan apa-apa kenyataan berbau fitnah ke atas Nizar.

Beliau menjelaskan, RM200,000 tersebut adalah bayaran untuk ganti rugi am dan ganti rugi teruk yang perlu dibayar oleh Razman kepada Nizar.

Mohammad Nizar turut diwakili Asmuni Awi yang juga Pengerusi AMANAH Perak.

## Usah berlakon kononnya sokong Raja Melayu

**KUALA LUMPUR:** Tindakan beberapa Ahli Dewan Negeri (Adun) Umno Selangor menghantar memorandum sokongan kepada istana Selangor dalam isu penghinaan bangsa Bugis yang didakwa dilakukan bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad hanya bagi 'menanggung di air keruh'.

Ahli Parlimen Kuala Terengganu Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah mempertikaikan tindakan Adun-Adun Umno itu memandangkan para pemimpin parti itu sendiri tidak menghormati Raja-Raja Melayu dalam beberapa insiden sebelum ini.

"Keputusan Dewan Diraja Selangor membuat pendirian dalam isu ini adalah hak mereka dan harus dihormati oleh semua pihak. Tetapi tindakan Umno ingin mengambil kesempatan dan menanggung di air keruh adalah isu lain.

"Soalnya adakah Umno begitu setia dengan ketaatan yang tidak berbelah bagi kepada pihak Raja-Raja atau ini adalah kesempatan politik yang mereka ingin eksploitasi untuk kepentingan politik diri dan Datuk Seri Najib?" soal beliau.

Raja Bahrin mempersoalkan

pendirian Umno khususnya Umno Selangor apabila perdana menteri Datuk Seri Najib Razak tidak mengendah pandangan Majlis Raja-Raja Melayu yang meminta Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) dihalusi dan dikaji semula.

Perkara ini, jelas beliau menyentuh hak Yang di-Pertuan Agong dalam mengisytiharkan darurat dan mempunyai implikasi serius kepada negara dan rakyat.

"Bukan itu sahaja, beberapa bulan sebelum isu MKN, Majlis Raja-Raja Melayu juga meminta Datuk Najib 'menyelesaikan' isu kontroversi 1MDB yang memburukkan nama negara dan sekali lagi tiada apa-apa tindakan diambil," ujar beliau.

Raja Bahrin turut mempertikaikan taat setia pemimpin Umno kepada Raja-Raja Melayu apabila tiada sebarang kenyataan dibuat atau serahan memorandum ke istana bagi menyokong pandangan Raja-Raja Melayu berhubung dua isu berkenaan.

"Sebenarnya jika MKN digunakan oleh Datuk Najib untuk kekal terus berkuasa, Umno dan BNlah yang akan beruntung dan mempunyai kepentingan utama.

Jelas di mana komitmen mereka sebenarnya akan berada di sini," ujar beliau.

Raja Bahrin turut membangkitkan kenyataan kontroversi yang diungkapkan pemimpin Umno seperti "balik Tongsan" kepada kaum Cina, kenyataan presiden dan timbalan presiden Umno yang mengungkit jalur keturunan Tun Mahathir dan ahli Umno Terengganu yang menggunakan perkataan "natang" (binatang) terhadap Istana Terengganu semasa isu peralihan Menteri Besar Terengganu selepas PRU 2008.

"Di Selangor pula insiden 'kepala lembu' telah mengguris perasaan orang India dan Hindu," katanya.

Sehubungan itu beliau menyifatkan pemimpin parti itu sebenarnya menumpahkan taat setia kepada Najib dan bukannya Raja-Raja Melayu apabila saranan Majlis Raja-Raja Melayu sebelum ini tidak diendahkan langsung oleh para pemimpin parti Melayu itu.

"Kata-kata yang terus bergema di dalam kepala mereka adalah kata-kata keramat Datuk Seri Najib iaitu 'cash is king' (wang itu raja)," ujarnya sinis.

## Pemuda PH sokong gesa Petronas tarik balik pelaburan di Myanmar

**KUALA LUMPUR:**

Pemuda Pakatan Harapan (PH) menyokong penuh tindakan 47 Ahli Parlimen Pakatan Harapan, Warisan dan Pas menandatangani dan menyerahkan petisyen pada 8 Nov lalu bagi mendesak Petronas mengeluarkan pelaburannya di Myanmar.

Ketuanya, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, minoriti etnik Rohingya di Myanmar telah menjadi mangsa pembersihan etnik yang melibatkan penyeksaan, pembunuhan, pembakaran penempatan, pencabulan dan intimidasi dalam 10 tahun kebelakangan ini.

Justeru katanya, sebagai membantah apa yang telah dilakukan kerajaan Myanmar, Petronas digesa mengeluarkan pelaburannya dari Myanmar bermula 1 Januari 2018 kecuali Kerajaan Myanmar mengiktiraf bahawa minoriti etnik Rohingya adalah warga Myanmar yang



Nik Nazmi Nik Ahmad

sah dan diberikan hak dan perlindungan yang diberikan kepada warga Myanmar yang lain.

Petronas jelas Nik Nazmi, seharusnya sedar bahawa pelaburan mereka mempunyai impak ke atas kehidupan rakyat negara-negara di mana mereka berniaga.

"Pada masa sama, sebagai sebuah syarikat berkaitan kerajaan dan antara jenama Malaysia yang paling dihormati dan dikenali di seluruh dunia, keputusan Petronas dalam hal ini mempunyai impak secara langsung terhadap nama baik dan kedudukan moral negara kita.

"Tindakan terus melabur dan berurusan di Myanmar tanpa menggesa perubahan terhadap dasar-dasar mereka bermakna syarikat-syarikat yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti sebegini juga bersekongkol dengan tindakan rejim yang disokong pihak tentera," kata beliau lagi.



# Serum Alami keluaran Dr. Olive Bodycare

Assalamualaikum dan salam sejahtera para pembaca sekalian. Artikel kita kali ini membicarakan tentang serum, jenis-jenis serum yang dikeluarkan, bahan yang digunakan, kelebihan dan cara menggunakannya.

Selama ini kita biasa menggunakan krim muka untuk memelihara kecantikan kulit muka. Dalam pasaran terdapat banyak jenis krim muka. Krim pelembab untuk siang dan malam, krim pemutih, krim anti jeragat. Krim ini pula dirumus khas untuk berbagai jenis kulit. Untuk kulit kering, kulit berminyak, kulit bermasalah dan sebagainya. Krim muka disediakan untuk melembab dan melindungi kulit dari sinaran matahari, pancaran UV, angin yang sejuk dan kering, cuaca yang ekstrim seperti musim sejuk dan musim panas. Krim muka apabila dipakai akan menghasilkan satu lapisan perlindungan diantara kulit muka kita dengan alam persekitaran.

Sebagai rutin harian untuk menjaga kulit wajah supaya sentiasa cantik dan sihat, kita menggunakan 3-produk utama, iaitu: pencuci, toner dan pelembab. Kami ingin mengesyorkan anda menambah satu lagi produk yang sangat baik untuk kulit wajah anda - Serum muka!

Serum komersil yang terdapat dipasaran biasanya mengandungi kimia dan bahan-bahan lain yang bukan alami. Serum kami diperbuat daripada minyak-minyak alami seperti Minyak Zaitun, Minyak Avocado, Minyak Badam, Minyak Vitamin E, Minyak

kelapa Dara, Minyak Biji Anggur, Minyak Delima, Minyak Wheatgerm dan Minyak Rosehip Seed.

Mengapa kita perlu pakai serum pula? Dah pakai moisturizer(pelembap) dahlah, takkan tak cukup lagi!. Jawapannya ialah kerana molekul serum jauh lebih kecil dari molekul pelembap. Ini membolehkan serum diserap dengan lebih banyak dan cepat ke dalam pori-pori. Bermakna, bahan-bahan aktif dapat meresap terus ke lapisan kulit yang disasarkan. Serum pula mengandungi 10 kali ganda bahan aktif daripada apa yang terdapat dalam pelembap. Pendek kata, serum lebih berkesan daripada krim pelembap, merawat lapisan kulit atas dan membuat kulit awet muda dan berseri.

Walaupun bagaimanapun, ini tidak bermakna yang kita tidak perlukan pelembap langsung. Pelembap membantu untuk mengekalkan serum dalam kulit. Malahan, serum dan pelembap bertindak dengan begitu efektif, utamanya untuk jenis kulit yang kering.

## Kelebihan menggunakan serum muka:

1. Serum dapat memelihara kulit supaya sentiasa dalam keadaan awet muda dengan meningkatkan kelembapan kulit dan membekalkan bahan-bahan aktif yang diperlukan oleh kulit kita. Apabila kulit kita kering, kita memerlukan produk yang boleh meresap ke dalam pori-pori dan memberikan kelembapan yang secukupnya. Tahap kelembapan yang tinggi akan merangsang kulit untuk membentuk kolagen dan elastin. Kedua-dua struktur protein

ini sangat diperlukan untuk wajah yang sentiasa awet muda. Apabila umur kita semakin meningkat, kolagen dan elastin kita menurun. Ini akan membawa kepada kemunculan garis-garis halus, kedutan dan kekenduran kulit. Jadi, amatlah penting kita menjaga kelembapan kulit dan meningkatkan bekalan kolagen dan elastin.

2. Serum dapat mneyembuhkan dan merawat kulit dengan bahan-bahan aktif yang terkandung dalamnya. Jika anda mempunyai kulit yang berminyak, anda perlu meningkatkan lagi tahap kelembapannya untuk mencegah kulit anda daripada mengeluarkan minyak yang berlebihan. Bahan aktif dan anti-oxida yang terdapat dalam serum boleh merawat dan memperbaiki kulit anda. Sekali gus penggunaan serum akan melindungi kulit anda dari kerosakkan yang berpunca daripada persekitaran.

## Empat jenis serum keluaran Dr Olive Bodycare:

- 1) Anti-ageing Serum untuk membuat kulit wajah sentiasa awet muda dan menghilangkan garis-garis halus pada wajah.
- 2) Clear Facial Skin Serum untuk menghilangkan bintik-bintik hitam, jeragat dan meratakan tona warna muka.
- 3) Dark Circle Eye Serum untuk menghilangkan lebam bawah mata.
- 4) Scar Serum untuk menghilangkan cela dan parut bekas jerawat pada kulit.
- 5) Eye Lash Growth Serum untuk menggalakkan pertumbuhan bulu mata dengan lebih panjang dan lebat.

Cara menggunakan Serum:

Serum boleh tahan lama, walaupun ia nampak sedikit sahaja di dalam botol

yang kecil. Sebelum menggunakan serum, muka hendaklah dicuci terlebih dulu. Serum dapat diserap dengan cepat sekiranya kulit anda masih lembat sedikit selepas dicuci. Ambil beberapa titik serum sahaja dan urutlah perlahan-lahan dikulit muka. Setelah selesai, bolehlah diikuti pula dengan pelembap.

Berapa kali sehari? Disyorkan 2 kali sehari. Tetapi saya suka pakai serum selepas saya mengambil wuduk. Kalau kita nak pakai dua jenis serum macam mana? Misalnya anda ingin menggunakan serum Anti-ageing dan Clear Facial Skin.

Anda boleh guna serum Clear Facial Skin selepas mengambil Wuduk untuk Solat Fajar. Selepas mengambil wuduk untuk solat zohor, anda boleh menggunakan Serum AntiAgeing pula. Begitulah seterusnya.

Nah... itu dia cerita pasal serum. Apalagi, jom kita mula gunakan serum. Kami sudah mula menerima testimony untuk serum-serum kami. Apa lagi!!!

Jom mula guna serum.

Semoga maklumat yang diberikan ini dapat mendatangkan manfaat kepada semua pembaca dan pengguna produk Dr. Olive Bodycare. Produk yang alami, selamat dan berkesan. Jika anda ingin menjadi ejen kami atau ingin mendapatkan info tambahan sila email atau whatsapp kami di nombor yang tertera. Sehingga berjumpa lagi di lain siaran, jom tukar kepada produk Dr. Olive Bodycare dan salam hormat dari kami.

TARIKH TAMAT PROMOSI: 25 NOVEMBER 2017



## SERUM

CONTENT:

OLIVE OIL, AVOCADO OIL, ROSEHIP SEED OIL, ARGAN OIL, VITAMIN E OIL, VIRGIN COCONUT OIL, SWEET ALMOND OIL, GRAPE SEED OIL, CASTOR OIL, JOJOBA OIL

-20%  
**Sale**

DISCOUNT

Serum 5ml ~~RM 39.90~~ **RM 31.90**

Serum 20ml ~~RM 159.60~~ **RM 127.70**

**Handmade . No Harmful Chemicals . Paraben Free . Halal**

SOAPS . BODYSCRUBS . SERUMS . DEODORANT . SUNSCREEN . TEA . SUPPLEMENTS

+6019 578 7998

drolivebodycare@gmail.com  
www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare



NATURAL . SAFE . EFFECTIVE



# Jurang kesenjangan kaya-miskin gagal ditangani Bajet 2018



Di Malaysia jurang kesenjangan kaya-miskin semakin melebar.

**PERBAHASAN** Bajet 2018 yang dibentangkan PM Datuk Seri Najib Razak pada petang Jumaat, 27 Okt lalu telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat petang 15 Nov. Menarik untuk merakamkan 11 dari 14 Ahli Parlimen Pas berkecuali yakni tidak mengundi.

Hanya YB Pokok Sena sahaja yang menentang bajet Najib, sementara YB Marang atau Presiden Pas dan YB Dungun tidak hadir. Tentunya menjadi tanda tanya ramai apa di sebalik tindakan Pas ini khasnya di ambang PRU14 yang semakin hampir.

Cuma memberi alasan bahawa sekolah dan lain-lain, perlu peruntukan justeru bajet tidak boleh ditolak adalah amat dangkal dan tidak jujur. Pas bukan parti setahun jagung untuk membuat kenyataan terlalu naif seperti itu.

Pun begitu banyak lagi perkara yang lebih mustahak untuk diberi tumpuan. Kolum saya akan fokus beberapa isu ekonomi setelah euforia Bajet Najib Terakhir mula hilang hangatnya.

Pertama saya menarik perhatian pembaca kepada kenyataan seorang pakar ekonomi Profesor Tan Sri Kamal Saleh (The Edge Financial Daily, 1 Nov, 2017), tentang impak cukai GST dan kenaikan kos barangan dan perkhidmatan terhadap kelompok 'Bawah-40' (B-40).

Beliau menegaskan bahawa Bajet Najib gagal membuat pembaharuan dalam usaha meningkatkan 'income' atau 'pendapatan' kelompok B-40 ini. Kuncinya, tegas beliau adalah untuk menjana 'mobiliti sosial', supaya kelompok 'miskin baru' ini tidak kekal dalam B-40 bahkan beralih ke kelompok Menengah atau Middle-40 (M-40).

Pendekatan yang digunakan kerajaan Najib tidak berubah sejak 50 tahun dulu

dengan cara inisiatif pembangunan luar bandar seperti mewujudkan MARA. Pendekatan Najib juga berlegar sekitar pemberian tunai secara BRIM.

Cadangan penyelesaian dari Profesor Ekonomi itu (bersama Dr Mohammad Khalid dan Dr Lee Hwok-Aun dari Universiti Malaya) secara konkrit terdapat dalam Laporan Malaysian Human Development (UNDP) Report 2013 - "Melakar dan Menjana Pertumbuhan Inklusif" tersebut.

Tidak hairan mengapa beliau terus mengkritik pendekatan Najib, sebab dapatan dan cadangan Laporan UNDP tersebut, yang saya kira sangat baik, tidak digunakan oleh Najib. Apabila Pakatan Harapan ambil alih kami akan segera memenfaatkan cadangan UNDP itu.

Seterusnya, saya fokus kepada isu yang dibangkitkan dalam 'Cover Story' majalah The Edge... 'The Growing Wealth Gap' atau 'Jurang Kekayaan Semakin Melebar'. Banyak perkara penting dan menarik akan saya sentuh.

Terdahulu saya rakamkan fakta yang didedahkan 'The Guardian' (14 Nov 2017), bahawa 1% manusia terkaya memiliki 50.1% kekayaan di dunia ini. Antara pemakin atau mekanisme utamanya ialah seperti didedahkan 'Paradise Revelations' - bagaimana orang kaya dan konglomerat besar mengelak cukai. Kerajaan-kerajaan di dunia didesak bertindak.

Kembali menangani realiti jurang atau kesenjangan rakyat di Malaysia. Meskipun Jabatan Statistik menunjukkan bahawa pertumbuhan pada paras 4.2% KDNK tahun lalu (2016), gaji dan upah pekerja hanya meningkat kurang dari 1% atau bersamaan dengan RM17 dalam angka

sebetul atau 'real term'. Ini adalah data atau fakta dari Bank Negara Malaysia (BNM).

Perlu juga disebut bahawa BNM menerbitkan pengangguran meningkat 13% pada tahun 2016. Sementara itu, rakyat bergelut dengan hakikat bahawa keupayaan menabung isi-rumah di Malaysia atau kadar simpanan kita, berada pada tahap yang rendah iaitu 1.4%, mengikut laporan Institut Penyelidikan Khazanah pada tahun 2016. Sebagai perbandingan, kadar menabung rakyat Amerika, yang dianggap amat rendah kerana kuat berbelanja pun adalah pada tahap 5%.

Mengikut pandangan pakar ekonomi, peningkatan 'gaji minima' ke RM1000 amat membantu untuk meningkatkan perkongsian keuntungan kepada pekerja ke tahap 35.3% untuk tahun 2016. Maksudnya setiap RM1 dijana oleh pekerja, 35 sen dibayar sebagai gaji atau upah. Sebagai bandingan di Singapura (43 sen), United Kingdom (49.4 sen) dan di Amerika Syarikat (53.4 sen) diagihkan sebagai gaji pekerja (nisbah kongsi KDNK perkerja).

Pakatan Harapan mahukan gaji minima dinaikkan kepada paras RM1500 dengan pelaksanaan yang mesra bisnes menggunakan bayaran bersama atau 'Co-payment System', sekaligus meningkatkan nisbah kongsi Gaji:KDNK pekerja menepati negara-negara maju. Tentunya polisi ini mesti berteraskan peningkatan produktiviti pekerja dalam iklim inovasi dan kreativiti dengan nilai tambah produk dan perkhidmatan yang tinggi.

Seperka lagi adalah bersabit angka penentu jurang kaya-miskin iaitu angka 'Gini Coefficient'. Angka 0 menunjukkan jurang sifar kosong (sama rata) dan angka



## ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

1 paling buruk. Angka Gini telah menunjukkan trend yang baik. Dari angka 0.513 semasa Dasar Ekonomi Baru (DEB) baru dilaksanakan, angka Gini adalah pada tahap 0.401 pada tahun 2014 dan terus mengecil sehingga kini.

Namun senario jurang tidak begitu baik kalau diambil di segi ukuran simpanan dalam KWSP. Kajian Dr Mohammad dan Dr Lee Hwok-Aun mendapati 0.4% penyimpanan teratas memiliki 51.9% keseluruhan simpanan. Data KWSP juga mendedahkan bahawa dua pertiga pencarum KWSP yang berumur lebih 54 tahun, mempunyai simpanan kurang dari RM50,000.

Sementara 20% pencarum mempunyai simpanan kurang dari RM8,000.

Data dari BNM menunjukkan bahawa 1 dari 10 warga Malaysia, tidak akan dapat mengekalkan kehidupan mandiri, seandainya hilang sumber pendapatan utama atau pekerjaan.

Jurang yang ketara juga dalam simpanan pelaburan dalam ASB. Lebih 73% pelabur hanya memiliki simpanan sebanyak RM538, sementara 0.2% yang teratas mempunyai pelaburan sebanyak RM778,000.

Sementara 'kemiskinan tegar' telah dikurangkan dari 49.3% pada tahun 1970 ke tahap 0.6% pada 2014, terutama di kalangan Orang Asli (34%), Bumiputera Sabah (20.2%) dan Bumiputera Sarawak (7.3%).

Kesan sosial, kesihatan dan tumbesaran kanak-kanak dalam isi-rumah miskin ini wajar diberikan fokus. Bergantung kepada Paras Garis Kemiskinan (PGK), contohnya pendapatan RM930 sebulan untuk isi-rumah 4.3 ahli keluarga, digunakan, jumlah kanak-kanak yang berada dalam kategori ialah 29.3% pada tahun 1989 dan menurun ke tahap 2% pada tahun 2014.

Kalau PGK diletakkan sebagai RM1,860 sebulan, 15% kanak-kanak di negara ini akan berada dalam kategori isi-rumah miskin.

Kesimpulannya, jurang dan kesenjangan pendapatan (belum lagi kita bicara jurang kekayaan) yang semakin melebar membawa kesan sosial yang meruncing terutama dalam sebuah negara dan masyarakat majmuk.

Mengikut pandangan penyelidik, trend ini berpotensi mencetuskan konflik sosial dan politik khususnya, kalau sebab dan punca kesenjangan atau jurang itu tidak difahami sebenarnya. Ianya mudah disalahguna dan dieksploitasi oleh aktor-aktor politik yang tidak bertanggungjawab.

■ Penulis ialah Pengarah Strategi AMANAH Nasional.



# 'Pulau Pinang Bangkit' selepas banjir besar

**GEORGETOWN:** Kerajaan Negeri Pulau mengumumkan pemberian wang ehsan sebanyak RM500 secara sekali gus (one-off) kepada mangsa-mangsa banjir di negeri itu.

Ketua Menteri, Lim Guan Eng berkata bantuan yang bakal memanfaatkan sekurang-kurangnya 100,000 isi rumah termasuk para peniaga itu dianggarkan menelan belanja RM50 juta.

"Jumlah wang ini tidak termasuk wang derma oleh orang awam. Kerajaan negeri Pulau Pinang mengalu-alukan sebarang sumbangan wang.

"Semua sumbangan wang itu akan disalurkan sepenuhnya kepada mangsa banjir dalam bentuk projek-projek atau wang tunai," katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan di Dewan Undangan Negeri (Dun) Pulau Pinang, 9 Nov lalu.

Bantuan tersebut adalah sebahagian daripada langkah kerajaan bagi membantu mangsa banjir di bawah program 'Pulau Bangkit' dilancarkan Guan Eng.

Selain itu, kerajaan negeri turut mengumumkan empat kemudahan lain bagi rakyatnya yang dilanda banjir antaranya penggantian dokumen kerajaan negeri bantu mangsa banjir di bawah program 'Pulau Pinang Bangkit' yang dilancarkan Guan Eng.

Selain itu, kerajaan negeri turut mengumumkan empat kemudahan lain bagi rakyatnya yang dilanda banjir antaranya penggantian dokumen kerajaan negeri seperti geran tanah yang rosak atau hilang secara percuma.

Mangsa banjir juga diberi 50% diskaun bil air dan pengecualian surcaj konservasi air bagi pengguna domestik

**PENANG BANGKIT BOUNCE BACK**  
 I ♥ PENANG  
 #IstiqamKerajaan

**RM500**  
 bantuan one-off bagi setiap isi rumah mangsa.

**PERCUMA**  
 menggantikan dokumen kerajaan negeri seperti geran tanah yang rosak atau hilang.

**50%**  
 diskaun bil air dan pengecualian surcaj konservasi air bagi pengguna domestik.

**25%**  
 diskaun bil air bagi pengguna komersil.

**10%**  
 diskaun cukai pintu semua hartanah.

**HARI SUKARELAWAN PENANG BANGKIT**  
 pada 11-12 Nov, kerajaan negeri dan para sukarelawan turun padang membantu kawasan banjir.

manakala pengguna komersil diberikan 25% diskaun.

Diskaun 10% turut diberikan bagi cukai pintu semua hartanah.

Bagi kerja-kerja pembersihan pasca banjir, Hari Sukarelawan Penang Bangkit diadakan pada 11 dan 12 Nov bagi jentera kerajaan negeri dan para sukarelawan turun padang membantu mangsa banjir.

## Guan Eng lulus peruntukan baik pulih masjid, surau

**GEORGETOWN:** Ketua Menteri Lim Guan Eng telah meluluskan peruntukan awal RM100,000 bagi membuat pembaikan segera masjid dan surau di negeri itu yang terjejas akibat banjir 4 Nov lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam negeri Datuk Abdul Malik Kassim berkata, peruntukan tersebut termasuk membaik pulih sekolah agama di Pulau Pinang yang terjejas banjir.

"Saya telah berbincang dengan YAB Ketua Menteri Lim Guan Eng dan Datuk Saifuddin Nasution selaku Penasihat Strategik Ketua Menteri.

"Alhamdulillah, Ketua Menteri telah meluluskan sebanyak RM100,000 sebagai peruntukan awal," katanya.

Menurut Abdul Malik, peruntukan awal itu akan digunakan bagi kerja pemulihan sebelum wang kutipan tabung khas Jumaat diumumkan.

"Kutipan yang diterima oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) nanti akan digunakan sepenuhnya untuk membantu masjid-masjid," katanya.

Menurutnya, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) akan memulakan usaha mengenal pasti dan menjalankan kerja-kerja anggaran, sebelum memilih serta melantik kontraktor yang bertanggungjawab.

kamah?" soal Hanipa.

Beliau juga percaya peguam Claire tidak akan duduk diam dengan perkembangan terkini tersebut dan berkemungkinan akan memfailkan permohonan di Mahkamah London.

## Pelik apabila Ambiga pula disiasat polis

**KUALA LUMPUR:** Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin yakin peguam yang mewakili Editor Sarawak Report dalam kes saman fitnah Presiden Pas akan memfailkan permohonan untuk membatalkan saman itu ekoran wujud intimidasi ke atas saksi utama pembelaan dan harapan untuk melihat perbicaraan yang adil telah terjejas teruk.

"Bagi saya, dua alasan itu adalah alasan yang kukuh untuk batalkan saman," ujarnya dalam kenyataan, 10 Nov lalu.

Hanipa yang juga Pengerusi Biro Undang-undang AMANAH (Kanun) turut menimbulkan persoalan sama ada siasatan polis itu disengajakan bagi mengelakkan kes saman itu dibicarakan di Mahkamah London, yang mungkin menyaksikan MO1 dan Presiden Pas bakal dipanggil memberi keterangan di kandang saksi.

Hanipa mengulas laporan Malaysiakini bahawa Ambiga sedang disiasat oleh polis berhubung apa yang 'diplidkan' oleh Editor Sarawak Report, Claire Rewcastle-

Brown didalam pernyataan pembelaannya terhadap saman Presiden Pas.

"Bagi saya, ini siasatan paling 'legendary' dalam sejarah perundangan manusia. Dan mungkin, ia hanya boleh berlaku dalam negara ini sahaja kot.

"Saya sengaja guna perkataan 'diplidkan' kerana itulah istilah undang-undang di negara ini atau di UK. Dalam undang-undang, baik saman atau pernyataan pembelaan seseorang litigan dalam Mahkamah, ia dipanggil 'pleading'.

"Setakat yang saya tahu, belum ada lagi di dalam mana-mana sejarah dunia yang bertamadun, mana-mana orang disiasat polis kerana apa yang 'diplidkan' di dalam 'pleading'.

Jika ada, katanya ia sama ada perbuatan orang 'majnun' (hilang kewarasan berfikir) atau mungkin sesuai dipanggil perbuatan membuli atau intimidasi.

"Jika dah terlalu gatal dan ketagih sangat nak siasat juga, sepatutnya yang wajar untuk disiasat ialah orang

yang berkata iaitu Claire dan bukannya siasat orang yang menjadi subjek yang dikata iaitu Datuk Ambiga... baru nampak logik...

"Lagi satu, apa yang 'diplidkan' oleh Claire itu adalah fakta material (a material fact) bukan 'evidence' dan fakta itu perlu dibuktikan terlebih dahulu di Mahkamah di dalam sesi perbicaraan di London nanti," ujarnya.

Beliau turut menjelaskan, oleh kerana kes ini belum dibicarakan, Ambiga dan MO1 ialah saksi penting bagi kes saman itu.

"Dengan siasatan polis ke atas Datuk Ambiga, beberapa persoalan timbul. Adakah polis dipaksa atau diarah untuk mengganggu proses perbicaraan saman Presiden Pas? Jika ya, siapa yang arah? Jika tidak, takkanlah polis Malaysia terlalu jahil asas perundangan?"

"Adakah polis khususnya IGP telah bersedia untuk mencipta sejarah menjadi insan pertama diambil tindakan oleh Mahkamah London kerana mengganggu proses perbicaraan atau menghina Mah-

## Usaha banteras sindiket nelayan asing tidak diyakini nelayan tempatan

**KUALA TERENGGANU:** Rata-rata nelayan tempatan yang ditemui tidak yakin sindiket nelayan asing di perairan negara akan berjaya dibanteras walaupun beberapa nelayan asing dan pegawai maritim yang melindungi mereka telah didakwa di mahkamah.

Malah ramai di kalangan mereka yakin nelayan warga Vietnam dan bot yang dirampas akan dibebaskan dan beroperasi semula secara haram.

Ahli Parlimen Kuala Terengganu Raja Kamarul Bahrin Shah berkata, kunjungan beliau ke jeti utama nelayan di Pulau Kambing, dekat sini mendapati, sebahagian besar nelayan yang ditemui sinis dengan usaha penguatkuasaan yang dilakukan terutama menjelang pilihan raya umum (PRU).

Mereka terlalu arif dengan adegan bermusim dengan agenda tersendiri

kerajaan. Mereka telah melihat sandiwara sebegini dahulu. Nelayan akan masih kekal di kalangan termiskin dengan pendapatan di bawah RM450 sebulan," ujar beliau.

Para nelayan juga yakin kakitangan dan pegawai maritim yang ditangkap adalah 'golongan bawahan' sedangkan mereka yang lebih berkuasa melindungi sindiket nelayan asing ini masih bebas.

"Nelayan juga kecewa dengan sikap tidak tegas kerajaan yang melepaskan kembali bot yang dirampas dengan mudah sementara pihak berkuasa Indonesia lebih tegas dengan memusnahkannya," jelas Raja Bahrin.

Beliau menambah, nilai kerugian kecurian tangkapan laut yang bernilai RM4 bilion hingga RM6 bilion setahun membuktikan sindiket tersebut di-dala-

ngi oleh mereka yang berprofil tinggi.

"Mereka telah bermaharajalela begitu lama dan bebas di luar 'kesanggupan' dan kemampuan pihak berkuasa bertindak seolah-olah 'Pirates of the Caribbean' di Asiyang ganas lagi berpengaruh besar.

"Ada juga wanita asing muda Vietnam yang mempunyai pengaruh di kalangan pihak berkuasa atasan hingga boleh memiliki gelaran Datuk," tambah Raja Bahrin.

Bername dalam laporan 9 Nov lalu menyebut, seorang lelaki pemilik kapal menangkap ikan warga Vietnam dan seorang wanita Vietnam bersama suaminya telah didakwa di mahkamah kerana cuba memberi RM100,000 wang rasuah kepada seorang pegawai SPRM untuk melepaskan dua bot Vietnam yang telah dirampas pihak berkuasa.

Raja Bahrin mempersoalkan sama ada pengakuan bersalah Tran akan mendo-

rong siasatan lanjut dilakukan pihak berkuasa.

"Adakah Tran juga mahu memikul tanggung jawab penuh supaya rakan rakyat Malaysia akan dilepaskan tanpa siasatan diteruskan kerana boleh membongkar rahsia orang atasan VVIP Malaysia yang berpengaruh?" soal beliau.

Menurut Raja Bahrin, aktiviti nelayan haram Vietnam dan Thailand telah dibiarkan berleluasa terlalu lama dan mereka yang dicantas sekarang boleh diibaratkan sebagai 'ranting-ranting kecil'.

"Sindiket ini telah berakar umbi di bumi dan di dasar lautan negara kita. Selagi perancang utama dan 'godfather' tidak dibawa ke muka pengadilan, ranting-ranting yang di cantas akan tumbuh kembali seperti cendawan selepas hujan," ujar beliau yang juga Pengerusi AMANAH Terengganu.



# Libatkan guru dalam pelan kementerian

**KUALA LUMPUR:** Para guru perlu dilibatkan di dalam setiap pelan diperkenalkan Kementerian Pendidikan dan tindakan menuding jari kepada mereka di atas kegagalan program dilaksanakan kementerian adalah melampau memandangkan profesyen perguruan telah dibebankan dengan tugas-tugas di luar bidang profesionalisme mereka.

Sehubungan itu, kementerian disaran melaksanakan fasa-fasa transisi yang jelas dan mudah diikuti, tanpa menambah beban mana-mana pihak ketika melaksanakan dasar dan program baru pendidikan.

"Usahlah sakiti para guru dan pendidik dengan rasa bersalah yang tak putus-putus. Mereka yang patutnya disanjung sebagai wira teladan, semakin terpalit dengan caci-maki dan ancaman," kata Naib Presiden Keadilan Nurul Izzah Anwar.

Nurul Izzah yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai mengulas kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan yang menyalahkan guru-guru terhadap kegagalan program kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di sekolah-sekolah.

KBAT adalah sistem pendidikan baru yang diharap dapat menambah baik kaedah pembelajaran di sekolah-sekolah.

Program ini bermatlamat mengubah pendekatan pengajaran dan pembelajaran daripada kaedah berasaskan penghafalan teori dan konsep kepada proses pembelajaran yang berlandaskan pemikiran terbuka, kritis dan penuh aplikasi.

Bagaimanapun tambah Nurul Izzah, kenyataan Kamalanathan menunjukkan kekusaran kementerian bahawa guru-guru masih belum bersedia melaksanakan sistem

pendidikan berasaskan KBAT.

"Apa lagi yang boleh kita banggakan, jika sejumlah 169 daripada 282 sekolah yang dinilai oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (bersamaan 60%), hanya mencapai tahap 'gagal' atau 'memuaskan' hasil pemeriksaan penarafan amalan terbaik KBAT.

"Dan perlu kita ingat, jumlah populasi kajian sebanyak 282, hanyalah sekelumit daripada bilangan keseluruhan 10,180 sekolah di Malaysia pada penghujung Julai 2016," jelas Nurul Izzah.

Menurut beliau, sebelum pihak kementerian sibuk menyalahkan pihak guru tentang kegagalan KBAT, implementasi sistem itu perlu dinilai semula.

"KBAT mula disebut-sebut apabila Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 dibentangkan. Tetapi, langkah Kementerian selepas itu kurang jelas, terutamanya dalam memandu para guru dan pelajar ke arah gaya pemikiran yang baru," ujarnya.

Beliau menambah, bukan sesuatu yang mudah bagi membiasakan guru dan pelajar yang sudah terbiasa dengan cara pembelajaran lama apatah lagi anjakan yang digesa pihak kementerian adalah terlalu mendadak, dan masih membelenggu tenaga pengajar sehingga hari ini.

Menurutnya, adalah lebih baik bagi kementerian menjalankan kajian di sekolah-sekolah seluruh negara daripada mendesak perubahan pola

Nurul Izzah Anwar



**“ Tugas pentadbiran, pengisian laporan dan data atas talian, penganjuran aktiviti sekolah, penyertaan kursus dan latihan yang keterlaluan semakin menekan para pendidik. Seheinggakan tugas hakiki sebagai pengajar yang mencambah minda pelajar tidak dapat dijalankan dengan lancar. ”**

pembelajaran yang mengejut.

"Dan adakah tindakan susulan sewajarnya diambil bagi membaiki pulih sistem pendidikan yang semakin kucar-kacir?" soal beliau.

Nurul Izzah kesal kerana para guru akhirnya dijadikan 'kambing hitam' atas kekurangan KBAT dan ini adalah cara mudah bagi kementerian melepaskan tanggung jawab pada guru atas kelemahan yang timbul.

Pihak kementerian, ujarnya perlu menyedari tugas guru yang sepatutnya tertumpu kepada mendidik para pelajar kini ditokok tambah dengan beban kerja yang berterusan.

"Tugas pentadbiran, pengisian laporan dan data atas talian, penganjuran aktiviti sekolah, penyertaan kursus dan latihan yang keterlaluan semakin menekan para pendidik. Seheinggakan tugas hakiki

sebagai pengajar yang mencambah minda pelajar tidak dapat dijalankan dengan lancar.

"Kerisauan yang dipanjangkan oleh pihak National Union of the Teaching Profession Malaysia (NUTP) saban tahun tentang beban tugas guru dan polisi pendidikan negara yang kerap berubah, langsung diabaikan kementerian berwajib.

"Adakah kementerian lupa,

para guru adalah insan paling tepat untuk menilai keberkesanan satu-satu inisiatif pendidikan? Mereka jualah yang bertemu para pelajar setiap hari, ibarat ibu bapa kedua bagi anak-anak yang masih bersekolah," ujarnya.

Sehubungan itu beliau menyarankan pihak kementerian agar lebih proaktif dalam isu keberkesanan pembelajaran berdasarkan KBAT.

Di sebalik tuduhan jari yang tidak putus-putus ke arah para guru, beliau menggesa kementerian mendengar rintihan mereka tentang kaedah dan cara pelaksanaan tugas yang mengeliru dan membebaskan.

"Latihan dan kursus yang berterusan mungkin tampak ideal pada Timbalan Menteri Pendidikan dan kementerian, namun jangan sekali-kali alpa terhadap kebajikan para pendidik dan kesesuaian inisiatif KBAT terhadap populasi pelajar yang pelbagai.

"Di saat kementerian mendokong visi sistem pembelajaran moden seperti kelompok negara dunia pertama, masih ramai yang sengsara dengan akses kepada pendidikan asas seperti membaca dan mengira.

"Pandangan saya, para guru perlu dilibatkan sewajarnya di dalam setiap pelan yang dibawa oleh Kementerian Pendidikan," ujarnya.

Beliau juga mahu sistem pendidikan negara dijadikan wahana kemakmuran dan bukan untuk mainan politik dan populariti semata-mata.

# Mudahkan pendaftaran bukan ugut nak haramkan parti

**KUALA LUMPUR:** Pemuda AMANAH Nasional mengambil serius kenyataan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) yang memberi amaran Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) agar tidak menggunakan singkatan nama Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) untuk pergerakan pemudanya.

Ketuanya, Mohd Sany Hamzan mengambil maklum kenyataan Ketua Pengarah RoS, Surayati Ibrahim bahawa PPBM boleh diharamkan sekiranya parti itu terus menggunakan nama tersebut.

"Kami sangat bersimpati dengan desakan dan ujian yang terpaksa ditempuh oleh rakan sayap pemuda iaitu Armada yang sangat komited menggerakkan perubahan khususnya dari kalangan anak muda. Kami mengecam tindakan RoS yang berbentuk ugutan dikenakan terhadap PPBM," kata Sany

dalam satu kenyataan, 10 Nov lalu.

Menurut beliau, selaku agensi kerajaan yang tugasnya memberi khidmat kepada rakyat dan negara, RoS tidak sewajarnya membuat ugutan sebaliknya memainkan peranan untuk memudahkan dan menyelesaikan perkara yang berbangkit.

RoS ujar beliau, tidak perlu mengusutkan keadaan dengan membangkitkan permasalahan remeh seperti itu malah dalam isu penggunaan singkatan Armada, jabatan itu sewajarnya bertanggungjawab untuk membantu agar penggunaan nama tersebut dapat diguna pakai secara sah.

"Lebih-lebih lagi difahamkan PPBM telah membuat permohonan tersebut secara rasmi namun masih tidak ada respon daripada RoS," ujar Sany.

Beliau bagaimanapun berharap RoS dapat menyelesaikan

perkara ini secara tuntas dengan mengelakkan daripada mengenakan apa-apa tindakan terhadap PPBM.

"Kami yakin RoS akan bertindak rasional dalam hal ini selari dengan tanggung jawab sebenar mereka terhadap mana-mana pertubuhan selaras dengan hak asasi di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Menurut beliau, Pemuda AMANAH Nasional yakin RoS akan bersifat bebas dan adil biarpun membabitkan parti oposisi termasuklah dalam hal kelulusan Pakatan Harapan yang telah dipohon beberapa bulan lalu.

"Kami sangat berharap kelulusan permohonan tersebut juga dapat disegerakan oleh RoS untuk memudahkan kami sebagai parti politik dapat bergerak dalam ruang lingkup demokrasi yang sah dan bebas," tegasnya.





# Mampukah pelampau pulihkan pelampau?

Oleh **HUSIN MAHAT**

**KUALA LUMPUR:** Keputusan kerajaan pusat untuk terus menggunakan khidmat penceramah agama kontroversi Zamihan Mat Zin bagi program pemulihan pelampau agama khususnya tahanan militan Daesh dipersoalkan tokoh agama dan penggubal undang-undang kerana mustahil seorang yang berfikir melampau berupaya memulihkan pelampau.

Mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, 9 Nov lalu bahawa khidmat Zamihan masih diperlukan untuk mengendalikan program pemulihan tahanan militan Daesh di Penjara Tapah, Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin berkata, adalah sesuatu yang ganjil apabila seorang yang berfikir melampau diberi tugas untuk memulihkan pelampau.

"TPM membela Presiden Aswaja (Pertubuhan Ahli Sunnah wal Jamaah) yang dikatakan pakar pulihkan akidah para pelampau agama khususnya mereka yang ditahan kerana disyaki terlibat dengan ISIS (Daesh).

"Saya tertarik dengan komen mufti Perlis yang secara tersirat menempelak kenyataan TPM tersebut dengan menyatakan 'bagaimanakah pelampau boleh pulihkan pelampau?'

"Memandangkan kita tidak pernah melihat atau mendengar bagaimanakah pakar pemulih itu men-

gendalikan pemulihan akidah tersebut, jadi agak sukar juga nak setuju dengan TPM," ujar Hanipa di laman Facebooknya.

Menurut pengerusi Biro Undang-undang AMANAH (Kanun) itu, Zamihan banyak mengeluarkan kenyataan yang pada hemat beliau hanya boleh dikeluarkan oleh seorang individu yang mempunyai sindrom 'ghuluw' (pelampau/ekstremis).

"Lihat sahaja kenyataan terbarunya mengenai mangsa-mangsa banjir yang bukan Islam yang berlindung di masjid (di Pulau Pinang)," kata Hanipa.

Bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan ucpatama Hari Inovasi Huawei Asia-Pasifik 2017 di ibu negara, Ahmad Zahid berkata walaupun tidak dibenarkan memberi ceramah di Selangor, namun kepakaran Zamihan dalam bidang pemulihan akidah militan masih boleh digunakan.

"Dalam perkara ini Zamihan adalah salah seorang pakar pemulihan dan mengikut rekod, kejayaan pemulihan akidah yang dilaksanakan Zamihan cukup berjaya," katanya.

Ahmad Zahid menyifatkan Zamihan sebagai aset penting dalam usaha pemulihan akidah penganas khusus "untuk mengembalikan mereka ke jalan benar".

Ahmad

Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri berkata Zamihan adalah pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) yang dipinjamkan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk menyemak penerbitan agama dan kini ditempatkan di Jabatan Penjara Malaysia sebagai pegawai pemulihan penganas dan penjenayah ekstremis.

"Saya tidak fikir beliau harus dihukum dengan jawatan yang diberikan di penjara itu," katanya.

Zamihan mendapat perhatian umum baru-baru ini apabila menjadi punca kemurkaan Sultan Johor setelah video ceramah beliau yang mengkritik baginda kerana menegur pengusaha 'dobi untuk muslim' di Muar menjadi tular di media sosial.

Ekoran daripada itu Sultan Selangor turut mengarahkan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menarik balik tauliah mengajar Zamihan melalui Peraturan 4, Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008 kerana ceramah beliau itu dirakam di Masjid Diraja Klang.

Keahlian Zamihan dalam Jawatankuasa Tauliah Mais, yang menapis penceramah agama di Selangor juga dibatalkan.

**Mohamed Hanipa Maidin**



## Memang ada kemudahan Tun Mahathir ditarik balik

**KUALA LUMPUR:** Tun Dr Mahathir Mohamad menyangkal dakwaan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bahawa segala kemudahan yang diberikan kepada beliau sebagai mantan perdana menteri tidak ditarik balik.

Dalam satu kenyataan bertarikh 9 Nov lalu, JPM mengakui tidak pernah menarik apa-apa kemudahan yang disediakan kepada mana-mana bekas perdana menteri termasuk Tun Mahathir.

Menurut JPM, Tun Mahathir dibekalkan dengan perjawatan yang meliputi pejabat beliau di Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP) serta kediaman beliau di The Mines Resort City, Selangor selaras dengan Akta Ahli Parlimen (Saraan), 1980 (Akta 237).

Sejumlah 21 perjawatan diperuntukkan kepada Tun Mahathir.

Bagaimanapun, Tun Mahathir dalam reaksinya kepada kenyataan JPM di blognya berkata, terdapat kemudahan yang diperolehinya sebelum ini telah ditarik balik.

Beliau turut menyenaraikan kemudahan yang ditarik balik atau dihalang daripada menerimanya antaranya:

1. Sewa ruang pejabat beliau di Yayasan Kepimpinan Perdana ditamatkan dan beliau diminta menggunakan pejabat kerajaan yang tidak sesuai.
2. Walaupun beliau layak mengguna pesawat terbang kerajaan, namun sekarang tidak dibenarkan malah sesiapa yang cuba memberi pinjam pesawat persendirian kepadanya akan dilaporkan kepada Jabatan Perdana Menteri.
3. Secara tidak langsung tidak dibenarkan menggunakan rumah penginapan Kerajaan Persekutuan di London.
4. Dua pengiring motorsikal dan empat pengiring UTK telah ditarik balik walaupun mantan perdana menteri lain masih dibekalkan perkhidmatan yang sama.
5. Beberapa kakitangan pejabat dan tukang masak ditarik balik dan diganti dengan yang lain.
6. Walaupun meletak jawatan secara sukarela di Proton, Petronas (dilucutkan sebagai penasihat) dan juga sebagai Canselor Universiti Teknologi Petronas, namun universiti-universiti swasta dinasihat untuk menamatkan khidmat beliau sebagai Canselor.
7. Perbuatan seperti ini tidak pernah dilakukan kepada bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn walaupun mereka tidak menyokong kerajaan pada masa itu.
8. Beliau tidak dibenarkan menggunakan dewan-dewan milik kerajaan pusat dan negeri yang diperintah BN juga dewan milik majlis bandaraya. Malah dewan milik swasta diberi amaran akan menerima padah jika disewa kepada sesiapa yang menjemput Tun Mahathir.



**Mahathir Mohamad**

## Ke mana dana RM3.5 bilion hasil kenaikan harga minyak?

**KUALA LUMPUR:** Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli mendesak pentadbiran Datuk Seri Najib Razak menjelaskan jumlah pendapatan luar jangka yang diperolehi kerajaan hasil kenaikan harga minyak mentah dunia yang lebih tinggi berbanding unjuran pendapatan Kerajaan Persekutuan dalam Bajet 2017.

Beliau juga menuntut Najib mendedahkan kementerian yang menerima hasil pendapatan luar jangka sekurang-kurangnya RM3.5 bilion itu.

Menurutnya, sumber pendapatan Kerajaan Persekutuan akan meningkat antaranya melalui pertambahan kutipan cukai pendapatan syarikat hasil keuntungan daripada syarikat-syarikat berasaskan minyak.

Selain itu, jelasnya kutipan cukai pendapatan petroleum atau PITA serta perseorangan lebih tinggi kerana bo-

nus dan bayaran gaji yang lebih mahal dan lebih ramai orang yang diambil bekerja dalam sektor minyak dan gas.

Tiga lagi sumber pendapatan Kerajaan Persekutuan meningkat ekoran kenaikan harga minyak mentah adalah melalui kutipan cukai barang dan perkhidmatan (GST), royalti petroleum dan dividen dari Petronas yang lebih tinggi kerana keuntungan bertambah.

Menurutnya, pendapatan langsung Kerajaan Persekutuan dianggarkan sebanyak 40 peratus daripada harga jualan minyak mentah bagi setiap satu tong pengeluaran minyak dan gas di negara ini yang berjumlah 643,000 tong sehari.

Sehubungan itu, Rafizi berkata, pentadbiran Najib telah, sedang dan akan membelanjakan pendapatan luar jangka itu kerana kenaikan harga min-

yak mentah adalah RM9.7 juta sehari iaitu RM3.5 bilion bagi sepanjang tahun ini merangkumi pendapatan langsung iaitu royalti, duti dan cukai petroleum.

"Ini tidak termasuk kutipan GST dan pendapatan tidak langsung yang lain iaitu cukai syarikat, cukai pendapatan dan dividen," jelasnya.

Mengulas lanjut, Rafizi mendakwa pendapatan luar jangka yang diperoleh Najib hasil kenaikan harga minyak mentah sejak awal tahun ini tidak dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk subsidi.

"Jika pun ia dipulangkan, ia dalam suasana penuh kerahsiaan dan tidak diketahui oleh rakyat kalau tembelangnya tidak dipecahkan oleh Tan Sri Irwan Serigar (Ketua Setiausaha Perbendaharaan), i) tegas Naib Presiden Keadilan itu.



Oleh NAZRI ABDULLAH

**B**ANJIR yang melanda Pulau Pinang awal November lalu sekali lagi menyaksikan keprihatinan dan kesungguhan seluruh rakyat Malaysia dalam usaha membantu warga dalam kesusahan dengan mengenyepikan segala perbezaan.

Selepas dikejutkan dengan kenyataan cemas Ketua Menteri Lim Guan Eng berhubung musibah yang melanda 5 Nov lalu, Parti Amanah Negara (AMANAH) mengambil langkah segera melancarkan misi bantuan ke negeri itu.

Presiden AMANAH, Mohamad Sabu melalui kenyataan dan arahan segera, meminta seluruh anggota parti di semua peringkat khususnya pasukan Sukarelawan ARiF untuk turun memberi bantuan kepada mangsa banjir di Pulau Pinang dan beberapa kawasan di Selatan Kedah.

Di peringkat nasional, tugas untuk mengkoordinasi misi bantuan ini diamanahkan kepada Biro Kebajikan, Kemanusiaan dan Bencana Alam yang diketuai Naib Presiden AMANAH Hasanuddin Mohd Yunus sementara di peringkat negeri diketuai Naib Presiden yang juga Pengerusi AMANAH Pulau Pinang Datuk Dr Mujahid Yusuf.

Turut diumumkan pembukaan dua Bilik Gerakan Banjir di Dewan Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) Sungai Dua dan di Pusat Khidmat Kadun Permatang Pasir, sementara satu lagi Pusat Operasi Bencana Alam Nasional turut dibuka di Shah Alam bagi mengkoordinasi sumbangan dari Kuala Lumpur.

Selain ahli dan penyokong parti di peringkat negeri, Pasukan Sukarelawan ARiF dan Pemuda AMANAH antara terawal tiba pada hari pertama musibah untuk memberikan bantuan awal khususnya operasi pemindahan dan membekal makanan dan barang keperluan asas.

Kemudian, hari berikutnya menyaksikan petugas AMANAH dari seluruh negara tiba dengan membawa petugas dan bantuan masing-masing.

Hari kedua, 6 Nov menyaksikan Pusat Operasi Banjir Nasional dan Bilik Gerakan Banjir Negeri mula menerima sumbangan daripada pelbagai pihak termasuk pertubuhan, syarikat, NGO dan individu-individu prihatin.

Antara sumbangan awal diterima adalah dalam bentuk kewangan melalui tabung bantuan yang dilancarkan oleh parti sementara mengekori kemudiannya sumbangan barangan keperluan asas berupa makanan, pakaian, selimut dan lain-lain.

Selain menguruskan bantuan keperluan, pasukan petugas dan sukarelawan ARiF terus memainkan peranan mereka memindahkan penduduk menggunakan kenderaan pacuan empat roda dan bot, membersihkan kawasan khususnya rumah-rumah yang ditimpa pokok, memasak makanan di pusat-pusat pemindahan (Dapur Rakyat) dan menyampaikan bantuan makanan dan keperluan kepada mangsa-mangsa yang terperangkap di rumah.

Beberapa insiden mencemaskan berlaku termasuk bot yang dinaiki Dr Mujahid dan Bendahari Agung AMANAH Asmuni Awi, terbalik ketika menyusuri air banjir untuk menyampaikan bantuan kepada mangsa yang terperangkap di rumah.

Bagaimanapun, mereka sempat diselamatkan oleh penduduk menggunakan sampan dan tiada sebarang kecederaan dialami.

Rutin menyampaikan bantuan ini berterusan hampir enam hari sehinggalah pada 10 November keadaan banjir mula surut dan mangsa sudah boleh pulang ke rumah masing-masing.

Namun fasa lebih mencabar kemudiannya tiba iaitu untuk membersihkan rumah mangsa dan menyediakan barangan keperluan selepas semuanya rosak ditenggelami air.

# Misi bantuan banjir Pulau Pinang Terima kasih Rakyat Malaysia



Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Mahathir Mohamad bersama Mohamad Sabu turut melawat pusat operasi banjir dikendalikan AMANAH



Melayan anak-anak kecil bagi menggemirakan mereka.



Naib Presiden AMANAH Ustaz Hasanuddin Yunus menyampaikan bantuan kepada seorang warga emas



Ketua Pemuda AMANAH Nasional memunggah barangan bantuan



Petugas ARiF mengangkat pe





Berkunjung dari rumah ke rumah menyampaikan bantuan.



Presiden AMANAH menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir.



Dr Mujahid menyantuni keluarga mangsa yang mempunyai anak kelainan upaya.



Petugas Awan menyantuni warga emas mangsa banjir.



Mohd Sany Hamzah membantu mangsa banjir.



Perabot rosak di rumah mangsa.



Para petugas sedang menyiapkan makanan untuk diagihkan ke rumah mangsa banjir.

Pasukan petugas dari seluruh negara turun silih berganti. Peralatan mencuci mula disumbangkan oleh rakyat Malaysia yang prihatin. Bantuan barangan seperti tilam, bantal, cerek elektrik, tikar dan lain-lain juga mula tiba dan seperti biasa pengagihan dibuat dengan penyelarasan pusat operasi.

Tarikh 11 dan 12 November lalu diisytiharkan sebagai hari penumpuan untuk tugas-tugas pembersihan. Para petugas dipanggil dan

diberikan taklimat tugas yang harus dilakukan.

Kemudian Pusat Operasi Banjir AMANAH yang bermesyuarat pada petang 12 November memutuskan untuk mengisytiharkan bahawa Pusat Operasi Banjir Peringkat Negeri ditutup berkuat kuasa serta merta dan semua bantuan yang selepas daripada itu akan dikendalikan oleh Pejabat PKK Sungai Dua, Permatang Berangan dan Permatang Pasir.

Mujahid dalam kenyataannya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu mangsa banjir di Pulau Pinang termasuk petugas AMANAH, sukarelawan ARiF, Penyokong Pakatan Harapan, NGO, syarikat-syarikat dan orang persorangan yang budiman.

Presiden AMANAH, Mohamad Sabu pula berpuas hati dengan kecemerlangan yang ditunjukkan oleh petugas-petugas AMANAH sepanjang menjayakan misi itu.

“Sesuatu yang menggembirakan saya apabila melihat petugas dan sukarelawan AMANAH termasuk ARiF yang bertugas begitu cemerlang sekali. Saya begitu berpuas hati melihat mereka membuat kebajikan kepada rakyat. Mereka adalah duta kepada AMANAH.

“Semoga pengorbanan dan akhlak yang ditunjukkan ini akan menterjemah sifat yang menjadi teras kepada perjuangan AMANAH, iaitu Rahmat Untuk Semua,” katanya.



# Demonstrasi di Parlimen bantah harga minyak

Kelolaan **ARIF ATAN**

**H**arga petrol dan diesel terus naik setiap minggu sejak 19 Oktober lalu walaupun Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2018 mencanangkan ekonomi negara berada pada tahap serba-serbi baik.

Kenaikan tertinggi sebanyak 7 sen seliter bagi RON95 - kategori minyak paling murah digunakan majoriti rakyat - pada 9 November kemudiannya meningkat dengan jumlah sama mulai 16 November lalu.

Akibatnya, harga RM2.38 sehingga 22 November itu menyaksikan rata-rata rakyat meluahkan rasa marah dan tidak puas hati mereka di media sosial.

Hal ini dapat dilihat pada sejumlah komentar termasuk penyebaran video parodi di sebahagian besar kumpulan WhatsApp dan status Facebook sebaik sahaja senarai harga baharu itu diketahui pada petang 15 November.

Ibarat laporan saham yang sinonim dengan ayat "ditutup bercampur-campur", begitu jugalah reaksi majoriti rakyat yang sudah sedia terbeban dengan kenaikan kos sara hidup.

Rasa marah bercampur lucu apabila mendengar dialog dalam babak filem yang diganti dengan sindiran harga minyak naik serta ubah suai lagu Tak Tun Tuang yang sebelum ini tular mengundang "tawa dalam tangisan" di hati rakyat.

Rasa protes di sebalik perkongsian poster



Aksi kilas bantah kenaikan harga minyak di KLCC, 13 November lalu mendapat sokongan pengguna jalan raya.

seperti imej individu menekup muka di sisi kereta sambil mengisi minyak di tangki juga tidak pasti sejauhmana bakal diterjemah di kertas undi nanti.

Sehubungan itu, Pemuda Pakatan Harapan dan badan bukan kerajaan (NGO) akan mengadakan demonstrasi di perkarangan bangunan Parlimen menuntut kerajaan Umno-BN menurunkan harga petrol dan diesel.

Tindakan rejim yang sangat membebankan rakyat itu dilihat tidak wajar hanya diredakan

dengan hiburan berupa lambakan klip video parodi semata-mata.

Kerajaan juga nampaknya tidak peduli dengan tindakan Pemuda AMANAH dan Pakatan Harapan mengadakan aksi kilas atau flashmob di persimpangan jalan utama termasuk di ibu kota sebelum ini.

Rata-rata pengguna jalan raya yang memberi sokongan dalam setiap kali aksi kilas di seluruh negara itu mustahil tidak sampai pada pengetahuan Putrajaya dan sidang Dewan Rakyat.



Tidak hairanlah Pengarah Mobilisasi Pemuda Pakatan Harapan, Shazni Munir Mohd Ithnin (**gambar**) berpendapat kerajaan Umno-BN pada masa ini sudah sampai ke tahap "tuli dan gila".

"Keresahan dan rungutan rakyat dengan beban kenaikan harga barang seakan-akan menjadi hiburan yang mengasyikkan buat penyayang-penyayang yang berkuasa.

"Ada benarnya juga untuk rungutan dan keresahan ini kita tekad dan luncurkan di medan jalan raya," tegasnya.

Demonstrasi membantah kenaikan harga minyak di perkarangan Parlimen yang julung kali diadakan itu dirancang mulai jam 12 tengah malam pada 21 November serta dijangka berlangsung selama 24 jam.

Sekiranya harga minyak tidak juga turun, "perkampungan" tersebut akan dilanjutkan tempohnya atau disusuli beberapa lagi aksi protes lain anjuran Pemuda Pakatan Harapan.

"Di kalangan yang hadir kita minta mereka membawa khemah untuk bermalam," kata Shazni yang juga Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional itu lagi.

## Belia Orang Asal perlu jadi pengundi bijak

**A**ktivis sosial dari Sabah, Addy Samsuddin berpendapat masyarakat Orang Asal terutama golongan belia perlu memahami makna sebenar demokrasi agar dapat menjadi pengundi yang menyedari hak mereka sebagai rakyat.

Koordinator Dana Sukarela Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau United Nations Democracy Fund (UNDEF), Pacos itu berkata, demokrasi sebenarnya berkaitan dengan pemerintahan dan kekuasaan rakyat bukan sekadar mengundi semata-mata.

"Pemahaman Orang Asal termasuk belia tentang demokrasi umumnya masih rendah, hanya tahu keluar mengundi apabila pilihan raya. Itu pun ramai tidak mendaftar sebagai pemilih.

"Orang Asal khususnya belia perlu tahu hak mereka sebagai rakyat dan kebebasan bersuara serta memilih yang menjadi asas dalam semangat demokrasi," ujarnya dalam satu program bual bicara anjuran AMANAH Sabah, 15 November lalu.

Sehubungan itu, pihaknya tampil membuat kajian melibatkan hala tuju belia di lokasi pedalaman termasuk menggiatkan aktiviti pendidikan demokrasi di 10 kawasan Parlimen terpilih dengan sasaran penyertaan 150 belia.

"Kita melatih belia Orang Asal bukan sahaja ada kesedaran tapi menjadi pengundi yang bijak dalam membuat pilihan dan tidak terpengaruh dengan parti politik yang memberi rasuah sampul surat tebal atau janji mahupun ancaman.

"Sebaliknya, belia Orang Asal menjadi pengundi kritis menilai idea yang dibawa calon-calon bertanding bahkan di tahap celik politik yang tinggi mengenali calon sebagai bersih daripada



Addy Samsuddin (kiri) bersama Khairuddin Daud dalam forum pendidikan demokrasi Orang Asal.

rasuah serta tahu sumbangan calon kepada masyarakat.

"Kita tidak mahu (wakil rakyat) berkecuali dalam Parlimen. Kita mahu rakyat pilih wakil mereka di Parlimen yang lantang memperjuangkan suara rakyat," katanya dalam slot dimoderatkan Ketua Pemuda AMANAH Sabah, Khairuddin Daud.

Menurut Addy, pendidikan demokrasi berkaitan hak belia sebagai rakyat ini diharap menyumbang pada kesedaran dan tindakan sekurang-kurangnya mendaftar sebagai pemilih seterusnya bangkit memperjuangkan hak masyarakat setempat.

"Kita harap belia-belia ini jadi barisan hadapan tampil ke depan untuk melawan sendiri penjajah-penjajah moden yang merampas tanah orang kampung.

"Mereka ini khususnya syarikat-syarikat besar yang masuk kampung memusnahkan tanaman dan menghalau penduduk kampung. Alangkah baiknya, jika belia Orang Asli yang berada di barisan hadapan berjuang menegakkan keadilan," ujar Ketua Biro Kebajikan dan Keselamatan Pemuda Pakatan Harapan Sabah itu lagi.

## Elak belia berhijrah


**SISTEM** pendidikan di negara ini tidak mengambil kira kepentingan masyarakat setempat termasuk Orang Asal dalam mengelakkan mereka berhijrah meninggalkan kampung halaman, tegas Pemuda AMANAH Sabah Addy Samsuddin.

Menurutnya, pengabaian ciri kepelbagaian masyarakat dan keperluan berbeza dalam sistem pendidikan selama ini mengakibatkan masalah migrasi keluar belia Orang Asal semakin meruncing.

"Pendidikan di Malaysia bersifat 'pukul rata', belajar untuk lepas peperiksaan sedangkan di kawasan pedalaman, hadir ke sekolah pun payah.

"Orang Asal sepatutnya belajar lebih dekat dengan alam persekitarannya supaya mereka akan tinggal dan memajukan kampung masing-masing.

"Pendidikan formal perlu diimbangi dengan pendidikan informal dengan mengajak orang kampung terus tinggal di



kampung, bangun dan keluarkan produk, guna tenaga maksimum pada masa muda di kampung," ujarnya.

Ketua Biro Kebajikan dan Keselamatan Pemuda Pakatan Harapan Sabah itu berkata, hanya dengan sistem pendidikan tersebut dapat mengelak masalah migrasi keluar belia

Orang Asal ke bandar mahupun Semenanjung.

"Kita sangat kecewa pendidikan tidak lagi menjadikan belia tinggal di kampung. Belia Orang Asal tidak mahu lagi bercucuk tanam tapi mencari kerja di bandar dan Semenanjung.

"Kami banyak masuk ke kampung dan pedalaman mendapati belia berumur 19 hingga 29 tahun yang dianggap paling produktif dalam memajukan ekonomi sangat kurang.

"Rata-rata belia kita takut dianggap miskin jika terus tinggal di kampung walhal, berhijrah bukan menjadi tuan tapi hamba kepada tauke sedangkan di kampung bangun tanah sendiri, mereka jadi bos," hujah Addy lagi.



# Naib Canselor UPSI dikritik emosional

Oleh **ARIF ATAN**

**P**ada ketika rata-rata rakyat Malaysia memuji pendedahan realiti sebenar ekonomi negara oleh pakar ekonomi Dr Muhammed Abdul Khalid dalam satu program bual bicara di TV1 baru-baru ini, lain pula reaksi awam terhadap seorang lagi ahli panel.

Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran menerima kritikan bahkan cemuhan sekali gus dilihat menjejaskan akauntabiliti universiti awam.

Cara berhujah Naib Canselor yang mulai dilantik ke jawatan itu pada 24 Februari lalu disifatkan banyak pihak saling tidak tumpah seperti ketua penerangan Umno.

Bahkan, pada masa tertentu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM) itu ketara tidak berpuas hati dengan hujah berfakta Dr Muhammad.

Rakaman penuh slot Landskap berkenaan Bajet 2018 yang kemudiannya dimuat naik di laman perkongsian video, YouTube



**Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran**

menyaksikan puluhan ribu tontonan serta ratusan kritikan dengan majoritinya menepelak profesor itu.

Antaranya, Shatar mendakwa graduan terlalu memilih kerja ketika Dr Muhammad

berpendapat tidak adil untuk menuding jari kepada rakyat semata-mata berhubung merebut peluang pekerjaan tanpa mengambil kira realiti kemuraman ekonomi pada masa ini.



Komentar dipercayai pelajar UPSI berhubung

yuran pengajian di kampus itu juga dapat dilihat pada paparan salah satu rakaman video yang diterbitkan kembali di YouTube.

"Sedih Naib Canselor UPSI tak nampak lagi. Tak perlu pandang jauh-jauh, tengok saja UPSI. Yuran sudahlah mahal (sudah macam yuran universiti swasta), lepas bergraduan belum tentu ada dapat jadi guru, belum tentu dapat kerja," ujarnya.

Shatar, 50, yang menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari University of Missouri, Columbia itu juga antara lain menganggap masuk universiti bukan jaminan memperoleh pekerjaan selain majikan, tegasnya, mengambil pekerjaan yang menguasai bahasa Inggeris.

Walau bagaimanapun, beliau dianggap ramai pengguna media sosial sebagai hanya bercakap mengikut emosi dan bukan seorang ahli panel yang tepat untuk membincangkan Bajet 2018 secara konstruktif.

## Beratur tagih petrol percuma



**Penunggang motosikal dipercayai penuntut UKM berbaris mendapatkan petrol percuma.** Foto Tan Pui San

**SITUASI** yang tidak pernah muncul bagi warga kampus sebelum negara di bawah rejim Najib Razak, sudah berlaku pada masa ini.

Jika sebelum ini kita dikejutkan tentang isu mahasiswa tidak cukup wang belanja untuk mengisi perut sehingga munculnya gerakan mengagihkan sumbangan makanan percuma, hari ini pelajar universiti sanggup berbaris menanti petrol percuma.

Diselaraskan seorang ahli Majlis Perwakilan Pelajar Aspirasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Tan Pui San usaha tersebut dianggap rezeki kepada penuntut kampus yang bermotosikal di Bangi itu.

Pui San pada malam menjelang kenaikan RON95 sebanyak 7 sen seliter pada 15 November lalu berdiri di sebuah stesen minyak sambil menaikkan sekeping kertas tertera tawaran petrol percuma khas untuk pelajar UKM.

Beliau memberitahu, peruntukan sumbangan petrol percuma itu diterima daripada seorang individu yang tidak mahu dikenali identitinya tetapi meminta dimaafkan dengan cara sedemikian.

"Saya tidak mendapat apa-apa (imbuhan) secara fizikal, selain berpeluh dengan berjalan ulang-balik antara pam dan kaunter untuk memastikan agihan petrol lancar.

"Tetapi apabila anda melihat senyuman pada wajah penunggang selepas tangki minyak motosikal mereka penuh, dan mengucapkan terima kasih kepada anda, anda akan memahami mengapa saya bersedia berdiri di sana," dipetik daripada catatannya di Facebook beliau.

Penuntut jurusan undang-undang berkenaan berkata, sumbangan petrol percuma itu akan dilakukan lagi pada masa akan datang bergantung pada rezeki yang diperoleh.

"Saya juga dari keluarga yang tidak kaya, saya juga seorang pelajar, jadi saya tahu bagaimana rasanya hidup di kampus, dengan wang saku terhad," ujar Pui San lagi.

Bagaimanapun, ada pihak berpendapat 'modus operandi' memberi petrol percuma oleh pemimpin pelajar dari kem "BN Kampus" menggunakan sumber dana yang dirahsiakan itu kurang sihat bagi demokrasi dalam kalangan masyarakat bagi tempoh jangka panjang.

## Tambah dana kerana hampir PRU?

2018 menjelang pilihan raya umum (PRU) yang semakin hampir menyaksikan kerajaan mengumumkan pertambahan peruntukan operasi kepada kebanyakan universiti awam (UA).

Bagaimanapun, rata-rata nilai peruntukan yang dikatakan bertambah itu sebenarnya masih kurang berbanding tahun-tahun



sebelum ini ketika kebanyakan UA terpaksa bergelut akibat pemotongan peruntukan.

Di Universiti Malaya (UM), walaupun dana bagi perbelanjaan operasi yang diterima mencecah RM445.4 juta berbanding RM370 juta tahun ini tetapi jumlah itu kurang empat peratus berbanding 2016.

UM pada tahun tersebut dianggarkan menerima perun-

tukan sebanyak RM463.9 juta. Hal sama juga dapat dilihat pada anggaran peruntukan perbelanjaan operasi yang diterima oleh Universiti Sains Malaysia (USM).

Pada 2016, USM menerima peruntukan sebanyak RM542.1 juta tetapi tahun ini jatuh kepada RM390.4 juta sebelum dijanjikan dalam Bajet 2018 akan menerima sejumlah RM524.8 juta.

Sementara itu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bakal diperuntukkan RM472.9 juta berbanding RM352.7 juta tahun ini manakala RM396.5 juta bakal diterima Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berbanding RM290.2 juta pada tahun ini.

Jika pada 2017, Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima peruntukan RM308.9 juta bagi perbelanjaan operasinya, tahun ini UA itu akan menerima agihan sebanyak RM417.8 juta mengikut Bajet 2018.

Hanya Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mendapat peruntukan kurang di bawah Bajet 2018 berbanding tahun 2017 iaitu RM400 juta sedangkan tahun ini diperuntukkan RM407.2 juta.

Apapun, UA paling 'mewah' di bawah Bajet 2018 tentunya Universiti Teknologi Mara (UITM) yang menerima mencecah RM1.67 bilion dipercayai berkaitan dengan faktor banyaknya jumlah cawangan kampus itu.



Bahagian Ketiga

# Tekad Budaya dan kewajaran Islam

**B**ARANGKALI satu daripada faktor yang menyebabkan wawasan Tekad Budaya sukar diterima oleh golongan golongan yang disasarkan ialah kerana satu daripada ciri utamanya iaitu berkata benar dan memihak kepada yang benar. Hal ini pernah menjadi perdebatan besar dan hangat di kalangan kelompok Paksi dan sahabat-sahabat yang dekat, juga dengan beberapa tokoh penulis.

Secara kebetulan kesedaran Tekad Budaya dan prinsip berkata benar ini timbul di waktu krisis kepemimpinan sedang terjadi akibat Perdana Menteri Dr Mahathir memecat Timbalannya Anwar Ibrahim dengan tuduhan-tuduhan yang sangat meng'ainkan. Sebahagian orang percaya dengan tuduhan-tuduhan itu, sebahagian tidak percaya dan sebahagian lagi tidak peduli.

Saya mempunyai pengalaman yang luas dalam perkara tersebut. Saya kenal kedua-dua tokoh berkenaan dan saya yakin saya tahu siapa di pihak yang benar. Saya mengikuti perkembangan peristiwa itu sejak beberapa bulan sebelum Anwar dipecat, kerana saya kenal beberapa orang 'pemain'nya. Maka saya jadi berani untuk berkata benar.

Saya tampil membaca puisi di khalyak ramai menyatakan sokongan kepada Anwar; padahal secara peribadi saya lebih baik dan dekat dengan Dr Mahathir. Tetapi kerana prinsip dan pegangan agama, saya menolak kezaliman, pembohongan dan penganiayaan.

Peristiwa itu juga secara kebetulan



**Menyampaikan ucapan Tekad Budaya di Universitas Bung Hatta Padang, Indonesia, dalam program Ziarah Kesenian Nusantara, pada 3 November 2017**

menjadi satu peristiwa penting dalam sejarah politik, sosial dan budaya Malaysia. Tidak ramai seniman-budayawan-intelektual yang berani menzahirkan mereka berpihak kepada Anwar.


Pada waktu rakyat ramai berada dalam kekeliruan yang mana benar dan yang mana salah, yang mana betul dan yang mana bohong, yang mana baik dan yang mana jahat, para seniman-budayawan-intelektual sepatutnya tampil mencari kebenaran dan menyatakannya kepada rakyat ramai yang tertanya-tanya dan ter-cari-cari mana satukah yang patut dipercayai, diikuti dan disokong.

Tetapi di saat yang genting seperti itu, golongan yang diharapkan tampil ini sebaliknya menyembunyikan diri, konon-

nya mereka berkecuali dan tidak berpihak; padahal mereka selalu memperlihatkan diri di pihak yang berkuasa pada masa itu.

Ketika saya dijemput oleh gabungan parti-parti pembangkang Malaysia untuk berucap pendek di konvensyen tahunan mereka tahun 2012, saya berkata: "Hari ini sangatlah susah untuk menemui orang yang mahu dan berani 'berkata benar'. Kebanyakan orang tidak faham pun apa maksud kebenaran. Tuan-tuan dan puan-puan semua asyik dan sibuk dengan politik, mungkin tuan-tuan tidak sedar perkara ini."

"Masyarakat kita hari ini jangankan nak berani 'berkata benar', mereka faham pun tidak. Zaman ini tuan-tuan, zaman



**Buku terbaru Dinsman, Mencari Kewajaran dalam Islam**

orang tidak berprinsip, kecuali menjadi oportunist dan materialis. Ini kerja Mahathir. Selama 23 tahun memerintah dia pergunakan segala alat, media dan institusi yang ada, hingga berjaya membentuk manusia di negara ini menjadi oportunist dan materialis." (Mencari Kewajaran Islam di Malaysia, hal.111)

Keadaan masyarakat penulis dan intelektual yang dhaif dalam hal berkata benar ini, misalnya, terserlah dalam satu pengakuan yang dibuat oleh bekas

KE MUKA 21...

## PBT sebagai asas keselesaan hidup rakyat

Oleh **ABU FIRDAUS**

**S**ATU sikap rakyat Malaysia yang menyebabkan mereka tidak dapat hidup selesa ialah mereka tidak cukup mengambil berat terhadap hak dan tanggungjawab mereka sebagai warga negara pada peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT).

Oleh itu mereka tinggal di kawasan yang penuh sampah bersepah, longkang tersumbat, lalang tumbuh liar, penduduk tidak berdisiplin dengan mengambil kawasan awam, ditambah pula dengan perangai PBT yang meluluskan projek tanpa mengambil kira keselesaan hidup penduduk yang sudah sedia ada.

Ini adalah kerana rakyat Malaysia sendiri tidak aktif menuntut hak mereka dalam PBT masing-masing. Apabila mereka tidak aktif dan hanya merungut di kedai mamak, maka PBT bermaharajalela mengikut suka hati

mereka. Untuk itu persatuan penduduk yang aktif perlu wujud dalam kehidupan moden untuk mengimbangkan kuasa yang dipegang oleh birokrat PBT dan politikus yang menang di kawasan berkenaan.

Dalam hal inilah perlunya peranan parti politik seperti AMANAH, sama ada sebagai parti dalam kerajaan negeri mahupun sebagai parti kerajaan. Kerja ini sememangnya sukar berbanding dengan kerja-kerja yang berbentuk nasional yang lebih glamour. Tidak semua aktivis yang mampu melaksanakannya. Ini adalah kerja akar umbi yang memerlukan sikap berkhidmat untuk orang ramai.

Tetapi aktivis-aktivis yang mempunyai jiwa tempatan wajar disokong baik dalam membantu kerja mereka mahupun dari segi peruntukan dana, baik dari parti atau kerajaan. Para penyokong AMANAH yang tidak boleh men-

yertai parti atas sebab-sebab tertentu wajar digalakkan untuk aktif dalam persatuan penduduk atau institusi tempatan seperti masjid dan surau. Mereka ini pula wajar bekerjasama dengan pusat khidmat kawasan dan cawangan parti.

Aktif di peringkat PBT adalah benar-benar bekerja di peringkat rakyat. Ia juga menyumbang kepada kekuatan parti jika mereka bersama menjadi kerajaan negeri seperti di Pulau Pinang dan Selangor. Sementara jika di negeri-negeri yang dikuasai oleh pihak lawan, maka aktif di peringkat PBT dapat mendedahkan kelemahan mereka.

Tetapi menjadi aktivis di peringkat tempatan menuntut sikap yang berorientasikan penduduk yang tidak mengira parti sokongannya. Maksudnya aktivis tempatan menimbulkan isu tempatan untuk kepentingan penduduk dan bukannya menjurus kepada

mendapatkan sokongan untuk parti sendiri. Namun begitu, setiap parti mempunyai fahaman masing-masing mengenai apa yang mereka perjuangkan di peringkat tempatan. Umpamanya bagi Amanah, tentulah menolak projek-projek mewah dan hiasan. AMANAH juga menuntut kejujuran dan ketelusan.

Isu-isu berkaitan PBT tentunya berhubung juga dengan kerajaan negeri. Kewujudan kejiranan bermula daripada perancangan taman-taman perumahan dan bandar baharu. Ia juga melibatkan terjejasnya alam sekitar jika hutan dara dimusnahkan untuk menjadi penempatan baharu. Kemudian perancangan bandar baharu menuntut bahawa kesemua keperluan bakal penduduk akan dipenuhi. Aktivis peringkat tempatan mesti peka dan waspada terhadap projek-projek bandar bajaran. Mereka harus ambil tahu sama ada pro-

ses pembangunan itu dijalankan secara wajar dan bersih. Atau disaluti dengan kekotoran korupsi.

Pemaju perumahan dan bandar tentunya memfokus pada keuntungan. Itu perkara yang dapat diterima dalam sistem pasaran terbuka ini. Maka tanggungjawab kerajaan adalah memastikan kepentingan rakyat dilindungi.

Apa yang dimaksudkan dengan kerajaan adalah perkhidmatan awam dan ketua politik mereka, yang terdiri daripada parti pemerintah. Jadi siapakah yang melindungi rakyat supaya kerajaan itu menjalankan tanggungjawabnya. Tentulah tiga pihak ini, pertama parti pembangkang. Kedua, media massa dan ketiga, persatuan rakyat, atau badan bukan kerajaan seperti persatuan pengguna, persatuan alam sekitar dan persatuan penduduk. ■



# Tidak mudah jadi parti progresif

**D**ALAM politik, setiap perkataan yang dituturkan akan dituntut sebagai janji. Jika keadilan dan reformasi menjadi kata kunci buat PKR, makan orang menuntut mereka untuk berlaku adil dan melakukan perubahan sistem. Begitu juga orang akan menuntut DAP agar menjadi demokratik, dan Bersatu untuk menjadi pembela masyarakat pribumi.

AMANAH tidak terlepas dari hukum ini. Kata hikmat yang dipilih AMANAH adalah berat; Amanah, Progresif, dan Peduli. Amanah dan Peduli itu mungkin lebih mudah untuk dizahirkan. Semua orang mampu faham dan melakukannya tanpa banyak halangan. Ia hanya sifat baik manusia yang sudah asal terdidik, tinggal lagi sering ditinggalkan. Yang lebih mencabar adalah kata Progresif tersebut. Menjadi progresif tidak mudah. Progresif ertinya maju ke hadapan. Meninggalkan ketetapan lama dan menggerakkan dinamik manusia dan politik.

Menafsirkan kata progresif terutama dalam spektrum politik juga tidak mudah. Perspektifnya terlalu berbeza, terlalu meluas. Ada banyak analisa daripada kitab dan ideologi yang berlainan. Kesemuanya juga tidak ada yang benar secara hakiki, seringkali bercanggah. Analisa golongan kiri sama sekali berlainan dengan yang kanan, saling berlawanan. Dalam konteks AMANAH, menjadi progresif adalah jauh lebih sukar.

AMANAH adalah parti Islam, parti yang berlandaskan prinsip dan hukum agama. Sudah ada ketetapan hakiki iaitu Quran dan Hadis. Lapangan perbincangan terutama dalam ruang awam adalah terhadap dan ada batasan yang harus dijaga. Ini adalah takdir dan ketetapan yang melingkari AMANAH.

Dalam ruang sebegini, menjadi progresif adalah sukar. Mudah sahaja dihukum sebagai terpesong. Mudah sahaja ditakrif sebagai sesat dan menyesatkan. Perbincangan tentang ehwal dan hukum

agama dalam ruang yang terbatas ini cenderung mendapat tafsiran yang konservatif, lebih banyak memelihara ketetapan yang lama berbanding meneroka yang baharu. Penguasa dan

orang yang menaja ruang konservatif yang terbatas ini akan sentiasa mendapat kelebihan.

Ini bukan masalah dalam masyarakat dan politik Islam semata-mata. Ia adalah masalah yang dihadapi oleh kesemua agama besar dalam lipatan sejarah manusia. Zaman Gelap di Eropah merujuk kepada kemunduran ilmu, falsafah, dan kemajuan umat manusia yang bernaung di bawah kuasa Gereja Roman Katolik. Institusi ini memusuhi kelompok manusia intelektual yang dianggap mencabar ketetapan agama dan Tuhan. Mereka ini nasibnya sama seperti AMANAH hari ini, digelar kafir dan dihukum seberat-beratnya.

Biarpun gelap dan menyeksakan, bagi yang berfikir dan melawan, ini adalah zaman yang indah. Zaman Gelap memberi ruang untuk wacana ilmu dan politik berkembang dengan lebih matang. Tekad dan keyakinan golongan yang tertindas dalam Zaman Gelap ini melahirkan juara yang lebih kuat. Seperti besi panas yang ditempa, semakin kerap dihentak semakin kuat bilahnya. Dari Zaman Gelap, tekad yang terkumpul sepanjang zaman ditindas tersebut melahirkan Zaman Pencerahan. Dan harus kita ingat, Zaman Pencerahan, kata hikmatnya adalah Sapere Aude; Dare to Know, Berani Untuk Tahu.

Membaca Zaman Gelap Eropah tidak lengkap jika tidak membaca Zaman Ke-



**Keakraban Presiden AMANAH, Mohamad Sabu dan Pengerusi Pakatan Harapan, Dr Mahathir Mohamad melicinkan gerak kerja gabungan mega pembangkang**

emasan Islam. Jangan hanya melihat kepada kitab-kitab agama yang ditinggalkan sarjana dan intelektual zaman tersebut; lihat juga faedah lebih besar yang ditinggalkan mereka buat umat manusia. Kemajuan sains, perubatan, falsafah, undang-undang, politik, dan cabang-cabang ilmu yang lain hari ini lahir dari luasnya penerokaan ilmu oleh intelektual Islam yang dahulu.

Jangan tertipu dengan apa yang sedang ditaja dan dijaja penguasa dan peniaga agama hari ini. Kemajuan yang dikecapi oleh intelektual Islam zaman dahulu tidak lahir kerana mereka banyak pertandingan mencari pendakwah melalui realiti TV. Kemajuan yang mereka kecapi lahir kerana mereka berani mencari ilmu dan mencabar ketetapan yang sudah ada biarpun bersabung nyawa dan kebebasan. Mereka juga berani untuk tah.

Faedah yang ditinggalkan mereka akhirnya bukan untuk diri sendiri, bukan juga untuk hanya umat Islam semata-mata. Mereka hidup dan berkorban, menjadi kuasa progresif untuk seluruh umat manusia.

Tidak mudah sebuah badan Islam menjadi kumpulan progresif, namun tidak mustahil. Ia sudah dilakukan oleh orang-orang yang terdahulu dalam sejarah.

Yang diperlukan adalah tekad dan keberanian untuk meninggalkan yang lama. Yang diperlukan adalah disiplin dan keyakinan dalam meneroka kemungkinan baharu dalam ruang yang terbatas.

Masyarakat boleh kekal konservatif selama yang mereka mahu, namun AMANAH sebagai parti politik tidak perlu demikian. AMANAH harus ubah masyarakat untuk ikut menjadi progresif.

Biar sukar, ia boleh dilakukan. AMANAH mungkin terpaksa berkorban; menjadi tidak popular dalam kalangan masyarakat hari ini. Namun itulah takdirnya. Bukan tugas AMANAH untuk semata-mata menang dalam pilihan raya seperti parti politik yang lain. Tugas AMANAH adalah mengubah umat secara keseluruhan. Jika bukan AMANAH, siapa lagi yang boleh melakukannya?

Inilah tanggungjawab yang dipikul oleh AMANAH. Apabila sudah memilih untuk menjadi progresif, menjadi golongan yang mencabar apa yang sudah selesai ditetapkan oleh penguasa, harus kuat dan penuh tekad. Kekuatan dan tekad ini pula hanya boleh dicapai dengan penguasaan pengetahuan dan pemahaman ilmu yang tinggi, bukan semata ikut-ikutan, dan jauh sekali sikap reaksioner; tidak bertukul, pahatnya tak berbunyi.

## DARI MUKA 20...

Timbalan Perdana Menteri, Musa Hitam, pada Mac 2014, mengenai penglibatannya dalam peristiwa berdarah Memali 1985.

Selama hampir 30 tahun Musa terpaksa berdiam diri menerima dia "dicerca, dicela dan dinista" oleh rakyat Malaysia pelbagai lapisan, kerana tidak ada pihak media perdana yang berani menyiarkan kenyataan atau pengakuannya, bahawa bukan dia yang bertanggungjawab dalam tragedi yang memakan korban 18 nyawa itu, tetapi Perdana Menteri yang berkuasa pada masa itu yang bertanggungjawab.

Melalui buku "Mencari Kewajaran Islam di Malaysia" saya berbicara mengenai Islam yang dizahirkan oleh penganut-penganutnya (bukan Islam di dalam teks al-Quran dan Hadis, walaupun saya membuat perbandingan

antara keduanya - yakni amalan penganutnya dibandingkan dengan teks), dari sudut pandang seorang seniman-budayawan yang beragama Islam.

Perspektif Tekad Budaya telah mengangkat "kewajaran" sebagai ciri penting untuk diperhatikan pada fenomena politik, sosial, kepemimpinan dan keagamaan dalam masyarakat.

Dan yang ditemui adalah ketidakwajaran yang begitu banyak, di dalam banyak perkara, termasuk perkara 'kebenaran' yang dicipta atau diadadakan. Sesuatu yang bukan realiti tetapi diolah oleh pihak tertentu hingga ia kelihatan seperti realiti. Mengambil contoh kewujudan ISIS di dunia Arab, dalam satu tulisan saya merumuskan:

"'Kebenaran' itu sendiri sudah menjadi suatu industri yang sangat berharga - mengikut keperluan dan permintaan terhadapnya. Dalam kes-kes tertentu ia boleh mencapai bilionan ringgit - yakni untuk menciptanya dan membinanya

sehingga ia boleh melahirkan tindakan-tindakan bertaraf 'keselamatan dunia' yang bernilai bilionan dan trilionan ringgit pula."

Demikianlah bercelarunya dunia hari ini, penuh dengan kekeliruan. Maka sekali lagi, pertanyaannya ialah: siapakah yang sewajarnya tampil untuk memberi penjelasan kepada orang awam, kepada rakyat ramai, yang berada dalam situasi kekeliruan?

Orang-orang politik, yang asyik berebutan kuasa, sering memanipulasi fakta dan maklumat untuk kepentingan diri dan parti masing-masing, (seperti yang diakui oleh pengalaman Musa Hitam tadi), mereka adalah penyebar utama kekeliruan masyarakat. Mereka juga adalah pencetus pelbagai masalah yang ditanggung oleh rakyat; di sebalik dakwaan mereka bahawa merekalah penyelesaian masalah rakyat.

Faktor kedua atau pihak kedua yang tampil dengan dakwaan memimpin

masyarakat ke arah kebenaran, ke arah hidup yang sejahtera-bahagia, ialah golongan agamawan. Selepas meninggalnya Tok Guru Nik Aziz, berlaku krisis kepemimpinan agama yang meningkatkan kekeliruan dalam kalangan orang Islam di Malaysia.

Di samping itu terdapat 14 orang Mufti yang sepatutnya boleh memainkan peranan bagi mengurangkan kekeliruan ummah. Tetapi mereka juga (kecuali seorang dua) sama halnya dengan kebanyakan ilmuwan di universiti, memilih untuk akur dan mengampu pimpinan politik yang berkuasa.

Jadi nampaknya hari ini politik adalah faktor yang membawa masalah dan membebaskan masyarakat. Agama juga, di tangan golongan yang memimpinya hari ini, ternyata semakin mengelirukan. Maka ini semua memberikan kewajaran kepada saya untuk lebih mempercayai dan berharap kepada wawasan Tekad Budaya. ■



# Peduli tiada tanpa risiko

USAI perasmian majlis NUNJI 2017 di Bangi, Selangor pada Sabtu, 4 Nov lalu, saya dan pemandu bergegas ke Padang Rengas memenuhi undangan majlis keluarga. Majlis yang dirancang lebih awal itu adalah perhimpunan keluarga Rawa yang menetap di sana, jadi agak sukar untuk saya menolak walaupun jadual saya amat ketat. Pada Jumaat, 3 Nov cuti bersempena hari keputeraan Baginda Raja Perak sebelumnya saya berada di Manjoi satu hari membantu kempen Tuan Haji Asmuni Awi dan AMANAH sana.

Semasa di Padang Rengas cuaca agak mendung dan pada pukul 5 petang, hujan lebat tanpa henti malah sepanjang perjalanan pulang saya ke utara tiada kelihatan tanda hujan hendak berhenti. Saya memandu sendiri dari Changkat Jering kerana pemandu saya Saudara Izwan atau Wan meletakkan keretanya di Plaza Tol Changkat Jering.

Selalunya sepanjang perjalanan bersendirian, saya banyak berfikir tentang berbagai perkara dan kadang-kadang banyak ilham yang datang namun kali ini saya diganggu dengan bunyi mesej di telefon bimbit yang bertalu-talu masuk. Saya sempat secara spontan melihat dan tertera nama rakan saya di Bayan Baru. Jimmi namanya dan tertera mesej amaran hujan lebat di Pulau Pinang yang akan berterusan sehingga esoknya 5 Nov. Amaran banjir turut dimaklumkan. Saya terfikir memang munasabah dengan kadar hujan yang turun tanpa henti.

Saya menuju ke Kepala Batas kerana isteri saya, Ustazah Zuraida Husin menempah bilik di Seri Malaysia. Dia menghubungi saya sebelumnya meminta saya terus ke Kepala Batas kerana tengahari 4 Nov sekolahnya mengadakan jamuan akhir tahun. Saya sepatutnya berada bersama isteri seperti dijanjikan namun panggilan program parti menyebabkan saya terpaksa membatalkan hasrat bersamanya. Sebagai isteri seorang ahli politik seperti saya, dia sudah biasa, jadi bila si isteri mahu berehat di Seri Malaysia satu malam, saya tiada bantahan. Lagipun dia perlukan ruang untuk menguruskan kertas peperiksaan bertimbulan sebelum cuti akhir penggal.

Sampai di Tol Juru, saya sudah merasakan ada banjir di hadapan kerana deretan kereta panjang sebelum tol hampir 10km. Kereta saya bergerak perlahan diiringi hujan yang masih lebat. Sejam untuk melepasi tol Juru, tersangkut pulak jalan menghala ke Sungai Dua dan Kepala Batas, di sana ditambah lagi satu jam. Saya membuka Radio Mutiara fm. sepanjang terperangkap dalam jem dan DJ bertugas mengulangi beberapa kali, jalan-jalan Georgetown dan Seberang Perai lumpuh termasuk simpang Lebuhraya di Permatang Pauh yang dinaiki air.

Jalan saya ke Kepala Batas melalui lebuhraya terpaksa dibuat lencongan, sambil bergerak perlahan saya tekad melencong ke arah Bagan dan dari situ terus ambil Lebuhraya Sungai Dua tanpa melalui Permatang Pauh. Alhamdulillah jalan saya selamat hanya beberapa ketika sahaja, sampai sahaja

di Sungai Puyu sebelum keluar Sungai Dua, banjir di hadapan. Saya terperangkap pula di Sungai Puyu untuk sejam lagi. Kereta sedan saya memang tidak sesuai dalam suasana ini, namun saya redah dalam air yang kelihatan semakin meningkat dari limpahan Sungai Puyu.

Alhamdulillah saya keluar dengan selamat dan sampai dengan perut lapar di pekan Kepala Batas hampir jam 11 malam. Saya tersangkut dalam jem hampir 4 jam dari tol Juru ke Kepala Batas.

Hati saya tidak tenang malam itu di bilik hotel kerana maklumat dari media sosial sudah bertalu-talu menyatakan Georgetown dan Seberang Perai Utara dan Tengah lumpuh. Keletihan, saya terlelap dan menanti siang dengan debaran untuk tindakan selanjutnya. Usai Subuh, Ahad 5 Nov, saya mula menelefon orang-orang saya di Pulau dan Seberang.

Nasir Ismail di Pulau tidak dapat dihubungi, saya syak beliau sibuk kendalikan mangsa banjir kerana bertugas di Pejabat Exco Perumahan YB Tuan Jagdeep Singh, saya hanya dapat menghubungi Farouk, Timbalan Pengerusi ARIF Negeri. Farouk memaklum dengan detail situasi banjir di Pulau Pinang. Menurutnya lebih teruk dari yang dilalui sebelum yang sudah malah sepanjang 40 tahun. Dia mengirimi visual kepada saya situasi pagi itu di Kampung Makam, Kampung Dodoi, Taman Free School dan Kebun Lama, semuanya di daerah Georgetown.

Saya dan isteri kemudian bersiap awal untuk daftar keluar dari hotel. Kami menuju ke Kampung Melayu untuk makan pagi nasi kandar terkenal di situ sambil mengumpul maklumat untuk tindakan pergerakan saya. Saya berjaya menghubungi Ustaz Fahmi Penyelaras Kadun AMANAH di Permatang Berangan yang memaklumkan situasi kritikal banjir yang menurutnya 'tenggelam habis'.

Di Kampung Melayu, saya menghubungi Zahar dan mengarahkan supaya Pusat Arahan Banjir dibuka di Kompleks JKKK Sungai Dua di mana kawasan perumahan Desa Murni sudah lumpuh sejak awal pagi tadi. Kami berhubung untuk membuka pusat dengan Tuan Haji Taufiq sebagai pengarah atas sifat beliau selaku Pengerusi Kebajikan Negeri. Alhamdulillah POBA atau Pusat Operasi Banjir AMANAH dibuka dengan kerahan semua JKKK menumpukan bantuan makanan dan minuman sebagai keutamaan.

POBA dibuka pada hari pertama banjir di Kompleks JKKK Sungai Dua. Kompleks Sungai Dua strategik sebab ia mudah diakses oleh orang ramai lagipun ia berdekatan dengan kawasan dilanda banjir teruk seperti Desa Murni, Merbau Kudung dan Lahar Yooi. Kami menyediakan peralatan memasak dan semua bahan disimpan dalam setor belakang. Bantuan lain mula tiba seperti makanan kering, biskut, roti dan lain-lain keperluan seperti tuala wanita dan lampin bayi pakai buang (pampers).

Selepas melawat di kawasan pulau, saya



tiba di pusat operasi pada jam 3.30 petang dengan isteri. Saya agak terkejut kerana jalan masuk ke POBA di Simpang 4 Sungai Dua telah dinaiki air termasuk bahagian hadapan POBA. Saya menghubungi Zahar dan sejurus kemudian sebuah pacuan empat roda milik Ramli, AJK AMANAH Tasek Gelugor sampai supaya saya boleh ke pusat operasi.

Saya memberitahu isteri supaya membawa balik kereta saya dan berpesan jangan tunggu saya pulang sebab kemungkinan terpaksa bermalam untuk operasi seterusnya. Dia mengangguk faham dan saya ucapkan selamat tinggal dengan satu pelukan. Suasana di simpang itu pun agak kelam kabut kerana penduduk Taman Desa Murni sudah mula keluar beramai-ramai mengharungi banjir. Nampaknya desa murni sudah tidak murni lagi gara-gara paras air semakin meningkat.

Haji Taufiq dan Zahar masing-masing memberikan laporan terkini banjir dan nampaknya ia buruk berbanding sebelum dua yang lalu ketika Pulau Pinang belanda banjir akibat angin kencang dari Vietnam. Saya bertanya tentang mangsa banjir yang pada waktu itu dianggar lebih 2,000 orang mengikut maklumat banjir di KOMTAR. Kami segera membuat keputusan untuk menumpukan agihan makananan dan minuman. Dapur Peduli Rakyat dah beroperasi dengan Abang Halim, Baharin dan lain-lain dari JKKK Sungai Dua yang telah mula beraksi.

Saya terus sibuk mengirimi mesej kecemasan kepada kawan-kawan termasuk rakan di Pulau Pinang yang mungkin tidak tahu keadaan kucar-kacir di sini dan perlukan tumpuan. Saya dapat melihat penduduk keluar secara beramai umpama dalam filem-filem 'doomsday' Hollywood. Mereka membawa apa yang tercapai dengan paras air sudah ke paras paha. Pacuan empat roda mundar-mandir membawa orang-orang tua dan kanak-kanak sambil kedengaran suara hiruk pikuk dan bunyi air diredah kenderaan. Zahar memaklumkan Ketua Pemuda AMANAH Kedah Asmirul dan 3 biji pacuan empat roda akan sampai.

Sebelumnya saya meminta Zahar uar-uaran kepada kontijen luar untuk membawa pacuan empat roda lebih banyak lagi.

Sejurus kontijen Kedah sampai kami bergerak dengan empat unit pacuan empat roda membawa bahan minuman dan roti untuk diedarkan. Kami ke Pusat di Merbau Kudung dulu untuk berjumpa petugas dan penduduk sana. Dua Pegawai JKM sudah bertugas sejak awal pagi mendaftar nama mangsa banjir yang berunding di Dewan JKKK Merbau Kudung. Seorang kanak-kanak demam panas dan tanpa ubatan. Saya hanya berpesan kepada ibunya agar melembapkan tuala dan tekapkan sahaja di kepala kanak-kanak

malang itu.

Dalam pada itu seorang warga emas keturunan Cina dibawa anaknya ke dewan. Kami bergegas membantu untuk bawakan ibu tua ini tanpa kerusi roda, saya terus mendukung ibu malang ini dengan sekuat hati seperti saya mendukung ibu saya sendiri. Walaupun tercungap, kami berjaya bawa ke meja pendaftaran dan memohon segera diambil perhatian. Entah kenapa sehari sebelum ini, saya mengadu kepada pemandu saya sakit di pinggang dan pinggul saya, tetapi semasa bertugas saya tidak terasa apa-apa walaupun 'mencempung' wanita tua, Alhamdulillah.

Kami singgah di Dewan Muhibbah, satu lagi pusat penempatan dan mendapati seorang OKU di sana. Saya mendapatkan abangnya untuk bertanya khabar dan menurut abangnya setakat ini, semua terkawal dan ucapkan terimakasih atas keprihatinan kami.

Kenderaan kami meredah air di jalan utama Sungai Dua di Nyior Sebatang. Kenderaan kecil dan rendah tidak lagi dizinkan melaluinya. Di kiri jalan bendang seluas mata memandang umpama laut, di kanan jalan rumah sudah ditenggalami air. Penghuni yang di rumah dua tingkat berada di tingkat atas, saya terpenggil bila melihat dari atas kenderaan (saya di bahagian belakang) mak cik tua melambai tangan dengan anak dan cucunya. Saya arahkan berhentikan kereta untuk saya sampaikan bekalan roti.

Ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Zulkifli Ishak mengingatkan saya, ianya agak bahaya kerana air sudah di paras dada. Saya berdegil dan dengan bantuan anak muda yang menghuni rumah itu, kami meredah air tahap dada untuk menyampaikan bantuan. Kami memasuki bahagian bawah yang penuh air dan menuju ke tingkat atas menyapa nenek tua tadi yang menunggu kami di atas tangga tingkat dua rumah.

Saya bertanya kenapa tidak turun ke pusat pemindahan? Dia menjawab, "Takpa eh... ateh ni selamat saya dengan anak cucu... Terimakasihlah mai jengok kami bawak roti..."

Dia bertanya nama saya. Saya memperkenalkan diri lalu dia bertanya lagi, "Ni Datuk Mujahid kah? anak Pak Yusof Rawa tu?" Saya menjawab 'ya' lalu dia jemput saya minum teh dan perkenalkan kepada anak cucunya sambil mereka bergambar dengan saya.

Dalam hati saya berkata, "Ini bukan masa yang sesuai..." tapi kerana besar hati mereka, saya relakan saja sambil memohon maaf tidak dapat bersama minum petang.

"Saya kena pi tempat lain ni... takpa, nanti lepaih banjir saya mai no... kita minum teh dengan cucoq." (BERSAMBUNG)

**Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa ialah Naib Presiden AMANAH dan Pengerusi AMANAH Pulau Pinang. Tulisan ini adalah bahagian pertama daripada tiga siri pengalaman banjir beliau.**



# Badan petugas halang penipuan pilihan raya

Oleh AMNI JAGAT

**B**ATU PAHAT: Jumlah pengundi pos yang ditambah di kem tentera Segamat memberi gambaran kekusaran BN menghadapi kemaraan Pakatan Harapan (PH) dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Pengerusi PH Johor Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, BN kini berusaha melaksanakan strategi untuk memenangi kawasan-kawasan yang disasarkan agar negeri Johor tidak terlepas ke tangan PH.

"Mengikuti dapatan, kita telah mengesan 1051 pengundi tentera di Kem Jeme-

ntah Segamat sedangkan kem tersebut masih belum siap dibina. Kita cukup kesal dengan apa yang berlaku ini.

"Kita bimbang keadaan begini akan berlaku di tempat-tempat lain di sekitar negeri Johor. Disebabkan itu PH Johor akan meminta PH Nasional membentuk satu pasukan bertindak (task force) bagi mengelakkan penipuan dalam pilihan raya.

"Parti-parti yang bertanding dalam PRU ini sudah tidak lagi boleh mendapatkan data terbaru pengundi sedangkan perkara ini bertentangan dengan peraturan sebelum ini. Kita perlu tahu siapa pengundi kita," kata Muhyiddin dalam satu sidang media selepas program ceramah Luaskan Harapan dekat sini,

baru-baru ini.

Mengulas perkara yang sama, Pengarah Pilihan Raya PH Johor, Salahuddin Ayub berkata, tindakan BN Johor itu menggambarkan langkah terdesak untuk mengekalkan kuasa.

"Ini tindakan jahat yang cuba dilakukan oleh BN terhadap pengundi yang berdaftar secara sah. Undi pos selama ini telah membuktikan ia berat sebelah kerana selama ini kami tidak boleh berkempen secara neutral di dalam kem.

"Gambaran ini jelas membuktikan BN atau Umno sudah tidak mampu lagi mengekang gelombang rakyat yang mahukan perubahan," ujar Timbalan Presiden AMANAH itu.

## Umno patut belajar jadi pembangkang yang baik

**TASEK GELUGOR:** Umno dan BN harus bersedia untuk menjadi pembangkang yang baik dan menghormati kerajaan negeri Pakatan Harapan (PH) yang memerintah negeri ini, kata Setiausaha PPBM Tasek Gelugor, Datuk Jasmin Mohamed.

Bagi beliau, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sepatutnya tidak menaruh harapan yang begitu tinggi kepada parti Gerakan untuk merampas kembali Pulau Pinang dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Seharusnya sejarah 2008 dan 2013 dijadikan iktibar sehinggakan Umno dan Gerakan menjadi pembangkang untuk dua penggal berturut-turut.

Jasmin berkata demikian ketika mengulas kenyataan Zahid yang mendakwa Gerakan akan menawan Pulau Pinang dalam PRU ke-14 nanti.

Menurut beliau lagi, Umno sepatutnya berasa bimbang, gusar dan takut akan kehilangan lebih banyak kerusi setelah menjadi pembangkang untuk penggal kedua.

"Apakah Zahid lupa sejak 2008 hanya Umno yang mampu bertahan untuk menang 11 kerusi Dun, sementara Gerakan tidak menang satu kerusi pun.

"Begitu juga dalam PRU lalu, terbukti



Muhyiddin bertanya khabar mangsa banjir di Pulau Pinang.

Gerakan sekali lagi ditolak majoriti pengundi setelah DAP menjadi pilihan.

"Sekiranya prestasi itu dijadikan ukuran, sudah tentu Umno dan BN bertambah bimbang jika kalah lebih banyak kerusi kepada Pakatan Harapan (PH)," jelasnya.

Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Dua selama empat penggal itu (1995-2014) turut menyifatkan pengaruh Umno di Pulau Pinang seperti kata bidalan 'hidup segan, mati tak mahu'.

Beliau menambah, PRU lalu membuktikan bukan sahaja Gerakan ditolak rakyat Pulau

Pinang malah MCA tidak mampu kekal menang walaupun satu kerusi.

"Sekiranya Gerakan dan MCA juga ditolak, apa lagi yang boleh diharapkan dari kerusi MIC pula di Pulau Pinang bagi memenangi BN," ujarnya.

Beliau turut berpuas hati dengan sambutan masyarakat Melayu terhadap PPBM di Pulau Pinang.

Jasmin ditemui ketika mengiringi Timbalan Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin menziarahi mangsa-mangsa banjir di Tasek Gelugor.

## Sumber dana NGO edar tilam bantai foto PM di-persoal

**GEORGETOWN:** Pembangkang Pulau Pinang digesa menjelaskan punca sumber dana bantal dan tilam yang tertera gambar Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang diagihkan kepada mangsa-mangsa banjir negeri ini oleh Kelab Putera 1Malaysia.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan negeri Dr. Afif Bahardin berkata, beberapa agensi persekutuan termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengaku tiada lebih peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk diagihkan kepada mangsa pada kejadian banjir besar 4 November lalu.

"Selepas tiga hari bencana, barulah bantuan bantal dan tilam ada muka perdana menteri diturunkan ke Pulau Pinang, sebelum itu beberapa pegawai kerajaan mengaku jabatan tiada peruntukan daripada Kerajaan Pusat.

"Kelab Putera 1Malaysia ini dapat dana bantuan ini daripada mana sebenarnya," tanya Dr Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seberang Jaya ketika sesi penggulangan di Dewan Undangan Negeri (Dun) Pulau Pinang, dekat sini, baru-baru ini.

Beliau turut melahirkan rasa bimbang mengenai kemungkinan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu mendapat dana langsung daripada Jabatan Perdana Menteri atau isteri perdana menteri, untuk melaksanakan kempen politik sempena pilihan raya umum yang akan diadakan tidak berapa lama lagi.

Ucapan Dr. Afif mengundang pertikaian lidah dengan Datuk Dr. Sr. Mohamed Farid Saad (BN-Pulau Betong) sehingga dihentikan Timbalan Yang Dipertua Dun, Datuk Makhtar Shapee.

## Bayaran pampasan mangsa banjir ditingkat RM700



Naib Presiden AMANAH Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus bergambar bersama anak-anak mangsa banjir di Seberang Perai.

**GEORGETOWN:** Bayaran wang ehsan secara sekaligus (one off) kepada anggota isi rumah yang ditimpa bencana banjir pada 4 November lalu, dinaikkan menjadi RM700 berbanding RM500 yang diumumkan ketika pelancaran program Pulau Pinang Bangkit baru-baru ini.

Ketua Menteri Lim Guan Eng pada sesi penggulangan perbincangan Bajet Negeri 2018 di Dewan Undangan Negeri (Dun) Pulau Pinang berkata, sumbangan itu melibatkan peruntukan tambahan berjumlah RM20 juta..

Katanya, sebelum ini program Pulau Pinang Bangkit memperuntukan RM50 juta bayaran pampasan kepada mangsa-mangsa banjir.

"Sekiranya kutipan derma tidak mencukupi, maka ia akan ditambah oleh kerajaan negeri.

"Ini akan menjadikan bayaran ehsan 'one-off' secara keseluruhannya sebanyak RM700 setiap penerima," jelas Guan Eng yang juga Adun Air Putih.



# Mangsa banjir Kedah pula dibantu AMANAH



Aktivis Awan Kedah turut membantu menyediakan makanan untuk diagihkan kepada mangsa banjir.



Ustaz Hassanuddin ketika turun padang menyerahkan barangan keperluan kepada mangsa banjir.



Petugas Awan mengagihkan sumbangan dari rumah ke rumah.



Pemeriksaan kesihatan turut disediakan kepada mangsa banjir.

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

**B**EDONG: Selepas turun padang membantu mangsa banjir di Pulau Pinang, AMANAH Negeri Kedah menunaikan tanggung jawab sosial kepada mangsa banjir dan pasca banjir di negeri Kedah pula.

Turut disediakan pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan bagi memastikan tahap kesihatan mangsa banjir dalam keadaan baik.

Antara khidmat yang disediakan adalah mencuci dan membersihkan kediaman mangsa banjir yang telah digenangi air

serta lumpur khususnya di kawasan perumahan Taman Sinar Mentari, dekat sini.

Menurut Ketua Pemuda AMANAH Kedah Asmirul Anuar Aris, khidmat yang disediakan kali ini turut disertai sukarelawan parti-parti gabungan Pakatan Harapan (PH).

"Selain membersihkan kediaman penduduk yang terlalu kotor akibat ditenggelami air banjir, kita juga memberikan barangan dapur yang disumbangkan pelbagai pihak bagi meringankan beban mangsa banjir.

"Khidmat pemeriksaan kesihatan turut diberikan bagi memastikan mangsa-mangsa banjir berada dalam keadaan sihat selepas

musibah banjir.

"Penyediaan makanan diuruskan dengan kerjasama Awan Negeri Kedah yang bertungkus lumus memastikan kesemua mangsa banjir mendapat makanan," jelasnya.

Malah kata Asmirul lagi, sebanyak 400 bungkus makanan telah disediakan serta diagihkan kepada 200 rumah mangsa banjir di sekitar kawasan tersebut.

Ujar beliau lagi, AMANAH Kedah akan tetap meneruskan misi peduli rakyat saban waktu tanpa mengambil kira masa dan ketika musibah berlaku.

"Kita telah siap siaga untuk menghulurkan sumbangan sama ada dalam bentuk

tenaga mahupun barangan keperluan kepada mangsa.

"Yang penting bagi memastikan tanggung jawab peduli rakyat ini dapat diberikan semaksimal mungkin," tegasnya.

Dalam pada itu Naib Presiden AMANAH, Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus turut turun padang bagi sama-sama membantu mangsa banjir.

Beliau yang juga Pengerusi Biro Kebajikan, Kemanusiaan dan Bencana Alam AMANAH Nasional bersama Pengerusi AMANAH Kedah, Datuk Dr Ismail Salleh menyampaikan sumbangan kepada penduduk sekitar kawasan terlibat.

## AMANAH Perak tubuh jawatankuasa khas tangani banjir

**IPOH:** AMANAH Perak mengambil langkah proaktif menubuhkan jawatankuasa khas bagi menghadapi bencana banjir yang dikhuatiri melanda pada bila-bila masa di musim hujan sekarang.

Keputusan tersebut dibuat dalam Mesyuarat Bulanan Jawatankuasa Pimpinan

AMANAH Perak yang diadakan 12 Nov lalu, ujar Setiausaha Jawatankuasa Khas Bencana Banjir AMANAH negeri Salman Salleh.

"Jawatankuasa ini dipengerusikan Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin yang juga Timbalan Pengerusi AMANAH Perak

bersama 30 ahli jawatankuasa.

"Tugas kami adalah menyelaras gerak kerja ketika berlakunya bencana banjir pada bulan November dan Disember ini," kata Salman.

Tambah beliau, AMANAH Perak turut melancarkan talian khas bagi memudah-

kan semua pihak menyalurkan maklumat kejadian banjir yang berlaku.

Sebarang maklumat boleh disalurkan ke aplikasi WhatsApp di nombor **019-6528905**.



# SPR perlu jadi 'pengadil' bukan pak turut

Oleh ARIF ATAN

**BATU PAHAT:** AMANAH Johor menuntut Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berperanan sebagai pengadil yang profesional dan tidak menjadi pak turut pada pihak berkepentingan semata-mata.

Pengerusinya, Aminolhuda Hassan berkata, SPR harus memastikan urusan tabir dan integriti proses pilihan raya bermula daripada senarai daftar pemilih yang bersih diutamakan tanpa kompromi.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Parit Yaani itu, senarai daftar pemilih mesti mematuhi tatacara yang ditetapkan dengan pengundi di daftar di tempat tinggal mereka manakala pemilih pos perlu mengikut penempatan kem masing-masing.

Mengulas dakwaan wujudnya senarai 1,051 pemilih pos di kem tentera Segamat yang masih belum siap, beliau menyifatkan hal itu sepatutnya tidak berlaku melainkan jika wujud campurtangan pihak berkepentingan.

"Saya begitu terkejut dengan apa

yang dilakukan pihak SPR. Kalau ikut amalan biasa seorang pengundi itu mestilah didaftar mengikut tempat tinggal mereka.

"Ini satu perkara yang tidak wajar SPR buat dalam keadaan perlunya satu sistem yang adil sebagaimana perlawanan bola sepak yang memerlukan pengadil yang adil.

"Namun, kita dapat lihat sekarang bagaimana sikap 'pengadil' pada ketika rakyat mahukan pilihan raya yang bersih," ujarnya ketika dihubungi *Malaysia Dateline* hari ini.

Daftar pemilih bulan lalu didakwa mengandungi kemasukan berjumlah 1,051 anggota tentera sebagai pengundi pos di kem tentera Segamat yang hanya dijangka siap sepenuhnya akhir tahun ini.

Senarai tersebut sebahagian daripada 1,139 pemilih pos di Segamat dengan 88 daripadanya lagi adalah pengundi di Pusat Latihan Polis Segamat.

Kem tentera Segamat adalah antara empat kem baharu yang kesemuanya bernilai RM200 juta selain Hutan Melintang, Bera dan Pagoh dengan kos setiap satu kem itu mencecah RM50 juta.

Sehubungan itu, Aminolhuda menuntut SPR kembali berada di landasan budaya kerja yang tidak berat sebelah dengan tidak memasukkan mana-mana nama pemilih yang mencurigakan.

"Menteri Besar (Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin) kata walaupun pejabatnya diletakkan ramai ahli keluarganya, tetapi oleh sebab rumah itu ada, tidak salah walaupun tidak diduduki.

"Kalau berdasarkan kenyataan Menteri Besar Johor itu, masalahnya di Segamat itu, kemnya cuma ada perasmian tapaknya dan gerbang saja. Bangunan lengkapnya belum siap lagi," katanya.

Pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 lalu, Presiden MIC, Datuk Seri S Subramaniam menang dengan majoriti 1,217 undi menewaskan bekas Menteri Pengangkutan, Datuk CHua Jui Meng sebagai calon PKR.

P140 Segamat merupakan kawasan campuran dengan 47,009 pemilih berdaftar pada PRU-13 lalu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, senarai daftar pemilih juga perlu mengelak daripada melakukan pemindahan tanpa kerelaan pengundi seperti berlaku di kawasan Dun yang disandangnya.

"Apabila pengundi mengadu dan kami semak, didapati lebih 50 pemilih telah dipindahkan keluar dari kawasan Dun yang sudah biasa mereka undi ke Parlimen lain sedangkan tempat tinggal mereka masih tidak berubah.

"Ini satu tindakan tidak wajar dilakukan pihak SPR atau pihak berkepentingan yang menggunakan SPR demi kepentingan mereka," tegasnya.

Walaupun pihak SPR negeri itu datang menyiasat dari pagi hingga ke petang ekoran aduan tersebut, ujarannya, ramai lagi pemilih yang dipindahkan tanpa diketahui oleh pengundi itu sendiri.

"Inilah masalahnya... tidak adil. Yang buat kerja memindahkan pengundi tanpa mengira kaum ini adalah pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Hanya kerana mereka mahu menang di sesuatu kerusi, mereka pindahkan pengundi-pengundi yang mereka rasa menyokong pembangkang ke tempat yang ramai penyokong mereka.

"Pada masa sama, dimasukkan pula penyokong-penyokong mereka ke tempat yang dia hendak menang. Ini sikap tidak adil dan tidak bertanggungjawab," tambah Aminolhuda lagi.

## Ketua AMANAH Pasir Puteh lapor polis difitnah TMB Kelantan

**PASIR PUTEH:** Tuduhan Naib Presiden Pas Datuk Mohd Amar Abdullah bahawa 'dua ekor makhluk' di Pasir Puteh bertanggungjawab terhadap masalah reka bentuk pasar baharu Pasir Puteh diangap satu fitnah.

Ketua AMANAH Kawasan Pasir Puteh Abdul Halim Mohamad petang semalam membuat laporan polis berkaitan perkara tersebut.

"Semua perkara ini adalah satu fitnah kepada saya secara langsung kerana bukan kuasa saya pada masa itu untuk membuat keputusan akhir berkaitan perkara ini," katanya dalam laporan itu.

Menurut Halim, beliau menerima klip video ucapan Mohd Amar yang juga Timbalan Menteri Besar Kelantan dalam satu majlis ceramah pada 1 Nov lalu.

"Ucapan itu jelas memfitnah saya den-

gan mendakwa masalah reka bentuk pasar baharu yang diberi nama Pasar Siti Hajar adalah angkara saya selaku ahli Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) dan seorang lagi pegawai di MDPP.

"Beliau secara jelas merujuk kepada saya sebagai juara AMANAH Pasir Puteh yang beliau sebut sebagai PAN," katanya.

Halim juga melaporkan tuduhan Mohd Amar bahawa 'dua ekor makhluk' itu telah berunding dengan syarikat pemaju berhubung reka bentuk pasar baharu tersebut.

"Perkara ini disebut berlaku semasa Menteri Besar dipegang oleh Allahyarham Tok Guru Nik Aziz Nik Mat lagi," katanya.

Ucapan itu juga menurutnya meminta mereka yang "ada masalah dengan pasar tersebut" perlu bertanya atau mencari "

dua ekor makhluk" tersebut dan tidak menyalahkan orang lain.

"Beliau juga berkata kalau nak komplek ruang tak muat dan banyak masalah pergi cari dua ekor ini dan marahkan mereka.

"Dia juga anggap saya sebagai pengacau yang cuba menghasut dan menimbulkan kebencian rakyat kepada kerajaan negeri," katanya.

Menurutnya lagi akibat dari fitnah ini, masyarakat memandang serong kepada beliau.

"Saya juga khatirkan keselamatan kami sekeluarga dan memohon pihak polis menyiasat perkara ini mengikut seksyen 499 Kanun Keseksan dan mengambil tindakan pendakwaan ke atas beliau pada kadar segera," laporinya.

Halim turut membuat laporan polis berhubung pertikaian pemilikan Wisma Tok Guru membabitkan AMANAH dan

Pas.

Menurutnya, satu kerahan telah dibuat oleh Pas untuk masuk ke Wisma Tok Guru pada 16 Nov walaupun terdapat dua kes tuntutan mahkamah berkaitan hal tanah berkenaan.

"Di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu pewaris-pewaris Allahyarham Datuk Rosli Ibrahim memfailkan Kes Mal bilangan 03100-099-0269-2017.

"Di Mahkamah Tinggi Malaya Kota Bharu pula pertikaian pemilikan tanah ini difailkan di bawah kes nombor DA-24NCVC-287-11/2017," katanya.

Poster kerahan untuk masuk ke Wisma Tok Guru itu disebarkan melalui pesanan Whatsapp.

"Saya membuat laporan ini agar pihak polis mengambil tindakan untuk menghalang daripada berlaku perkara-perkara yang tidak diingini," laporinya.

## Wisma Tok Guru tidak dibina dengan wang Pas

**KOTA BHARU:** Tindakan Pas mengadakan program di Wisma Tok Guru jelas tidak menghormati undang-undang dan bercanggah dengan notis yang dikeluarkan parti itu sendiri.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Salor Datuk Husam Musa yang membacakan notis yang dihantar kepadanya 12 Oktober lalu berkata, jelas notis tersebut mengandungi butiran berlainan

"Mengikut notis yang dikeluarkan oleh peguam Pas sekiranya pihak saya tidak mengosongkan bangunan Wisma Tok Guru selepas tamat tempoh yang diberikan, pihaknya akan membawa perkara ini ke mahkamah," katanya ketika berucap selepas majlis solat hajat, 9 Nov lalu.

Menurut beliau, Pas telah mengerah para penyokongnya untuk hadir secara

tidak berperaturan bagi mencerooboh premis tersebut.

"Pertama ia dibuat sebelum tamat tempoh notis. Kedua pihak kita sendiri belum buat sebarang keputusan

"Ketiga kalaupun kita tidak keluar selepas notis seperti yang ditulis sendiri dalam dokumen itu, penyelesaiannya ialah melalui perintah mahkamah," katanya.

Beliau sekali lagi bertegas bahawa bangunan Wisma Tok Guru adalah pejabat Adun Salor yang tidak ada kena mengena dengan Pas.

"Bangunan ini saya dirikan melalui jawatan kuasa khas dengan cara membeli barang-barang binaan dan membayar kontraktor untuk upah menyiapkannya.

"Perbelanjaan yang digunakan adalah dari derma secara langsung arwah Datuk Rosli

dan saya sendiri. Tidak pernah kita adakan majlis kutipan derma dari Pas," katanya.

Beliau turut mendedahkan pemimpin-pemimpin Pas tidak ada dalam senarai penderma untuk menyiapkan Wisma Tok Guru.

"Menteri Besar sendiri Datuk Ahmad Yakub, Timbalannya Datuk Mohd Amar dan Exco Kerajaan Negeri Che Abdullah Mat Nawi tidak ada dalam senarai penderma.

"Adalah memalukan untuk mereka ini mengaku kononnya bangunan ini milik Pas, sedangkan mereka setengah sen pun tidak pernah menyumbang," katanya.

Mengenai persiapan menghadapi tindakan Pas untuk menyerbu bangunan itu 16 November ini, beliau berkata pihaknya tidak akan menari mengikut rentak yang dipalu parti itu.

"Kita berpegang kepada peraturan dan un-

dang-undang kerana amat pasti berhak sepenuhnya atas bangunan ini.

"Kita serahkan sepenuhnya kepada pihak berkuasa untuk mengambil perhatian atas provokasi tidak bertamadun ini," katanya.

Beliau menyeru ahli-ahli AMANAH dan para penyokong kebenaran terus menerus berdoa kepada Allah untuk memberi pertolongan kepada pihak yang benar.

"Malam ini kita solat hajat di sini sebagai tanda keyakinan kita untuk menyerahkan segalanya kepada pemilik segalanya.

"Tidak cukup setakat ini, semua perlu terus berdoa dan bermunajat ke hadiratnya memohon pertolongan dan bantuan," katanya.



# Bajet ilusi permainkan rakyat

Oleh NAZRI ABDULLAH

**KUALA LUMPUR:** Pembentangan Bajet 2018 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada Oktober lalu tidak lebih daripada ilusi bagi mengaburi mata rakyat kononnya pertumbuhan ekonomi negara masih ditahap baik.

Sedangkan rakyat tertekan dengan berbagai masalah khususnya kenaikan kos hidup, inflasi, pengangguran serta kos kesihatan dan pendidikan yang semakin meningkat, kata Khalid Samad (AMANAH-Shah Alam).

"Yang Amat Berhormat Pekan tidak mengemukakan apa-apa tindakan untuk menangani masalah-masalah ini malahan bagaikan menafikan ia wujud. Ia bajet yang langsung tidak prihatin terhadap kesengsaraan rakyat dan langsung tidak mesra rakyat.

"Walaupun berlaku pertumbuhan sekali pun, tidak boleh dinafikan bahawa pada hakikatnya rakyat jelata tetap merasa lebih tertekan dan lebih kesempitan berbanding sebelumnya," katanya ketika membahaskan Bajet 2018 di Dewan Rakyat, 6 Nov lalu.

Ramai pengkaji politik serta pengkaji

ekonomi kata Khalid, melihat bahawa bajet negara kali ini lebih kepada sindrom penafian dan hanya bermain dengan angka-angka.

Malah dari satu sudut lain, Najib dilihat cuba mempermainkan rakyat dengan pengumuman pemansuhan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) ke atas beberapa barangan yang bukan menjadi keutamaan rakyat terbanyak.

"Ada juga yang mengatakan YAB Pekan mempermainkan rakyat dengan diko-songkan GST ke atas komik, majalah dan beberapa perkara lain yang tiada kena mengena dengan kos kehidupan rakyat," katanya.

Lebih besar daripada itu kata Khalid, bajet kali ini memperlihatkan kelemahan kerajaan BN untuk mencari sumber pendapatan baharu selain terus-terusan bergantung kepada sumber-sumber sedia ada seperti hasil minyak, cukai pendapatan dan perniagaan serta GST.

"Tanpa sumber pendapatan baharu, maka rakyat boleh yakin GST bukan sekadar tidak akan dimansuhkan malahan kadarnya akan ditingkatkan apabila dianggap perlu. Kerajaan ketandusan idea

selain dari memeras rakyat untuk menambahkan pendapatan.

"Sekiranya rakyat mahu semua permasalahan ekonomi negara ditangani dan dirawati dan bukan sekadar diberi pil panadol, maka kerajaan BN mesti ditukar dengan kerajaan Pakatan Harapan di Putrajaya pada PRU ke-14," katanya.

Mengulas konsep 'maqasid syariah' yang dinyatakan Najib dalam pembentangan Bajet 2018 kali ini, Khalid berkata ia memperlihatkan bagaimana Najib dan kerajaan BN bermain dengan retorik.

Menurut Khalid, beliau percaya bahawa tindakan Najib itu mempunyai strategi serampang dua mata iaitu memperlihatkan 'topeng' Islam pentadbiran beliau dan pada masa sama ingin terus 'membantu' Pas untuk menjadi semakin tidak relevan.

"Begitu ironis apabila bajet yang digelar 'ibu segala bajet' dibentangkan oleh 'bapa segala skandal' dan cuba dihiaskan sebagai bajet yang islamik. Sedangkan tiada apa-apa manfaat kepada Islam atau umatnya selain dipalitkan Islam dengan korupsi dan salah guna kuasa yang dewasa ini dilihat dunia sebagai sebahagian dari pentadbiran YAB Pekan," katanya.



## Bajet besar, tiris pun besar

**AMANAH** menggesa sistem penyampaian khususnya bagi Bajet 2018 dipertingkatkan agar tiada ketirisan dan rakyat mendapat manfaat.

Dr. Siti Mariah Mahmud (AMANAH-Kota Raja) berkata, kebimbangan yang timbul adalah peruntukan yang diumumkan dalam bajet tidak sampai kepada sasaran kerana berlaku penyonglapan dalam rantaian penyampaian kerajaan.

Penggunaan badan bukan kerajaan dan badan politik sebagai agen penyampaian, katanya perlu dikaji semula lebih-lebih lagi ia tidak diaudit.

"Di dalam masa kita mengagihkan sumbangan melalui agensi kerajaan melalui satu sistem yang boleh diaudit dan pelbagai SOP, masih berlaku penyonglapan, perompakan, ketirisan, pemborosan, penyelewengan, rasuah dan kecurian. Inikan pula apabila berjuta ringgit diturunkan melalui badan-badan yang mungkin tidak diaudit.

"Saya masih meragui sistem penyampaian insentif dan sumbangan kepada rakyat apabila badan-badan bukan kerajaan dan badan-badan politik yang menjadi penyampainya," katanya ketika membahaskan Bajet 2018 di Dewan Rakyat, 7 Nov lalu.

Seharusnya kata Siti Mariah, kerajaan mengagihkan sebarang dana kepada rakyat melalui agensi-agensinya yang boleh diaudit.

Ia termasuk pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang menurutnya tidak wajar diberikan melalui parti-parti politik.

"Saya ingin bertanya kepada kerajaan, adakah badan-badan ini diaudit? Sejauh mana sumbangan-sumbangan yang hendak disampaikan kepada sasaran ini tidak tiris dan tidak disonglap oleh mereka ini," soalnya.

Sementara itu, beliau turut bersetuju dengan cadangan mewujudkan peraturan bagi meningkatkan penglibatan wanita dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).

Namun pada masa yang sama, beliau juga mengharapkan ada usaha daripada kerajaan untuk meningkatkan partisipasi wanita di dalam politik.

kan, target tersebut masih lagi tersasar sebanyak 22%," ujarnya.

Beliau berkata, prestasi PR1MA (Perumahan Rakyat 1Malaysia) juga menunjukkan kegagalan yang sama apabila sasaran membina 500,000 unit RRM menjelang 2018 tidak tercapai.

"Setakat ini RMM yang telah dibina adalah 9,791 unit rumah bersamaan 1.9% sahaja daripada sasaran asal," ujarnya.

## Sindiket curi hasil laut didalangi 'orang atasan'

**TINDAKAN** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan penguatkuasa Maritim mendedah beberapa sindiket 'usaha-sama' membabitkan orang tempatan, kakitangan penguatkuasa, warga dan nelayan Vietnam dalam aktiviti penangkapan ikan secara haram dan kecurian hasil laut di perairan negara tidak memadai untuk mengatasi masalah yang timbul sejak sekian lama.

Sambil mengucapkan tahniah terhadap pendedahan itu, Ahli Parlimen Kuala Terengganu Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah bagaimanapun menyifatkan pendedahan itu sebagai "permulaan kepada proses yang panjang" kerana banyak lagi 'pihak atasan' yang terlibat masih belum didakwa.

"Pada kebiasaannya kes-kes seperti ini hanya ikan bilis dan kecil dikenakan tindakan. Sindiket sebegini telah lama berakar umbi di Malaysia dan mempunyai 'god-father' yang berpengaruh serta berkedudukan tinggi.

"Persoalan sekarang adalah sejauh mana SPRM dan pihak berkuasa lain akan berusaha untuk mendedahkan dan mengha-

puskan sindiket haram nelayan asing ini untuk jangka masa yang panjang?" ujarnya dalam sidang media di bangunan Parlimen, 9 Nov lalu.

Menurut beliau, pendapatan daripada kecurian dan kehilangan 980,000 tan metrik tangkapan laut setahun yang berharga di antara RM4 bilion hingga RM6 bilion terlalu lumayan untuk dilepaskan begitu sahaja oleh sindiket yang begitu kaya dan boleh membeli pengaruh orang atasan.

Malah jelas beliau, sindiket ini beroperasi melalui pangkalan jeti khas di selatan Vietnam.

Beliau mengemukakan beberapa alasan untuk mengaitkan 'orang atasan' dan berpengaruh dengan sindiket itu antaranya kemampuan mereka menawar rasuah setinggi RM100,000 kepada pegawai penguatkuasa Maritim.

Raja Bahrin turut mempertikaikan bagaimana seorang wanita warga Vietnam yang disyaki anggota sindiket boleh mendapat gelaran Datuk jika tidak mempunyai hubungan dengan orang yang berpengaruh.

Nelayan haram Vietnam juga, tambah beliau boleh mengetahui dan mengelak

tangkapan bot penguatkuasa sebaik sahaja nelayan tempatan membuat aduan yang menunjukkan wujud kebocoran maklumat dalaman.

Beliau turut mempertikaikan mengapa kapal nelayan Vietnam yang ditahan kerana aktiviti haram boleh dibebaskan dalam waktu yang singkat dan hanya dikenakan denda yang rendah.

Malah tambah beliau, aktiviti sindiket haram bot kargo yang memindah ikan di tengah laut tidak dikenakan tindakan sewajarnya sehingga sekarang.

Apa yang lebih mendukacitakan, ujar beliau aduan dan cadangan nelayan tempatan terhadap aktiviti sindiket ini diremehkan tanpa tindakan sepatutnya dan pihak berkuasa hanya bertindak apabila pilihan raya sudah hampir.

"Jangan jadikan ini seperti operasi menangkap pegawai dan lantikan kerajaan yang menyeleweng bantuan rumah nelayan miskin dua tahun lepas yang telah senyap berkubur selepas satu operasi sahaja. Itu sekadar melepas batuk di tangga," tegas beliau.

## Kerajaan BN gagal tunai janji sedia 1.1 juta rumah

**KERAJAAN** BN perlu memohon maaf kepada rakyat kerana gagal menepati janji untuk menyediakan 1.1 juta unit rumah mampu milik (RMM) seperti dijanjikan dalam manifesto pilihan raya umum (PRU) ke-13.

"Seperti ramai yang maklum, kekurangan unit RMM di pasaran Malaysia menyebabkan implikasi buruk kepada rakyat antaranya kenaikan harga rumah yang mendadak, makin ramai yang tidak mampu memiliki rumah, peningkatan hutang isi rumah bagi golongan pertengahan M40

dan bakal menjadikan generasi akan datang yang 'homeless'," ujar Khalid Samad (AMANAH-Shah Alam).

Katanya lagi, daripada Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2016, negara dianggarkan kekurangan 960,000 unit RMM bagi melengkapkan permintaan rakyat pertengahan berdasarkan jumlah isi rumah.

Khazanah Research Institut, ujar beliau mendedahkan industri hartanah negara masih dimonopoli rumah berharga RM 300,000 dan ke atas sedangkan menurut Jabatan Perangkaan Malaysia pendapa-

tan purata 50% rakyat Malaysia masih lagi di bawah RM2000 sebulan.

"Setakat ini 241,575 unit rumah mampu milik telah dibina atau bersamaan 21.3% daripada sasaran. Manakala 634,235 unit rumah mampu milik atau 57% sedang dibina dan bakinya 22% masih dalam perancangan.

"Dengan hanya berbaki kurang 10 bulan, suatu yang mustahil untuk kerajaan menepati janji 1.1 juta rumah mampu milik, ini kerana hanya 21% yang telah tercapai.

"Walaupun ada yang sedang dibangun-



# Minda terbuka

**SUATU** waktu dahulu saya pernah mendengar dari seorang aktivis muda betapa dia tidak dibenarkan membaca dan mengemukakan idea yang diperolehi dari tulisan Stephen R. Covey, 'The 7 Habits of Highly Effective People', di dalam usrahnya di sebuah pusat pengajian tinggi. Katanya demi keselerasan minda (Wahdatul Fikr) mereka hanya diharuskan membaca sejenis tulisan sahaja dari pengarang-pengarang tertentu. Membaca tulisan orang lain apatah lagi pemikir-pemikir bukan Islam adalah suatu yang dikatakan membawa petaka.

Mengehadkan pembacaan kepada satu jenis ciri dan menyeragamkan pemikiran melalui pemaksaan kepada satu jenis tulisan sahaja bagi saya pun boleh mengundang petaka. Minda kita tidak akan berkembang, idea kita akan amat terhad walhal kita sentiasa berdepan dengan kepelbagaian masalah yang rencam, kompleks dan rumit.

Walau bagaimanapun kita tidak menafikan bahawa al Quran, al Hadis, dan kitab-kitab Thurath adalah rangkaian bacaan wajib namun tidak bermakna kita tidak perlu memperluaskan kefahaman tentang persoalan hidup ini melalui tulisan-tulisan lain termasuk yang kemaskini (muasir).

Zaman ini adalah zaman baru. Penduduk di dunia ini sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Perkembangan geopolitik juga sentiasa bertukar dan kita perlu mendapat maklumat yang berbagai mengenainya. Bagaimana mungkin kita boleh memahami apa yang ada di dalam minda orang yang berlainan

pegangan dan kepercayaan dengan kita, kalau kita tidak mencari tulisan dan kajian orang lain.

Satu waktu dulu sekitar tahun 1989, saya menghadiri satu persidangan di Moscow, Rusia mewakili Majlis Belia Malaysia (MBM). Suatu persidangan yang dipanggil *Preparatory Summit Of World Youth And Students Festival*, bagi mengatur pesta belia dan pelajar dunia yang bakal diadakan di Pyongyang, Korea Utara.

Pembukaan sidang itu dilakukan oleh Setiausaha Agung Parti Komunis Soviet merangkap Presiden Rusia, Mikhail Gorbachev. Tampak hebat sekali beliau membicarakan dua konsep yang beliau popularkan di Rusia iaitu Glasnost dan Perestroika. Namun Soviet Union telah runtuh pada tahun 1991. Untuk memahami bagaimana sebuah negara adikuasa tabir besi yang sebelumnya menjadi kuasa terbesar dunia boleh jatuh, kita harus membaca pelbagai tulisan untuk menganalisis peristiwa itu.

Baru-baru ini saya memiliki sebuah buku baru tulisan William Taubman, pemenang Pulitzer Prize bertajuk '*Gorbachev: His Life And Times*'. Pada pembukaan autobiografi setebal 852 halaman itu, pengarangnya menyatakan Mekhail Gorbachev pernah berkata kepadanya, "*Gorbachev is hard to understand*" (Gorbachev itu amat sukar untuk difahami). Jika memahami seorang manusia bernama Gorbachev itu sudah cukup sukar bagaimana pula untuk memahami satu bangsa, satu komuniti, satu kefahaman, satu kepercayaan tanpa

mencari di berbagai literatur.

Pemaksaan untuk berpegang kepada satu jalur pemikiran sahaja yang diamalkan dalam mana-mana pergerakan adalah suatu yang bakal membawa kepada kejumudan dan ketidakmampuan bertindak. Bahkan sesebuah pemerintahan yang memaksa agar semua pihak tunduk kepada satu aliran semata-mata bakal mengundang totalitarisme (kuku besi). Pemikir tempatan Dr Siddiq Fadzil pernah menggagaskan:

"Dalam masyarakat demokratik tidak boleh ada pemaksaan menelan pendapat yang tidak disetujui. Memaksa rakyat menerima pendapat penguasa dan mencabul kebebasan media adalah sejenis '*al-irhab al-fikry*' atau '*terorisme pemikiran*'. Pluraliti atau kepelbagaian, termasuk kepelbagaian pendapat seharusnya disikapi secara positif sebagai ikhtilaf yang membawa rahmah. Sebagaimana halnya perbezaan pendapat dalam fiqh yang akhirnya membentuk pelbagai mazhab, maka demikian jugalah perbezaan pendapat dalam politik yang kemudiannya menjelmakan pelbagai parti.

"Kepelbagaian parti politik (ta'addud al-azhab al-siyasiyyah) adalah satu keperluan bagi mencegah kesewenang-wenangan para penguasa. Dalam pemerintahan yang mengamalkan sistem satu parti, tidak ada kekuatan korektif yang berkesan, dan ini akan membuka ruang seluas-luasnya kepada segala bentuk penyelewengan, kecurangan dan kezaliman.

"Kehadiran pelbagai parti politik yang



**PENDAPAT**  
**MOHD ANUAR TAHIR**

menawarkan agenda dan program yang berbeza-beza dapat memberikan peluang kepada rakyat memilih mana yang terbaik. Dalam sistem demokrasi, kekuatan idea harus disaingi dengan idea tandingan, bukan ditindas dengan kekerasan. Semua parti akhirnya harus akur dengan keputusan rakyat yang dibuat melalui pilihan raya."

Oleh itu kita perlu memperluaskan khazanah pemikiran dengan memperbanyakkan bacaan dan tidak mengikat diri dengan satu bentuk atau jenis sahaja.

Maka para penggiat politik Parti Amanah Negara bertanggungjawab memperluaskan minda dengan menggali pemikiran-pemikiran para ilmuan-intelektual dari pelbagai kutub.

Melalui berbagai pendedahan (expose) pemikiran dan pengalaman dinamis manusia besar dunia kita akan dapat mengalami dan merasai pencerahan yang bermakna.

■ **Penulis adalah Setiausaha Agung Parti Amanah Negara (AMANAH).**

## Salah faham undi Bajet 2018!

**ADA** seorang YB parti suci (Pas) yang termasuk dalam 11 ahli parlimen parti suci yang memilih tidak mengundi bagi Bajet 2018 telah menulis di *Malaysiakini* bagi mempertahankan pendirian beliau dan kawan-kawannya yang 10 orang lagi untuk bersikap berkecuali. Cuma saya tak pasti pendirian beliau mengenai ketidakhadiran YB Marang dalam sidang Dewan Rakyat ketika undian dibuat.

Alasan beliau adalah peraturan di Parlimen membenarkan mereka berkecuali tak mengundi. Maknanya, tak sokong dan juga tak bantah melalui undi.

Beliau juga berkata jika mereka mengundi menolak Bajet 2018 tersebut, maka macam mana dengan bajet pembangunan seperti sekolah dan sebagainya?

Dia juga kata, ahli parlimen parti suci dalam perbahasan juga menentang atau mengkritik 1MDB, isu GST, isu ketirisan, isu Felda dan sebagainya.

Maaf, hujah beliau menarik namun bagi saya, menunjukkan satu kekeliruan.

Melihat kepada hujah beliau, saya teringat pengumuman Timbalan Menteri Kewangan di Dewan Rakyat bagi pihak Kementerian Kewangan apabila beliau cuba memperlekeh YB Pandan yang dituduh kononnya sokong GST apabila YB Rafizi Ramli mencadangkan kepada

kerajaan supaya menurunkan kadar GST dari 6% kepada 4%.

Hujah sebegini bagi saya, menunjukkan beliau tidak begitu faham seni berhujah dan lebih tepat lagi hujah "tebuk tupai". Sebagai Ahli Parlimen PH, sudah tentulah YB Pandan seperti mana PH, tak setuju dgn GST dan mahu ianya dibatalkan. Namun dalam keadaan Kerajaan BN ada suara majoriti di dalam parlimen, sudah tentu di waktu ini PH tidak boleh menghapuskan GST.

Justeru itu, dalam keadaan sebegini cadangan YB Pandan supaya kadar GST diturunkan kepada 4% adalah cadangan kepada kerajaan BN yang masih nak teruskan cukai tersebut. Ia samalah macam kita mempersoalkan kebebasan badan kehakiman dalam negara ini, tapi kita masih pergi ke mahkamah juga dan tak pergi ke mahkamah di negara lain.

Kembali kepada isu bajet. PH penuh sedar hatta jika semua ahli parlimen pembangkang hadir (termasuk Pas) sekalipun dan mengundi menolak bajet, ia masih tidak berjaya menolak bajet tersebut kerana pada masa ini BN ada suara majoriti.

Namun selepas berhujah dan berdebat serta tegas menpertikaikan cara Kerajaan BN menguruskan kewangan negara dalam perbahasan bajet, maka satu-

satunya opsyen yang konsisten adalah menolak bajet tersebut. Sudah tentu jika bajet ditolak, Kerajaan BN akan tumbang dan perlu ada pilihan raya.

Undang-undang dan Perlembagaan benarkan mana-mana ahli parlimen, hatta di pihak BN sekalipun, untuk menolak bajet setelah mendengar perbahasan kedua-dua blok - kerajaan dan pembangkang.

Jadi dengan cadangan undi belah bahagi (block voting) sebenarnya, setiap MP di dalam dewan yang penuh sedar bagaimana kerajaan BN salah urus kewangan negara, mereka sewajarnya berani untuk memberi satu petunjuk yang jelas kepada kerajaan BN - jangan cuba perbodohkan kami atau rakyat... Bajet anda wajib ditolak!

Itulah mesej yang sepatutnya ditunjukkan kepada kerajaan BN. Ya, mungkin sukar bagi ahli parlimen BN untuk mengundi menolak bajet kerana sistem Whip. Namun tak sepatutnya ada masalah bagi ahli parlimen pembangkang mengundi dalam satu suara - tolak bajet!

Bila 11 ahli parlimen orang parti suci berkecuali dengan tidak mengundi menolak bajet tersebut, tanggapannya hanya satu - parti suci masih boleh terima juga bajet tersebut! Ia juga secara



tak langsung menunjukkan bahawa parti suci tak mahu tunjukkan satu protes "*in the most strongest term*" ke atas bajet kerajaan BN itu.

Dan kesannya ada Timbalan Menteri yang sokong pendirian parti suci tersebut... 'politik matang dan sejahtera' dipuji!

Bagi saya, tak timbul ahli parlimen PH tak mahu bajet atau peruntukan untuk sekolah dan sebagainya. Hakikatnya, kita mahu lebih banyak lagi jika wang negara dibelanja dan diurus dengan baik. Sekarang ini, akibat wang negara tak diurus dengan baik dan telus, maka banyak peruntukan untuk rakyat seperti perumahan, sekolah, universiti awam, subsidi untuk rakyat miskin terjejas teruk dan yang lebih teruk lagi, cukai diambil daripada semua rakyat atas nama GST! Allah Lebih Mengetahui.

■ **Penulis ialah Ahli Parlimen Sepang dan Pengerusi Biro Undang-undang AMANAH (Kanun).**



# Hijab ban is not international policy

By **NUR FARIHAH MEOR MAZLI**

**THIS** response is in regards to recent statements made by the Malaysian Association of Hotels (MAH).

Its chairman, Samuel Cheah Swee Hee, said in an online news report that prohibiting front-line staff from wearing hijabs or headscarves was an international practice and not meant to be discriminatory.

Any logical person would automatically respond that this clearly absurd 'rule' is indeed discriminatory to many of our Malaysian Muslim sisters who want to pursue their dreams in hotel management or simply seek a job there.

Things did not get any better when Samuel said it was just a matter of policy which has been used worldwide by all hotels, while ditching the fact of Islamophobia and religious discrimination just because it has been done since the policy was first created.

This ingrained problem did not stop there as this unfortunate event also extended to some hospitality and tourism students who applied for internships.

Now that the ugly truth is in the spotlight, this is the right time to educate the

public, particularly the individuals behind hotel administration and human resources, on what is actually international employment policy and how it works in this blessed country of Malaysia.

Fundamentally, we need to look at the provision under the Federal Constitution where in Article 8(2), it says there shall be no discrimination against citizens on the grounds of among all, religion, or in the appointment to any employment or in carrying on business or employment.

Basically, you can win a court case if you encounter this form of discrimination at your workplace. Consider the infamous case of Noorfadilla Ahmad Saikin vs the Malaysian government where she was denied employment as a temporary teacher upon discovering her pregnancy.

However, action can only be taken if the challenged party is a public authority, hence it is a loophole in the law that we cannot ensure private actors (companies) are punished, and enable victims of discriminatory acts to be compensated for such breaches.

Nonetheless, as Malaysia acceded to the United Nation's Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against

Women (Cedaw) back in 1995, all state parties including the companies established under the law of the state are legally bound by it.

This international human rights treaty provides protection for woman as well as girls from any form of bigotry and partiality. Article 7 of the Universal Declaration of Human Rights (UDHR) meanwhile assures that everyone is entitled without any discrimination to equal protection of the law.

While the international employment policy itself demands that companies comply with published corporate social responsibility (CSR) standards to account for their social, economic and environmental impact locally, it also ensures transparency and fair treatment for employees.

Thus, it is refutable to claim that hijab-wearing women cannot enter into hotel employment contracts just because it is an international policy and has been practised worldwide since the beginning.

When there is a binding convention on the protection of women's rights, the "international policy on hijab banning" is debatable. If it's truly legal, this oppressive

policy or practice is clearly a form of religious discrimination against Muslim women who decide to perform the act of obligation whenever they look for a way to make a living.

It is a fact that Muslims make up the majority of Malaysian citizens. Hence, it would be irrational to ban its women from legal employment based on their religious preference or their acts of faith towards God.

Muslim women who wear the hijab find it harsh for local as well as private companies to continue outlawing them as it infringes on their rights as free women in this free country.

Whether it is international policy or not, no rightful individual, organisation or company should discriminate against communities, especially when the country upholds laws on equality and Islam as the religion of the federation. - FMT

■ **Nur Fariyah Meor Mazli is a law student at UiTM and an activist with the International Women's Alliance for Family Institution and Quality Education (Wafiq).**

## Hijab ban: Discrimination is wrong, so don't pick and choose

By **ART HARUN**

**MOST** of the arguments against my post on the discriminatory practices of the hotels against women wearing hijab yesterday are, with respect, bereft of any rational argument.

In fact, some display utterly provocative statements, if not, seditious, about 'tudung' wearing women (one said that the tudung is worn by "the poor and ugly or kind").

Let it be known that I condemn that statement in the strongest terms and way possible.

I have not deleted the comment because I want to show what bigotry is and how it manifests itself.

Some others vent their frustration and anger towards the government over its discriminatory policies against non-Malays such as the affirmative actions and even the fact that some ladies are banned from entering government offices when they are deemed to not wear a knee-length skirt.

Others pointed out that MAS, Air Asia et al also ban tudung wearing women from being stewardesses.

One or two stated that our race has been discriminated for a long time and we never complained or cry about it. Life just goes on for us.

Well, good for you then. Some people do cry about things. Some people don't.

And if life just goes on for you despite the discrimination against you, why are you stating that fact on my wall?

I don't know how those examples that they highlighted assist them in their 'arguments' against my arguments in my post.

Or are they implying that since the government practices discrimination and since other entities also practise discrimination, the hotel's action is not discriminatory.

Or two wrongs make one right.

The funny thing is this.

These are the same people who make so much noise about the Muslim-only laundrette being discriminatory!

We have to be consistent when it comes to universal human rights.

Discriminatory practices must stop. And it means ALL discriminatory actions. Not just the ones that we don't like.

There is a very obvious reason why they are called UNIVERSAL human rights.

There are also people who say that it is a small issue.

Well, transgression of human rights reduce the dignity of the person as a human being. That is never a small issue.

May I ask, why is it that once a prisoner enters a prison, the immediate thing that they do is to cut his hair almost bald? That is a small thing.

It is just cutting hair. But that reduces the dignity of the man to a point where his absolute submission is expected.



So, please, there is nothing that is too small when it comes to dignity as a human being.

I don't mind people disagreeing with me. But I expect rational arguments.

Like that one person who came and said that Constitutional protection against discrimination only applies in the public – as opposed to private – domain.

I took the trouble to reply to his said comment.

But I must say his single argument carries a weight far larger than all those comments I referred to above combined!

We pride ourselves for being rational and right-thinking.

But as the comments to my said post evince, we do have a propensity to just be like those whom we so readily condemn for being shallow and stupid. And for being racist and bigots!

What a shame. It is sad. - FMT

■ **Azhar Harun, better known as Art Harun, is a prominent human rights lawyer.**



# Negara berhutang lagi untuk projek MRT3

**L**APORAN berita minggu lepas mengesahkan bahawa Kerajaan Malaysia (melalui MRT Corp) telah mempelawa syarikat-syarikat pembina sistem pengangkutan dari seluruh dunia untuk mengemukakan bidaan bagi projek MRT fasa 3 (dikenali MRT3 atau 'Circle Line').

MRT3 adalah fasa terakhir dan termahal kerana melibatkan stesen-stesen bawah tanah. Jajaran sepanjang 40 km ini akan mempunyai 30 km laluan bawah tanah, yang kosnya sudah tentu jauh lebih mahal dari laluan atas tanah.

Saya memantau perkembangan perkara ini sejak seminggu yang lalu. Laporan BERNAMA yang disiarkan Malaysiakini (rujuk <https://www.malaysiakini.com/news/401839>) memperincikan lagi maklumat-maklumat mengenai kontrak MRT3 ini, seperti yang diterangkan oleh CEO MRT Corp Datuk Seri Shahril Mokhtar.

Perincian yang diberikan oleh Datuk Seri Shahril menimbulkan banyak persoalan kerana ia bertentangan dengan pelbagai kenyataan yang dibuat oleh pentadbiran Datuk Seri Najib Razak berhubung pelaksanaan projek MRT dan kemampuan kerajaan membiayainya tanpa membebaskan rakyat.

Saya senaraikan percanggahan-percanggahan tersebut:

1. Najib dalam ucapan belanjawan 2011 mengumumkan bahawa projek MRT sepanjang 150 km akan menelan belanja RM40 bilion sahaja. Dengan pengesahan-pengesahan sebelum ini mengenai kos MRT1 (RM28 bilion) dan MRT2 (dilaporkan RM31 bilion), anggaran kos MRT3 di antara RM35 bilion ke RM40 bilion (seperti laporan BERNAMA



**PENDAPAT**  
RAFIZI RAMLI

di atas) mengesahkan bahawa kos keseluruhan MRT sepanjang 150 km ini adalah dalam lingkungan sekurang-kurangnya RM100 bilion, bukannya RM40 bilion seperti yang didakwa.

Malah, anggaran kos RM35 bilion ke RM40 bilion adalah rendah berbanding kos MRT1 sebanyak RM28 bilion (pada harga 2012 semasa ringgit masih kukuh dan tidak mengambil kira kenaikan harga dalam satu dekad di antara 2012 ke 2022, iaitu bila MRT3 akan mula dibina).

Saya menganggarkan kos yang lebih tinggi iaitu sekitar RM70 bilion untuk kos MRT3, iaitu 2 kali ganda dari yang dianggarkan seperti laporan BERNAMA. Perincian kos MRT1, MRT2 dan MRT3 yang boleh mencecah RM120 bilion ini telah saya huraikan setahun yang lepas di <http://rafiziramli.com/2016/12/anggaran-kos-keseluruhan-projek-mrt-mencecah-rm124-bilion-sedangkan-najib-mendakwa-kos-hanya-rm40-bilion/>

2. Shahril dipetik BERNAMA sebagai berkata, pentadbiran Najib mengubah struktur kontrak dari PDP (project delivery partner) kepada 'turnkey' untuk menjimatkan berbilion ringgit kos pembinaan MRT3. Menurut beliau, pertukaran kepada 'turnkey' ini penting kerana projek MRT3 memerlukan pembiayaan yang besar akibat kos pembinaan bawah tanah (iaitu 80% dari keseluruhan jajaran).

**“ Pengakuan Shahril bahawa konsep 'turnkey' boleh menjimatkan berbilion wang rakyat secara langsung memaklumkan kepada rakyat bahawa kos MRT1 dan MRT2 yang dilaksanakan di bawah konsep PDP adalah lebih mahal dari harga yang sepatutnya.”**

Saya telah membantah penggunaan konsep PDP sejak dari tahun 2010 lagi kerana berlaku percanggahan kepentingan (conflict of interest) apabila kontraktor yang dilantik menjadi PDP (iaitu konsortium MMC-Gamuda) juga bersaing untuk memenangi pakej pembinaan terbesar MRT1 iaitu yang melibatkan pembinaan laluan dan stesen bawah tanah.

Pengakuan Shahril bahawa konsep 'turnkey' boleh menjimatkan berbilion wang rakyat secara langsung memaklumkan kepada rakyat bahawa kos MRT1 dan MRT2 yang dilaksanakan di bawah konsep PDP adalah lebih mahal dari harga yang sepatutnya.

Malangnya, saya khuatir pertukaran dari konsep PDP kepada 'turnkey' (kontraktor membida satu harga dan bertanggungjawab menguruskan semuanya termasuk memilih sub-kontraktor) ini bukanlah bermotifkan keinginan untuk menjimatkan kos semata-mata.

Saya berpendapat pertukaran ini hanyalah untuk disesuaikan dengan keperluan menganugerahkan projek terbesar yang dibiayai oleh rakyat ini kepada satu lagi syarikat milik negara China.

Ini kerana syarat-syarat utama yang perlu dipatuhi oleh syarikat pembina nampaknya hanya boleh dipenuhi oleh anak syarikat negara China, seperti saya

senaraikan di bawah:

i. Pembida perlu membiayai sendiri sekurang-kurangnya 90% dari jumlah kos pembinaan. Ini bermakna, bagi projek MRT3 yang kosnya paling kurang RM40 bilion, syarikat pembida itu perlu mendahulukan dana sebanyak RM36 bilion. Bukan sahaja tidak ada syarikat Malaysia yang ada wang sebanyak itu, tidak ada bank yang akan memberi pinjaman sebanyak itu tanpa mengenakan kadar faedah yang tinggi.

ii. Setelah siap pembinaan, bayaran dana yang didahulukan itu tidak perlu dibayar untuk lapan tahun pertama, kemudian jumlah dana boleh dibayar untuk tempoh 30 tahun akan datang.

Tidak ada mana-mana syarikat di Malaysia, atau di dunia kecuali syarikat milik negara China yang ada kemampuan dana sebanyak ini.

Sementara Najib akan memberi alasan bahawa negara China sangat yakin dengan keadaan ekonomi negara sehingga sanggup mendahulukan wangnya untuk membina MRT3, rakyat juga boleh membuat kesimpulan sendiri bahawa Putrajaya di bawah beliau tidak ada wang untuk membiayai MRT3.

Pertamanya, kerana hutang kerajaan persekutuan yang telah terlalu tinggi dan sentiasa dalam bahaya melanggar had hutang

negara yang ditetapkan di bawah Akta Pendanaan Negara iaitu 55% dari Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Keduanya, jika pun kerajaan persekutuan masih boleh berhutang, kadar bunganya adalah jauh lebih tinggi kerana reputasi kewangan negara yang tercemar selepas skandal 1MDB.

Saya meneliti garis masa projek MRT3 ini seperti berikut:

i. Lantikan syarikat yang berjaya membida menjadi kontraktor dalam bulan Februari 2018.

ii. Kelulusan dari Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dalam bulan Disember 2018.

iii. Pembinaan bermula seawal suku ketiga 2019.

Saya akan membawa isu ini ke Majlis Presiden Pakatan Harapan supaya dipertimbangkan agar Pakatan Harapan menyemak kembali apa-apa keputusan berhubung projek MRT3 sekiranya Pakatan Harapan menang PRU14.

Ini bermakna, jika ada wang yang disalurkan lebih awal kepada kempen PRU14 oleh mana-mana syarikat yang membida, atau jika kontrak MRT3 ini digunakan untuk mendapatkan sebarang rasuah bagi apa-apa tujuan terutamanya bagi PRU14, perkara ini akan diketahui oleh rakyat.

Kerajaan baru yang mengambil alih Putrajaya, jika Pakatan Harapan menang nanti, boleh menggunakan sepenuh kuasa yang ada melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat untuk tidak meluluskan lantikan pembida yang dipilih oleh MRT Corp yang akan diumumkan Februari 2018 ini.

**Rafizi Ramli ialah Ahli Parlimen Pandan dan Naib Presiden Keadilan.**

## Jadikan 2017 penamat diskriminasi wanita hijab

**POLISI** syarikat yang melarang pekerja wanita bertudung bertugas di bahagian perkhidmatan pelanggan perlu segera ditangani dan dihentikan serta merta.

Selain secara jelas wujudnya diskriminasi terhadap penganut agama Islam, saya melihat ini juga sebagai satu bentuk langkah jumud sesetengah syarikat yang sepatutnya memanfaatkan tenaga dan kemahiran pekerja dengan lebih adil serta bertoleransi.



**PENDAPAT**  
DR SITI MARIAH MAHMUD

Saya sebenarnya terkejut masih ada peraturan yang mundur dan retrogresif ini. Prosedur Operasi Standard

(SOP) mana-mana majikan tidak boleh melangkaui adat dan amalan sesebuah negara yang sudah termaklum dan di terima masyarakat.

Sebelum ini banyak laporan mengenai diskriminasi di tempat kerja dilaporkan tetapi sehingga sekarang nampaknya masih belum berakhir. Saya percaya bukan industri perhotelan sahaja yang melakukan diskriminasi ini.

Siasatan perlu dibuat secara menyeluruh di setiap sektor

kerja dan para pekerja juga dinasihatkan membantu dengan membuat laporan kepada pihak berkuasa.

Tindakan tegas dan berat perlu dikenakan terhadap syarikat yang melakukan diskriminasi ini sebagai pengajaran kepada syarikat yang lain.

Justeru saya menggesa kerajaan dan tiga kementerian penting seperti Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,

serta Kementerian Sumber Manusia menjadikan tahun 2017 ini sebagai tahun penamat kepada diskriminasi ini.

Hal ini kerana, jika diskriminasi begini gagal ditangani secara menyeluruh, harapan tahun 2018 sebagai tahun memperkasa wanita akan menjadi harapan palsu sahaja.

**Dr Siti Mariah Mahmud ialah Ahli Parlimen AMANAH Kota Raja dan Ketua Awan Nasional.**





# AMANAHAH Gelang Patah pacu misi ke Nusajaya

Oleh AMNI JAGAT

**GELANG PATAH** adalah kawasan parlimen yang menjadi tumpuan ketika pilihan raya umum ke-13 (PRU13) lalu apabila tokoh utama DAP, Lim Kit Siang bertemu bekas Menteri Besar Johor, Tan Sri Abdul Ghani Othman dalam pertandingan dua penjur.

Di kawasan parlimen ini juga terletaknya Dewan Undangan Negeri (Dun) dan pusat pentadbiran negeri iaitu Nusajaya.

Kawasan parlimen Gelang Patah mempunyai dua kawasan Dun iaitu N48 Skudai dan N49 Nusajaya. Kawasan Parlimen Gelang Patah diwakili Lim Kit Siang dari DAP, Dun Skudai diwakili Dr. Boo Cheng Hau manakala Dun Nusajaya diwakili Dr. Zaini Abu Bakar dari Umno-BN.

Parti Amanah Negara (AMANAHAH) Kawasan Gelang Patah adalah AMANAHAH kawasan yang terawal ditubuhkan pada 23 Ogos 2015.

"AMANAHAH ditubuhkan di kawasan ini bertujuan meneruskan lagi gelombang rakyat yang mahukan perubahan politik," kata Ketua AMANAHAH Kawasan Gelang Patah, Dzulkefly Ahmad.

Dzulkefly menyifatkan kawasan parlimen ini sebagai unik kerana pernah menjadi medan tempur paling hangat pada PRU13 yang menyaksikan pertembungan antara Abdul Ghani dan Kit Siang. Umno ujarnya, sanggup bertanding di kawasan yang secara tradisi ditandingi MCA.

"Isu di Gelang Patah memang banyak terutamanya tentang permasalahan tanah kerana di daerah ini terdapat projek-projek mega membabitkan ramai pelabur asing serta isu berkaitan dengan Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT), persempadanan semula kawasan pilihan raya, Daftar Pemilih dan beberapa isu terpecil yang membabitkan rakyat

## FOKUS KAWASAN Gelang Patah

setempat yang tidak diselesaikan.

"Kami telah membawa isu berkenaan dengan RDPT ke peringkat SPR negeri kerana berlaku kepincangan dalam daftar pemilih baru antaranya satu alamat rumah mempunyai bilangan pengundi yang ramai" katanya.

AMANAHAH Gelang Patah juga mengutamakan kader-kader muda dalam barisan kepimpinannya. Sebagai contoh Naib Ketua Pemuda AMANAHAH Negeri Johor Azam Mektar dilantik sebagai Naib Ketua AMANAHAH Gelang Patah.

Menurut Dzulkefly, pembabitan pemuda di dalam organisasi penting bagi mendapatkan pandangan segar serta berfungsi sebagai penghubung antara golongan muda dan pemimpin kawasan.



Program Bubur Peduli... bersedekah di hari Jumaat.



Dzulkefly menghendahkan limau mandarin kepada masyarakat Tionghoa.



Kempen Daftar Pemilih.





Menawarkan minuman percuma sambil mempromosikan AMANAH.



Memberikan penerangan kepada orang ramai berhubung isu persempadanan semula kawasan pilihan raya.

## “Sembang Kedai Kopi” produk AMANAH Gelang Patah



Program Sembang Santai Kedai Kopi membariskan tokoh-tokoh nasional dan tempatan.

**AMANAH** Kawasan Gelang Patah menganjurkan program ‘Sembang Kedai Kopi’ bertujuan mendekati masyarakat dengan lebih santai di samping membincangkan isu-isu semasa.

Sembang Kedai Kopi yang diilhamkan ahli jawatankuasa AMANAH Kawasan adalah program dialog yang menampilkan tokoh-tokoh nasional dan tempatan dalam pelbagai bidang.

Program bual bicara ini dijalankan di restoran yang menjadi tumpuan orang ramai. Selain berdialog dengan orang awam yang berada di restoran tersebut, Sembang Kedai Kopi juga dipancarkan secara langsung di

Facebook AMANAH Negeri Johor.

“Program ini diuruskan Pengarah Komunikasi AMANAH kawasan dan setakat ini berjalan dengan baik. Ia menengahkan isu-isu semasa di negeri ini dan kami menjemput ahli panel yang berkelayakan bagi mengupas isu yang berbangkit,” ujar Dzulkefly.

Naib Ketua AMANAH Kawasan Gelang Patah, Azam Mektar yang juga tulang belakang kepada program Sembang Kedai Kopi berpuas hati dengan sambutan orang ramai.

Menurutnya, program itu kini sudah dicon-tohi oleh AMANAH kawasan-kawasan lain di Johor.



### JAWATANKUASA AMANAH KAWASAN GELANG PATAH SESI 2016 - 2018

Ketua	DZULKEFLY AHMAD	Ahli Jawatankuasa	DR. SUKRI
Timbalan Ketua	MUSA ABDUL WAHAB		NURINI SULAIMAN
Naib Ketua	PROF. EMERITUS SAMSUDIN		AZIM JAMIL
Naib Ketua	AZAM MEKTAH		WALAU AH POH
Naib Ketua	ISNIN HASSAN		RAMESH A/L ARUMUGAM
Setiausaha	WAN MOHD NASRUDIN		NAZRIL AWANG
Pen. Setiausaha	DR. HAMDAN BUDIN		NORHANA HASSAN
Pen. Setiausaha	MOHD AMIN HAMAMI		MA'SOM MARDI
Bendahari	ROZITA ABDUL		MUSTAFA KAMAL
Ketua Komunikasi	NASSER YUSOFF		A. FAUZI A. ZABIDI
Ketua Pemuda	M TAUFIQ RIZAL		M. SHAHREZAD MOHID
Ketua Wanita	WAN KHADIJAH WAN ABDUL GHANI		A. NISTION
Ketua ARIF	KHAIRUL ANWAR M ARISH		

PROMOSI TERBARU!!

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH (SATU MUKA)

RM 500

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar AMANAH setiap keluaran.



UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:

01132334322 (EN HAKIM)



**6** Krisis Timur Tengah: PM rosakkan dasar berkecuali negara

**10** Bendahari Pas Pusat diarah bayar RM200,000

**22** Libatkan guru dalam pelan kementerian



PP18978/03/2016(034450)



# Amanah

BIL 77 | 19 - 25 NOVEMBER 2017

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
19.11.2017	5:31	5:41	6:59	13:01	16:23	18:59	20:11
20.11.2017	5:31	5:41	6:59	13:02	16:24	18:59	20:12
21.11.2017	5:31	5:41	6:59	13:02	16:24	18:59	20:12
22.11.2017	5:31	5:41	7:00	13:02	16:24	18:59	20:12
23.11.2017	5:32	5:42	7:00	13:02	16:25	18:59	20:13
24.11.2017	5:32	5:42	7:00	13:03	16:25	19:00	20:13
25.11.2017	5:32	5:42	7:01	13:03	16:25	19:00	20:13



Dua pemimpin DAP, Setiausaha Agung, Lim Guan Eng dan Timbalan Pengerusi, Gobind Singh Deo antara yang awal membantah tindakan menghalang wanita Islam dari memakai tudung ketika bekerja di hotel.

## DAP BELA WANITA ISLAM

PEMIMPIN DAP menawarkan khidmat guaman manakala kerajaan Pulau Pinang pula membuat arahan agar jangan ada mana-mana hotel di negeri itu menyekat pekerja hotel di kalangan wanita Islam untuk memakai pakaian bertudung ketika bertugas. Bagi penganalisis ini adalah lambang kepada sikap sebenar DAP terhadap Islam ketika sesetengah pihak mendakwa DAP anti Islam.

← Laporan penuh muka 2

## Ekonomi Malaysia semakin lemah, lapor Bank Dunia

LAPORAN terkini Bank Dunia menunjukkan ekonomi Malaysia semakin lemah dan bakal menurun kepada 5% pada 2018, 4.8% pada 2019.

Menurut laporan sebuah laman web, The Coverage, "Risiko utama yang dihadapi untuk berkembang datangnya daripada dasar ekonomi, pembangunan geopolitik dan harga komoditi yang tidak menentu."



Pegawai Bank Dunia dalam urusan ekonomi Malaysia, Farid Hadad-Zervos baru-baru ini memberi amaran: "Soalan asas dalam hal ini ialah, apakah sebenarnya makna KDNK dalam kehidupan rakyat Malaysia?"

→ Laporan penuh muka 2

### TURKI

30 NOV - 9 DIS 2017

TURKI WINTER **RM4,199** ALL IN

07 - 16 FEB 2018 | NOVEMBER | DISEMBER

TURKI WINTER **RM4,100** ALL IN

13 - 22 APRIL 2018

TURKI SPRING **RM3,899** ALL IN

21 - 30 JUN 2018

TURKI SUMMER **RM4,100** ALL IN

OCTOBER

TURKI AUTUMN **RM4,100** ALL IN

### SEOUL

09 - 13 NOV 2017

SEOUL AUTUMN **RM3,150** ALL IN

13 - 22 APRIL 2018

SEOUL SPRING **RM3,150** ALL IN

01 - 05 FEB 2018 | 08 - 12 FEB 2018 | 01 - 05 MAC 2018

SEOUL WINTER **RM2,990** ALL IN

### PAKEJ UMRAH

TARIKH	HARGA (RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
DISEMBER 13-24 DIS 2017	7,150	6,800	MEKAH MALAK AT-TAQWA (BEMANG) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (BEMANG) 150M
JANUARI 17-23 JAN 2018	6,890	6,590		
FEBRUARI 01-12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01-12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04-13 APRIL 2018	6,890	6,590		

TARIKH	HARGA (RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
DISEMBER 13-24 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LULUAT (BEMANG) 400-600M	MADINAH CONCORDE HOTEL (BEMANG) 150M
APRIL 18-29 APRIL 2018	5,890	5,590		

**PELBAGAI DESTINASI MENARIK!**

PAKEJ RUMMAN

PAKEJ TAMAR

HUBUNGI

**+603 - 6184 1542**